

14 JULAI 2020 (SELASA)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2020

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KEDUA

SHAH ALAM, 14 JULAI 2020 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

TIDAK HADIR (Dengan Maaf)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

14 JULAI 2020 (SELASA)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

**Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha COVID Selangor**

**Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Bentara

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi
Puan Nurul Liana binti Musa
Pelapor Perbahasan

14 JULAI 2020 (SELASA)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat Pagi dan Salam Sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor ke Keempat Belas pada 14 Julai 2020 dimulakan dengan bacaan Doa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Doa.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Salam Sejahtera, Selamat Pagi, saya persilakan Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PROJEK INFRASTRUKTUR DI NEGERI SELANGOR

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek yang tertangguh, terbatal dan diteruskan mengikut jumlah peruntukan selepas pertukaran Kerajaan Persekutuan pada awal tahun 2020
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan projek-projek tersebut dapat diteruskan bagi memastikan kepentingan rakyat dijamin?

JAWAPAN :

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang. Permatang ingin bertanya kan berhubung dengan projek infrastruktur yang tertangguh, terbatal dan diteruskan selepas pertukaran Kerajaan Persekutuan pada tahun, pada bulan, pada tahun 2020 yang baru-baru ini dan juga bahagian keduanya ialah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan projek-projek tersebut dapat di teruskan bagi memastikan kepentingan rakyat jamin. Untuk makluman Yang Berhormat, pertukaran Kerajaan Persekutuan tidak memberi kesan terhadap penangguhan dan pembatalan projek-projek yang sedia ada. Projek-projek Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia ke-11 di Negeri Selangor masih lagi diteruskan tanpa campur tangan mana-mana pihak.

Selain daripada itu, proses untuk merancang projek-projek di bawah Rancangan Malaysia ke-12, masih lagi dalam pelaksanaan Kerajaan Persekutuan dengan perbincangan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri. Tambahan pula, sempena Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor juga ada menerima peruntukan sebanyak RM5 juta daripada Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan projek infrastruktur awam dan asas untuk seluruh Negeri Selangor RM5 juta. Bagi pelaksanaan projek di bawah Kerajaan Negeri pula, ia dilaksanakan mengikut perancangan dan tiada projek yang dibatalkan disebabkan pertukaran Kerajaan Persekutuan.

Untuk soalan yang bahagian kedua, seperti mana projek-projek lain, pelaksanaan projek-projek sentiasa dipantau oleh Kerajaan Negeri dalam usaha memastikan pelaksanaan dapat disempurnakan dalam tahun, dari setahun ke setahun. Dalam usaha ini, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), sentiasa memantau laporan prestasi bulanan yang dikemukakan oleh jabatan atau agensi pelaksana. Selain daripada itu, pemantauan projek turut dilaksanakan melalui Mesyuarat Teknikal Perancangan dan Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan Negeri (JKTPN) yang dilaksanakan setiap 10 tahun.

Manakala, bagi projek-projek yang lewat jadual, pelaksanaan projek akan dipantau dan dibincangkan secara terperinci melalui projek Mesyuarat Khas bagi menilai projek-projek yang rendah prestasi di dalam kemajuan projek itu sendiri. Ini bermaksud, kalau ada projek-projek yang tergendala ataupun lambat, sekarang ini ia

14 JULAI 2020 (SELASA)

berkait rapat dengan prestasi kontraktor berkaitan yang kita ambil kes *by kes*, kita selesaikan. Itu yang menjadi punca utama, kalau ada juga dan lagi *delay* ataupun kelambatan, itu yang saya sebut semalam dalam ucapan saya dan jawapan saya semalam, berkait rapat dengan isu-isu kalau infra ini, dengan isu-isu tanah, pengambilan tanah dan juga pengalihan utiliti. Jadi ini bersifat lokal, bukan melibatkan kerana pertukaran Kerajaan Persekutuan itu. Terima Kasih.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Baik, Sijangkang.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Exco, saya malas nak tanya soalan ini lagi sebenarnya, tapi kena tanya juga hari ini. Berkaitan dengan penggantian jambatan Sungai Rampai Kecil dan juga Sungai Rampai Besar. Sungai Rampai Kecil EDS, kontraktornya EDS Communication Sdn Bhd sepatutnya mula 22hb 7 2019, tamat 19hb 7 2020 dan juga mengatakan jambatan Sungai Rampai Besar kontraktor FYZ Holdings Sdn Bhd mula 23hb 12 2019, tamat 20hb 12 2020. Isunya adalah selepas, saya ingat saya dah berulang kali saya tanya, dalam sidang yang lepas selepas saya, selepas dewan saya ada bangkitkan isu ini, kemudian dipasang kon pada projek ini.

Hari ini, bila kita nak sidang, minggu lepas ada notis untuk penutupan jalan bermula 9 Julai sehingga 10 Julai untuk kerja-kerja memasang masuk jambatan Sungai Kecil. Sebelum ini tak ada apa, jadi mungkin secara kebetulan minggu ini kita bersidang. Jadi saya nak tahu apa statusnya, satu sepatutnya dah selesai, satu lagi penghujung tahun ini akan selesai, tapi saya tak nampak tidak banyak perubahan. Ini mendatangkan masalah kepada kesesakan. Alhamdulillah, Bandar Saujana Putera dah tak sesak dah, dapat selesaikan dengan kesesakan di kawasan ini. Jadi kalau masalah besar adalah...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, terus kepada soalan tambahan ini dan perbahasan.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih, minta maaf.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Sijangkang ini saya pun tak faham, dia matan Exco ini, tak akan dia tak tahu kerja-kerja macam ini. Kita tak boleh nak kata kerana tiba-tiba berjalan, kerana sangka buruk, kita pula yang bawa dia ni, saja-saja nak buat dekat sidang. Tak boleh la begitu. Kita kena ada sangka baik, kita pun faham, kita pun baru habis PKP. Masa PKP baru ini, tak dibenarkan sebarang kerja-kerja pembinaan. Itu kita kena sangka baik pada pegawai-pegawai, saya cuba terbaik, tak ada masalah. Saya kalau ada isu-isu, saya akui ada kerja-kerja yang terbengkalai, kerana kontraktor dan sebagainya. Itu kita tangani satu persatu, *Insyaallah*. Tak ada niat lain melainkan untuk buat yang terbaik untuk rakyat Negeri Selangor ini. Itu saya punya, Cuma saya soalan Yang Berhormat. Tak apa, jangan risau-jangan risau, kawan lama sahabat baik.

Saya Cuma nak bagitahu di sini bahawa, saya soalan itu agak khusus, kita perlu dapat, saya akan dapatkan terbaru tentang perkembangan kemajuan projek berkenaan, saya akan dapatkan. Sebab ini agak umum. Jadi Cuma saya boleh jamin di sini bahawa sebarang projek yang kita telah susun, kita akan teliti dan melihat kesan bukan sahaja kerana COVID atau PKP baru ini, tapi juga apa-apa isu masalah. Saya boleh sebut di sini satu yang menjadi kerisauan saya, projek di kampung sungai, jalan kampung Lombong, yang telah begitu lama agak *delay* nya, tergendala nya yang perlu saya teliti fasal masalah yang saya telah pun beberapa kali mesyuarat untuk selesaikan. Begitu juga yang disebut oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi, kita akan pantau dan lihat dan pastikan pelaksanaannya dibuat mengikut jadual, kalau *delay* pun, seminima yang mungkin. Itu yang saya boleh bagi jaminan di sini. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Exco, bukan kah pernah apa yang berlaku di Sungai Rampai, tadi sebut Sungai Rampai Kecil dan Besar itu. Sebenarnya masalah dia adalah di Sungai kecil dan besar, yang

14 JULAI 2020 (SELASA)

masuk ikut jadual adalah Sungai Rampai Besar, bukan kah keseluruhan kedua-dua jambatan ini, sebenarnya berlaku di jalan FT005.

Satu jalan persekutuan yang selalu saya sebut-sebutkan, dan itu adalah jalan Persekutuan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Apa yang pernah bahawa masalahnya ialah JKR Persekutuan, selama ini tidak ada satu elementary ataupun SOP terhadap apa yang berlaku di semua aset-aset di jalan-jalan Persekutuan ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Exco, sama adakah kenyataan saya itu benar atau tidak.

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Panjang perbincangan ini. Saya, kalau ahli Yang Berhormat ingat, saya pernah menyebut perkara ini berhubung dengan jalan Persekutuan. Saya, masa Kerajaan yang sebelum ini di bawah Pakatan Harapan di Persekutuan, saya telah menemui Ketua Pengarah JKR, saya menemui Timbalan Menteri di Kementerian Kerja Raya, berbincang usus mengenai jalan-jalan Persekutuan. Kerana aduan kita yang banyak di Negeri Selangor ini, adalah berkait dengan jalan-jalan persekutuan di bawah JKR Malaysia. Saya telah mencadangkan dan malah bahawa, untuk makluman semua, jalan-jalan Persekutuan ini, dia tidak ada peruntukan khusus untuk penyelenggaraannya. Ini, kita ada MARRIS, MARRIS banyak membantu jalan-jalan negeri, jalan-jalan PBT, jalan-jalan pertanian dan juga jalan-jalan kampung.

Kita dapat peruntukan sepatutnya begitu, saya beri pandangan secara profesional. Kalau jalan ini adalah suatu yang di selenggara setiap tahun, setiap bulan, setiap bulan dan setiap tahun dan perlu memberi peruntukan yang khusus tentang penyelenggaraannya, tapi dia tak ada. Dalam federal ini, dia perlu memohon setiap tahun peruntukan-peruntukan untuk menyelenggara jalan, jadi mereka tidak ada peruntukan khusus, saya kata dia ada dua cara yang kita boleh buat.

Pertama, pergi Kerajaan Negeri di gazet jalan itu, tukar wartanya jadikan jalan negeri. Dengan itu dia akan ada MARRIS. Ataupun kalau tak boleh, pinda akta di pihak Persekutuan, untuk membenarkan jalan-jalan Persekutuan mempunyai peruntukan MARRIS. Itu satu,cara pilih salah satu untuk dilaksanakan dan sampai ini, saya rasa tak ada lagi nampak usaha yang dibuat, mungkin Yang Berhormat daripada pihak sebelah sana yang di peringkat BN kerajaan boleh tolong *push* isu ini. Sebab ini bukan

14 JULAI 2020 (SELASA)

berkaitan politik, ini berkaitan dengan agenda, untuk memastikan jalan-jalan raya kita dapat di selenggara dengan baik setiap tahun. Ini saya sekadar. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Tuan Speaker, soalan Subang Jaya nombor 13.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE (N31 SUBANG JAYA)

TAJUK : DENGGI

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Sila bekalkan pecahan bilangan kes denggi untuk Negeri Selangor mengikut bulan?
 - b) Sila nyatakan bilangan kompaun yang telah dikeluarkan akibat kesalahan tempat pemberian?

JAWAPAN :

Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Subang Jaya. Subang Jaya bertanya mengenai pecahan bilangan kes denggi Negeri Selangor mengikut bulan. Untuk makluman Yang Berhormat secara biasanya dilakukan dalam statistik denggi ini, adalah mengikut bulan, minggu epik. Dia tiap-tiap hari ahad, seminggu kemudian itu dia dan dia membandingkan jumlah kes ini dengan masa yang sama pada tahun yang lepas, tapi oleh sebab kita *figure* untuk bulan, saya berikan sekarang.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Bulan	Bil Kes
Januari	9415
Februari	6797
Mac	4782
April	3118
Mei	2831
Jun	3188

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, semasa PKP kejadian ataupun kes-kes yang di *report*, dilaporkan untuk denggi sebenarnya menurun. Berbanding dengan minggu epik yang sama untuk tahun sebelumnya. Pada masa PKP ada kebaikannya, kes denggi menurun, tetapi sekarang dah mula naik balik sebab orang dah bebas keluar. Jadi ini adalah satu perkara yang kira ada maklum balas pada kita, makna elok duduk di rumah selalu jangan selalu keluar masa maghrib dan pagi. Itu menunjuk PKP ada kebaikannya.

YB juga bertanya, Yang Berhormat juga bertanya mengenai bilangan kompaun yang dikeluarkan sehingga Mei 2020. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, dua jabatan boleh mengeluarkan kompaun. Pertama adalah Jabatan Kesihatan Negeri melalui Pejabat Kesihatan Daerah dan juga PBT juga boleh mengeluarkan kompaun kepada pemilik-pemilik premis di mana terdapat jejentik, jentik-jentik, nyamuk aedes ini. Untuk makluman, bilangan kompaun sehingga 2020 yang dilaporkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri adalah 819 kompaun. Sementara pecahannya mengikut PBT:-

BIL.	PBT	BILANGAN KOMPAUN (BEMULA JANUARI – JUN 2020)
1.	MBSA	385 kompaun
2.	MBPJ	135 kompaun
3.	MPK	156 kompaun

14 JULAI 2020 (SELASA)

4.	MPSJ	3 kompaun
5.	MPAJ	38 kompaun
6.	MPS	Tiada
7.	MPSP	40 notis kacau ganggu
8.	MPKJ	2 notis kacau ganggu
9.	MPKL	Tiada
10.	MDKS	135 kompaun
11.	MDHS	Tiada
12.	MDSB	Tiada

Jadi harapan saya, yang tiada ini makna dia betul-betul tak ada tempat kompaun nya, tempat denggi nya. Terima Kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAR BIN JOHAR : Tuan Speaker, soalan saya nombor 14. Terima kasih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR (N26 SUNGAI RAMAL)

TAJUK : RUMAH IBADAH BUKAN ISLAM

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - c) Apakah tindakan dan langkah yang diambil untuk memeriksa dan mengawal selia aktiviti beribadah di rumah ibadah bukan Islam agar ianya dilakukan selaras dengan prosedur pemeliharaan kesihatan dan keselamatan berkait dengan wabak covid-19?

JAWAPAN :

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Saya memohon menjawab soalan ini bersama soalan 193 (b), daripada Yang Berhormat Hulu Bernam, berkaitan langkah Kerajaan Negeri di dalam mengawal selia aktiviti ibadah di dalam rumah ibadat selain Islam selaras dengan prosedur pemeliharaan kesihatan dan keselamatan yang telah pun ditetapkan bagi mengelakkan penyebaran Wabak Covid-19.

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan peka terhadap kebajikan masyarakat yang ingin menjalankan aktiviti ibadah di rumah-rumah ibadat termasuk rumah ibadat selain Islam. Satu Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi kebenaran pembukaan semula Rumah Ibadat Selain Islam kepada orang awam telah dirangka oleh Selangor Task Force Covid-19 (STFC) pada Jun 2020 yang lalu dan SOP ini telah dibentangkan pada satu taklimat yang diadakan pada 18 Jun 2020 dan dihadiri oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), ketua-ketua persatuan agama induk, jabatan-jabatan yang berkaitan serta pengamal media. Sebagai tambahan, SOP ini juga telah diedarkan kepada agensi di bawah kerajaan Persekutuan iaitu Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Negeri Selangor (JPNIN), Majlis Keselamatan Negara Negeri Selangor (MKN Selangor) dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Selangor (Polis Diraja Malaysia) pada 30 Jun 2020 yang lalu.

SOP ini telah menetapkan kebenaran untuk hadir ke Rumah Ibadat selain Islam dengan mengambil kira pengelasan peringkat umur serta tahap kesihatan bagi individu yang dibenarkan hadir ke rumah ibadat. Selain itu, persiapan dari segi logistik dan kehadiran maksimum juga diambil kira di dalam SOP tersebut. Setiap rumah ibadat perlu mempunyai pegawai yang bertanggungjawab menjaga logistik dan mengawal arah laluan serta penjarakan sosial tempat duduk.

Selain itu juga, SOP tersebut telah menetapkan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan dan dilarang sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini berjalan.

Rumah-rumah ibadat selain Islam juga disarankan untuk membuat penjejakkan kontak melalui sistem SELangkah. Kod QR SELangkah ini perlu diletakkan di pintu masuk dan keluar yang mana akan membantu memudahkan penjejakkan kontak sekiranya terdapat jangkitan COVID-19 di sesuatu lokaliti.

Tuan Speaker, pada masa ini, tiada perkhidmatan sanitasi khusus ke atas rumah-rumah ibadat di negeri Selangor yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Pihak pengurusan rumah-rumah ibadat digalakkan menjalankan kerja-kerja sanitasi secara persendirian atau swasta di rumah-rumah ibadat di bawah seliaan mereka. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih. Soalan saya nombor 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : SOP TINDAKAN PENGUATKUASAAN SAMPAH HARAM

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Bolehkah Kerajaan Negeri menerangkan SOP arahan PTGS bil.1/2019 yang baru diperkenalkan bagi mengekang aktiviti tapak pelupusan sampah haram?
 - Berapakah jumlah pengusaha tapak pelupusan sampah haram yang telah diambil tindakan undang-undang?

TUAN SPEAKER : Silakan pihak Kerajaan.

JAWAPAN :

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya akan menjawab soalan 15, daripada Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) telah mengeluarkan Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bil. 1/2019 berkenaan *Standard Operating Procedure (SOP)* Tindakan Penguatuasaan Secara Bersepadu Bagi Menangani Tapak Pelupusan dan Pembuangan Sampah Haram Di Negeri Selangor.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 40/2017 bertarikh 13 Disember 2017 dan disahkan oleh MMKN ke 1/2018 telah mengarahkan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengambil tindakan tegas terhadap aduan-aduan daripada penduduk tempatan berkaitan kacau ganggu yang ditimbulkan oleh pemilik premis.

SOP ini juga telah menggariskan tatacara untuk diguna pakai oleh setiap PDT dan PBT untuk menjalankan tindakan penguatuasaan mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Bagi pihak PDT, terdapat empat (4) seksyen di dalam Kanun Tanah Negara (KTN) yang memperuntukkan kuasa bagi menjalankan tindakan penguatuasaan. Yang pertama sekali adalah tindakan di bawah **seksyen 127 KTN**. Tindakan yang perlu dijalankan di bawah seksyen ini adalah Pentadbir Tanah hendaklah menjalankan rondaan berdasarkan aduan yang diterima serta menyediakan data bancian. Seterusnya Pentadbir Tanah menjalankan siasatan lanjut dan sekiranya terdapat kebarangkalian berlakunya perlanggaran syarat, Notis dalam Borang 7E iaitu Notis

14 JULAI 2020 (SELASA)

Supaya Menunjukkan Sebab Mengenai Pengenaan Denda hendaklah disampaikan kepada Pemilik Berdaftar Tanah.

Kegagalan Pemilik Berdaftar Tanah untuk memberikan tunjuk sebab yang memuaskan, Pentadbir Tanah bolehlah mengeluarkan perintah bayaran denda tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM 500.00) kepada pemilik berdaftar tanah/premis.

Seksyen 128 KTN memperuntukkan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk menjalankan pemantauan berdasarkan aduan yang diterima dan seterusnya Pentadbir Tanah hendaklah menyemak sama ada tanah yang diadu tersebut diberimilik sebelum atau selepas wujudnya KTN.

Sekiranya pemberimilikan selepas wujudnya KTN, Pentadbir Tanah hendaklah menyerahkan Notis dalam Borang 7A (Notis Untuk Memulih Pelanggaran Syarat) kepada pemilik berdaftar tanah dengan mengambil kira kewajaran bagi pemilik berdaftar tanah untuk memulihkan tanahnya. Maksimum tempoh masa adalah selama 90 hari. Jika notis ini tidak dipatuhi maka Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan di bawah seksyen 129 KTN.

Manakala bagi tanah-tanah yang diberimilik sebelum KTN adalah tertakluk kepada seksyen 53 KTN iaitu penggunaan sebahagian tanah untuk aktiviti pertanian atau perindustrian atau bangunan adalah tidak melanggar syarat nyata tanah.

Seksyen 129 KTN memperuntukkan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk mengeluarkan Notis dalam Borang 7B (Notis Supaya Menunjukkan Sebab) kepada pemilik berdaftar tanah. Pentadbir Tanah hendaklah memberikan suatu tempoh masa yang dianggap munasabah dengan mengambil kira luas tanah dan binaan struktur di atas tapak sebelum tindakan di bawah seksyen 130 KTN dilaksanakan.

Seksyen 130 KTN memperuntukkan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk menyiarkan dalam Warta pemberitahuan berkenaan pelucutahan dalam Borang 8A (Notis Perkembalian Tanah Kepada Kerajaan). Mana-mana tanah yang telah dirampas akibat pelanggaran syarat akan dilucutahak dan menjadi tanah Kerajaan di bawah seksyen 131 KTN.

Dan untuk menjawab soalan (b), jumlah tindakan Notis 7A dan 7B, yang telah dikeluarkan daripada tahun 2016 hingga ke tahun 2020, adalah sebanyak 82 Notis 7A dan juga 25 Notis 7B. Manakala jumlah tindakan Notis 8A, yang telah dikeluarkan adalah sejumlah 9 Notis. Sekian,terima kasih.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Silakan Pelabuhan Klang.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat EXCO yang telah menerangkan tentang SOP arahan PTGS Bil 1/2019. Apa yang saya hairan ialah masih banyak lagi tapak-tapak pelupusan sampah-sampah haram berada di dalam kawasan Klang dan juga Kawasan Pelabuhan Klang. Dan ianya nampak jelas dan nyata, hanya di tepi-tepi jalan sahaja. Kalau dengar tadi penerangan yang dibuat oleh Yang Berhormat EXCO, seolah-olah, SOP ini sepatutnya, tapak-tapak pelupusan ni sudah pun ditutup dan tidak lagi beroperasi. Tetapi sehingga hari ini masih banyak lagi tapak-tapak pelupusan sampah haram, terutamanya tanah-tanah kerajaan di paya-paya bakau masih lagi beroperasi. Dan lagi...memang marah.. sebab dia merosakkan alam sekitar, mencemarkan alam sekitar, dan mengalirkan air-air di dalam longkang.

Dan kenapakah tindakan masih lagi tidak diambil sedangkan SOP Bil 1/2016 sudah pun dikeluarkan tetapi masih banyak lagi aktiviti pelupusan. Malah ada kontena-kontena import masuk dan dalam kontena tersebut sampah dan dibuang di kawasan tapak pelupusan sampah haram ini. Dan bila kita semak, tanah-tanah ini adalah tanah-tanah kerajaan. Di tepi jalan sahaja.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Memang tidak dinafikan, masih ada banyak kawasan yang telah dijadikan kawasan pembuangan sampah haram. Ini disebabkan oleh golongan-golongan tertentu ataupun sindiket, yang membuang sampah haram di kawasan-kawasan tertentu. Bukan sahaja di kawasan tapak kerajaan dan juga banyak tanah swasta yang dijadikan, yang menjadi mangsa pembuangan sampah haram ini. Oleh itu, kita perlu satu enakmen, kita memerlukan satu enakmen sisa pepejal yang merangkumi semua sektor perniagaan di dalam negeri Selangor supaya kita dapat mengawal pembuangan sampah. Khususnya sisa pepejal dan sampah-sampah lain dalam keadaan lebih terkawal. Tetapi enakmen tersebut, enakmen yang dicadangkan oleh kerajaan negeri, kepada KPPT telah ditolak oleh Kerajaan Pusat baru-baru ini. Dan kerajaan negeri masih dalam perbincangan untuk mencarikan satu cara penyelesaian yang lebih baik dan lebih sesuai, bagi negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Yang Dipertua.

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Apa kata kalau isu pembuangan sampah haram ini satu bab lah. Isu pembuangan sampah di tempat-tempat yang tidak sesuai, kalau kita katakan untuk kita minta pentadbir tanah misalnya, untuk menjalankan penguatkuasaan, saya rasa mereka pun kekurangan kakitangan untuk menjalankan penguatkuasaan. Begitu juga pihak PBT. Pembuangan sampah haram ini akhirnya akan mengeluarkan kos pula kepada pihak PBT ataupun pejabat daerah yang berkenaan. So, adakah pihak kerajaan ada cadangan untuk menambah. Oleh sebab Speaker dah pandang, saya

14 JULAI 2020 (SELASA)

singkatkan, adakah pihak kerajaan cadang untuk menambah penguatkuasa-penguatkuasa ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Bilangan penguatkuasa di PBT dan PDT memang tidak mencukupi. Sekarang macam-macam isu, macam-macam cabaran yang dihadapi oleh PDT dan juga PBT. Sekarang ada isu warga asing, ada isu PKPB yang kita perlu memantau. Dan macam-macam isu.

Bilangan anggota penguatkuasaan jauh tidak mencukupi bagi semua PBT. Oleh itu saya mengharapkan semua Yang Berhormat dapat memberi bantuan sekiranya ada maklumat-maklumat berkenaan pembuangan sampah atau apa-apa pun. Terus salur kepada PBT, supaya mereka boleh menjalankan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Balakong.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 16.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PENGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan PeBT untuk tahun ini memandangkan aktiviti melibatkan orang ramai tidak digalakkan?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih, pada Yang Berhormat Balakong. Menjawab pada soalan 17. Sorry, 16. 17, saya jawab juga nanti. Tak boleh sekali Yang Berhormat.

Apakah rancangan PeBT untuk tahun 2020, memandangkan penglibatan ramai tidak dibenarkan, tidak digalakkan. Pertamanya saya ingin merakamkan terima kasih kepada para belia kita di Selangor, yang kesemua daripada mereka ini dapat mematuhi PKP di sepanjang tempoh dikenakan. Memang PKP ini yang bermula daripada 18 Mac, kemudian disusuli dengan PKPB. Sekarang ini PKPP dilanjutkan sehingga 31 Ogos 2020. Jadi perancangan masa depan kita ini bergantung kepada keputusan pada 31 Ogos ini.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Walau bagaimanapun untuk Yang Berhormat Balakong, di antara faktor keberkesanan PeBT kita bergerak untuk sehingga akhir tahun ini adalah berdasar pada peruntukan mereka. Kita tahun bahawa, kita ada 288 PeBT kesemua dalam satu Selangor. Dan mereka ini, setiap seorang diperuntukkan sebanyak RM 4,800.00 setahun. Bermakna kalau kita pergi purata sebulan, mereka hanya mendapat RM 400.00 untuk buat program. Jadi program-program ini, maknanya kita boleh tahu, hasil dari program ini adalah berdasarkan peruntukan yang kita berikan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita sedang mengkaji semua kaedah terbaik bagaimana untuk kita nak efisien kan penggunaan duit ini di peringkat PeBT. Walaubagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat sekalian, sepanjang untuk tempoh PKP, PKPB, PKPP ini PBT tetap menjalankan aktiviti berbentuk kemasyarakatan sama ada kebajikan terutamanya pada waktu PKPD mereka turun rumah ke rumah memberi bantuan program masyarakat dan mereka dilihat aktif dalam kekangan PKP itu sendiri. Diantara program-program telah dilaksanakan sepanjang tempoh 10 April hingga Julai adalah termasuk program bantuan-bantuan program agihan makanan, program bantuan khas COVID kepada kumpulan belia OKU, warga emas dan pengedaran topeng-topeng ini adalah kerangka kerja yang dibenarkan sepanjang tempoh pkp jadi '*we do not aspect anything physical*' ataupun secara lain daripada yang dibenarkan. Di samping program-program secara *online* berbentuk *communication*, tazkirah dah pelbagai, ada juga PBT-PBT kita yang turun untuk proses-proses atau program-program operasi pembersihan pasca banjir di Sepang, di samping siri-siri sembang santai anak muda dan ada juga program-program berbentuk secara *online*.

Untuk makluman yang berhormat-hormat sekalian, saya ingin menyebut bahawa sekiranya Ogos ini dibenarkan membuat perhimpunan atau aktiviti secara fizikal maka kita akan adakan karnival PeBT dalam bentuk karnival dan ada juga kita bentuk sukan PeBT diperingkat negeri dan daerah di samping *engagement* kita dengan para belia. Saya juga ingin menyebut pada Yang Berhormat sekalian, satu perkara yang tidak ada di dalam negeri-negeri yang lain walaupun ada tapi tidak begitu *outstanding* bagaimana yang Selangor buat. Kita di Selangor kita buat *Selangor Xtiv Virtual*. *Selangor Xtiv Virtual* ni adalah program *online* yang mana kita buat jangkakan penyertaan tidak begitu ramai tetapi program *virtual* ini adalah program *Xtiv Virtual e-sport* yang kita buat kita ada *Selangor Martial Art*, kita ada *Xtiv Virtual Run*, kita ada *Xtiv Virtual FIFA 20*. Jadi untuk makluman Yang Berhormat sekalian, *Cybergames* juga telah kita laksanakan diperingkat awal ini kita tumpukan pada kumpulan pemain profesional penyertaan adalah seramai 4000 orang dalam program *Cybergames* yang diadakan pada 8-9 April, 4000 orang dan mereka terdiri daripada pemain profesional.

Tetapi yang sangat kita terkejut apabila kita membuka program *virtual sport* ini kepada mass ataupun ataupun kita tidak benarkan pemain profesional dalam talian kita, untuk Yang Berhomat sekalian, penyertaan yang kita terima untuk program *Xtiv Virtual* adalah sebanyak... saya nak tunjuk pelekat.. 85,031 penyertaan. Ini sebesar Stadium Shah Alam penyertaan. *Its amazing!!*. belia-belia kita menyertai 85 ribu orang

14 JULAI 2020 (SELASA)

menyertai program *virtual* sehingga hari ini dan sehingga akhir tahun. Bermakna program-program ini adalah program yang sangat disertai oleh mereka-mereka belia kita dan untuk makluman semua ada juga penyertaan *Martial Art* kita termasuk daripada penyertaan Indonesia, Singapura, Brunei, Jepun, India dan Amerika Syarikat..*they join, this is the langit terbuka*, maknanya program yang kita buat di Selangor ini diakui oleh Majlis Sukan Negara sebagai program yang belum ada lagi negeri yang boleh mencapai tahap 85 ribu orang ini adalah satu pencapaian kita bangga dan kita berterima kasih juga pada para pegawai kita di UPEN, di BPSM dan di Majlis Sukan Negeri yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini. Jadi menjawab pada persoalan Yang Berhormat tadi *deeply affected by budget* yang kita ada 400 sebulan jadi 4000 ribu lebih setahun, jadi *this is the kind* yang kita akan buat.. InsyaAllah. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALMI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALMI : Terima kasih Tuan Speaker, saya nak minta penjelasan daripada yang berhormat EXCO susulan daripada penajaran semula politik di peringkat persekutuan dan kemudiaannya *effect* di negeri Selangor, apakah status PBT-PBT kita yang kita semua sedia maklumlah di bawah Majlis Kerajaan Tempatan di bawah PBT, jadi bila ada pencejajaran itu saya difahamkan PBT pun turut terkesan, jadi apakah status lantikan PBT ini ada yang mungkin saya dapat maklumat dibekukan dan ada yang digugurkan atas sebab pencejajaran politik jadi boleh tak saya dapatkan penjelasan apakah status mereka dan sekiranya mereka ini digugurkan bilakah lantikan baru akan dilaksanakan? Terima kasih.

Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat Kota Anggerik. Akibat daripada pencejajaran semula tapi yang bagusnya PBT kita ini mereka memahami senario politik kita. Kebanyakkan daripada mereka menarik diri dengan secara sendirinya bagi mereka yang tidak *inline* dengan polisi ataupun Kerajaan Negeri, mereka menarik diri daripada menjadi PBT dan berlaku kekosongan, kekosongan ini kita akan isi apabila kita *review* balik proses lantikan semula sebab baru-baru ini ada Yang Berhormat yang membangkitkan bagaimana tidak selesai lantikan, kenapa masih tidak ada berlaku komunikasi antara PBT dan Ahli Majlis kita akan melihat balik perkara-perkara ini dan InsyaAllah sehingga akhir tahun ini kita akan selesaikan proses lantikan kita dan kita akan buat lantikan baru bermula pada tahun hadapan.

TUAN SPEAKER : Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya nak tanya pihak kerajaan ada tak cadangan untuk pihak kerajaan sendiri untuk merangka satu latihan pemotoran pula untuk PBT?

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Untuk maklumat Yang Berhormat daripada Seri Setia pemotoran adalah salah satu teras yang kita ada di Selangor dikalangan dengan belia kita. Kita sedang dalam proses mewujudkan litar, litar lumba di Sungai Tua, sekitar tanah 40 ekar yang masih dalam kajian dan InsyaAllah ini boleh kita laksanakan pemotoran ini adalah salah satu daripada agenda kita untuk belia, sudah tentu Yang Berhormat motor adalah perkara yang tidak boleh dipisahkan dengan belia motor, e-games, e-sports ini adalah perkara yang kita kena *cycling* macam Yang Berhormat selalu *cycling* kan kita akan laksanakan. InsyaaAllah kita tidak akan tinggal agenda pemotoran ini.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker soalan saya nombor 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : KEBAJIKAN PENIAGA DAN PENGANGGUR PASCA COVID 19

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimakah Kerajaan Negeri boleh membantu meringankan beban rakyat Selangor terutama penganggur untuk mencari pekerjaan pasca covid19?
- b) Bagaimakah pihak PBT boleh membantu peniaga/penjaja kecil yang tumbuh seperti cendawan selepas hujan pasca covid19 bagi mendapatkan lesen perniagaan?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Yang Berhormat Speaker saya mengambil tanggungjawab menjawab soalan 17 sebab ia berkaitan dengan masalah pekerjaan dan pengangguran. Menjawab pada persoalan Meru saya ingin menjawab soalan 17 ini bersamaan dengan soalan no.33 daripada Dun Seri Setia soalan no. 36 daripada Kota Anggerik soalan no.44 Bandar Utama dan soalan 203 daripada Bukit Lanjan yang bertanya berhubung kait dengan isu pengangguran, isu peluang ekonomi belia, isu kelangsungan ekonomi anak muda dan usaha Kerajaan Negeri memperluaskan ekonomi gigi. Jadi untuk maklumat Yang Berhormat semua, pada tahun 2019, kadar pengangguran kita adalah 2.4% kadar pengangguran di Selangor kalau kita

14 JULAI 2020 (SELASA)

bandingkan dengan kadar di Malaysia saya ingin sebut rekod kita daripada 2017 sehingga 2019. Pada tahun 2017, kadar pengangguran Malaysia adalah 3.4% pada 2017 apabila Malaysia 3.4% Selangor adalah 3.2% kadar pengangguran 2018 Malaysia 3.4% Selangor 3.0% , 2019 Malaysia 3.3% Selangor 2.4% ini adalah hasil daripada program-program dan komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa rakyat di Selangor ini terus mempunyai pekerjaan.

Untuk makluman Yang Berhormat - Yang Berhormat sekalian, kita tidak tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kadar pengangguran Malaysia akibat daripada pandemik COVID-19 sehingga Mei 2020 adalah 5.5% jadi kita ambil analogi ataupun *antropulation* daripada tahun 2019, kalau Malaysia 3.3% dan Selangor 2.4% bagaimana kadar Malaysia 5.5% sehingga Mei maka pengiraan kita adalah kalau Malaysia sehingga Mei 5.5% Selangor kadar pengangguran kita adalah 4.2% ataupun 5% sebagaimana yang diumumkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semalam. Jadi kadar ini kadar yang kita gunakan sebagai *bench mark* kita untuk selesaikan masalah pekerjaan. Soalannya sekarang ini, berapa sebenarnya jumlah yang terkesan daripada pandemik COVID ini di Negeri Selangor. Daripada maklumat PERKESO yang kita dapati sehingga 18 Mac, setakat 9 Julai 2020 Kerajaan Negeri telah mengenal pasti seramai 18, 976 orang pekerja yang telah hilang pekerjaan di Selangor yang berdaftar di bawah PERKESO di bawah skim sistem insuran pekerjaan. Jadi 18,976 ni pada pandangan kita masih terkawal kerana justifikasinya akan saya jawab sebentar lagi. Isu pengangguran ini adalah akibat daripada pandemik maka dengan sebaik itu kita telah mengenal pasti bahawa walaupun masalah pekerjaan 18,976 tapi saya nak maklumkan saya nak bawa naik pelekat sekali lagi... walaupun pengangguran kita 18,976 tapi jumlah pekerjaan yang kita tawarkan adalah sebanyak 24,500. *This is exceeding* daripada jumlah yang disebut oleh PERKESO. Jadi bagaimana cara kita nak buat, yang pertama kita mendekati secara konvensional, konvensional ni adalah cara kaedah *job fair* 'Selangor Kerjaya', yang kita telah buat sebelum ini.

Untuk maklumat Yang Berhormat sekalian, di antara kelebihan *job fair* kita buat adalah kita bekerjasama dengan PERKESO, dan agensi kita telah mengadakan mesyuarat bersama-sama dengan mereka. Mereka ingin bekerja sama dengan Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa kadar ketidakbekerjaan ini dapat kita kurangkan. Apa yang menarik dalam *job fair* yang akan kita laksanakan pada tahun ini adalah kita akan buat dalam kerangka SOP yang telah kita dapat kelulusan daripada *Selangor Task Force Covid Commitee*, kita telah berbincang *task force* kita akan buat secara *online* pendaftaran pekerjaan kita akan buka mereka daftar secara *online* pada hari yang kita tentukan mereka hadir mereka akan hadir untuk *interview* secara bersistematis mengikut SOP kita dan tempat yang kita akan adakan di daerah-daerah dan di dalam stadium-stadium yang kita rasakan sesuai untuk kita laksanakan penjarakan sosial.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, apa yang berlaku adalah kebanyakkan PERKESO melalui skim insentif pekerjaan sebanyak RM 600 sehingga tempoh 6 bulan pertama dan RM 800 insentif sehingga RM 1000 sehingga 6 bulan tempoh bagi latihan pada mereka yang dalam kategori. Bermaksud kalau sekarang ni untuk Yang Berhormat kalau PERKESO melalui majikan mengambil pekerja yang berumur 40 tahun ke bawah maka PERKESO akan memberi subsidi pada gaji orang tersebut sebanyak RM 800 ke RM 1000. Bermakna ini skim dia tetapi apa yang kita nak sebut ini adalah dia akan menarik perhatian majikan-majikan, bila majikan tahu ada subsidi gaji dia bayar PERKESO mereka akan mengambil pekerjaan-pekerjaan ini dan kita jangkakan daripada skim ini kita jangkakan kita boleh selesaikan sebanyak 18 ribu peluang pekerjaan di bawah itu sahaja. Jadi Jelajah Karnival Kerjaya Selangor ini kita akan laksanakan yang menerusi *Jobs Vaganza* kita akan juga teruskan *job fair* yang kita akan di daerah-daerah dalam skala yang besar. Mengikut sasaran saranan daripada STSC, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan digital iaitu mengawal pergerakan mencari kerja serta dengan tujuan mengekalkan penjarakan sosial satu SOP yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri di mana para pencari menggunakan web bagi berdaftar dan bagi mendaftarkan diri bagi mendapatkan slot untuk hadir sesi temu duga di program *job fair* kelak. SOP ini adalah yang pertama di bangunkan di Malaysia dan adalah pertama dilaksanakan di negeri Selangor ini. Pada kali ini kita menghimpunkan syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan termasuk syarikat yang menawarkan pekerjaan berkonsepkan *economic gig* yang semakin mendapat tempat di kalangan generasi muda di Selangor. Pihak kerajaan juga akan mengadakan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak yang berpakaian yang mempunyai kepakaran seperti PERKESO, MTUC dan syarikat-syarikat swasta termasuklah MBI yang menggerakkan program-program pekerjaan ini. Di bawah penjana kerjaya PERKESO sebagaimana saya sebut tadi menawarkan insentif pekerjaan mengambil memberi subsidi kepada majikan yang mengambil mereka bekerja. Tidak ketinggalan mereka-mereka daripada golongan OKU, untuk mendapatkan pekerjaan.

Jadi Yang Berhormat sekalian, itu konvensional dari segi ekonomi gig adalah strategik yang kedua yang akan kita luaskan, dalam sektor *gig* ekonomi. Di bawah Program Gig @Selangor sebanyak 4,500 peluang pekerjaan dapat kita sediakan menerusi program-program berikut. Yang pertama Program RiDE pertamanya saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah mengumumkan tambahan RM 1 Juta dalam Program RiDE dan memberi lesen pada para belia kita. Kita ada RM 1 Juta tambah lagi RM 1 Juta. Jadi program ini ada 2 peringkat Yang Berhormat sekalian, yang pertama Peringkat RiDE dan yang kedua Peringkat eRiDE. Projek ini adalah kesinambungan daripada Program Inisiatif Roda Darul Ehsan yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat pada Belanjawan 2020. Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan bekerjasama dengan syarikat-syarikat *e-hailing* yang bakal memberi peluang pekerjaan dalam ekonomi gig kepada hampir 3,000 termasuk anak muda dan graduan di seluruh Negeri Selangor terutamanya kepada mereka yang layak. Inisiatif Program RiDE dapat menjana

14 JULAI 2020 (SELASA)

pendapatan sehingga RM 1,500 sebulan. Syarikat-syarikat *e-hailing* akan membimbing peserta supaya lebih efektif dan cekap dalam melakukan kerja penghantaran kepada pelanggan-pelanggan mereka melalui modul-modul latihan yang dibekalkan oleh syarikat *e-hailing*. Ia juga dapat membantu syarikat memerlukan tenaga kerja khususnya di tahap kritis dengan mendahuluikan penglibatan di kalangan warga tempatan. Maksudnya Yang Berhormat sekalian, proses pertama adalah proses kita memberi lesen kepada para belia kita 3,000 belia kita dan selepas daripada itu kita akan susunkan mereka ini dengan program-program kursus untuk *e-hailing* ini. Ada dua peringkat di situ. Program Selangor Gig, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan mereka-mereka yang mahir dengan sektor ekonomi gig untuk memberi fokus pada sektor ekonomi gig yang menjadi *trend* generasi muda. Sudah tentu Menteri Besar Incorporated adalah di antara tulang belakang kita untuk menggerakkan program-program ini. Maka Kerajaan Negeri akan menubuhkan 6 sektor utama yang dikenal pasti menggerakkan penggerak utama sektor ekonomi di Selangor iaitu *e-dagang*, kejuruteraan, *hospitality*, teknologi, kewangan dan teknologi maklumat. Yang Berhormat sekalian, selain daripada itu dari segi latihan, *upscaling* dan *rescaling* sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat dalam ucapan beliau semalam kita juga komited dengan program *upscaliling* dan *rescaling* ini. Di antara kaedah pendekatan kita adalah melalui program inisiatif kemahiran teknikal dan iktisas Smart Selangor yang mampu menyediakan 1,000 pekerjaan, yang kedua melalui program *CAPES Entrepreneurship Development Programme* yang mampu menyediakan 500 peluang pekerjaan, yang ketiga Program Selangor Kerjaya yang mampu menyediakan 2,000 peluang pekerjaan dan Program Jangka Masa Pendek Pusat Giat Mara yang mampu menyediakan program *upscaling* dan *rescaling*. Untuk maklumat Yang Berhormat sekalian Giat Mara telah datang berjumpa dengan kita dan kita telah berjumpa Giat Mara dan mereka bersetuju untuk membantu kita untuk memberi tempat kepada para belia kita untuk program-program *upscaling* dan *rescaling* ini. Terima kasih Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Bandar Utama.

Y.B PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat EXCO. Tadi Yang Berhormat EXCO telah memaklumkan sebanyak 18,976 orang kehilangan kerja sepanjang tempoh ini. Boleh saya tahu pecahan peratusan jenis aktiviti ekonomi tersebut contohnya adakah ia daripada perkhidmatan pengangkutan dan sebagainya. Berapakah peratusan setiap kerja yang telah hilang dan saya juga tertarik dengan *Job Fair* dan Jelajah Karnival Kerja Selangor itu, saya juga ingin mengetahui tempoh sepanjang *Job Fair* ataupun karnival tersebut. Berapakah jangka masa ianya akan dilaksanakan. Terima kasih.

Y.B TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Bandar Utama. Untuk pecahan 18,976 saya mohon untuk memberi secara bertulis nanti. Yang kedua apakah tempoh yang akan dilaksanakan *Job Fair*, cadangan daripada STFC,

14 JULAI 2020 (SELASA)

Selangor Task Force adalah mengehadkan kehadiran untuk satu hari maka kita jangkakan untuk setiap karnival itu akan diadakan dalam 3 hingga 5 hari sebab kita kena mengikut peringkat-peringkat dan kehadiran adalah melalui *invitation* didaftar *online* kita punya slot dia hadir untuk temu duga.

Y.B TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya yang disebutkan Yang Berhormat EXCO tadi berkaitan dengan Job Fair, kalau kita lihat ke banyakkan yang datang program tersebut adalah di kalangan belia tapi saya bangkitkan soalan ini berkaitan meringankan bebanan rakyat kesan daripada COVID-19 tadi dan yang antara yang terkesan adalah mereka yang berumur 40 tahun ke atas dan mereka ini biasanya dalam Program *Job Fair* ini kurang pekerjaan yang berpihak kepada mereka tapi banyak berpihak kepada lepasan universiti dan sebagainya. Jadi ada atau tidak usaha daripada Kerajaan Negeri untuk membantu mereka dan kita lihat selepas pasca COVID-19 ini kebanyakkan mereka bermiaga di tepi-tepi jalan dan sebagainya untuk menampung kehidupan mereka. Soalan kedua saya masih belum dijawab berkaitan usaha pihak PBT mungkin EXCO yang berkaitan dengan PBT boleh menjawab untuk membantu mereka dan juga meringankan ataupun memudahkan mereka untuk bermiaga sebab mereka sudah tidak ada pekerjaan sebab mereka ini yang paling terkesan kerana mereka sudah ada tanggungan. Mereka ada tanggungjawab menyara keluarga sedangkan yang *Job Fair* ini ke banyakakkannya mereka yang belum berkeluarga. Itu soalan saya. Terima kasih.

Y.B TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat Meru, ya memahami senario yang disebut oleh Yang Berhormat Meru. Program yang disebut ini adalah khususnya pengangguran tetapi dari segi isu *survival* kepada mereka yang 40 ke atas saya ingat Yang Amat Berhormat telah pakej rangsangan ekonomi dengan panjang lebar dengan banyak skim-skim yang mereka boleh terlibat untuk mereka terlibat dalam pakej rangsangan ekonomi kita tetapi tentang isu peniagaan mungkin Yang Berhormat PBT, EXCO PBT boleh membuat jawapan bertulis mungkin tentang peluang ataupun keterbukaan ataupun kelonggaran yang diberikan itu saya serahkan kepada Yang Berhormat EXCO PBT.

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya Nombor 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan serta langkah kerajaan bagi mengimbangkan jurang pembangunan di antara luar bandar dan bandar agar tidak jauh ketinggalan?

JAWAPAN:

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Batang Kali. Batang Kali ingin mengetahui apakah peranan langkah Kerajaan bagi mengimbangkan jurang pembangunan di antara luar bandar dengan bandar. Izinkan saya menjawab soalan itu dengan memulakan satu laporan sebenarnya tentang pada mula saya mengambil tanggungjawab ini kita telah memulakan satu program ataupun satu laporan atau kajian yang sebenarnya di kampung-kampung kita ini apa statusnya, apa profil nya dan bagaimanakah *base line* dalam untuk kita mengisi jurang yang ada. Jadi apa yang kita telah mulakan iaitu seawal 2019 Kerajaan telah pun memulakan Program Pelan Tindakan Khas Penstrukturkan Semula Kampung Dalam Bandar. Kita hendak tengok kampung-kampung dalam bandar kesan atau jurangnya dengan ketinggalan banyak aspek dan yang keduanya kita telah buat kajian tentang sistem profil kampung peringkat nasional SPKPN dan kita dapati laporan lengkap telah saya terima pada 22 Januari 2020, 97% telah pun mengisi semua kampung yang ada 371 kampung telah pun mengisi profil ini yang mana profil ini melibatkan 13 modul yang kita telah kenal pasti. Di antara perkara diisi ataupun diminta di dalam profil itu adalah tentang selain daripada sejarah kampung, konsep dan susunan atur kawasan maknanya mereka memberikan maklumat, ketua- ketua kampung memberi maklumat susun atur, yang ketiganya modul demografi kampung, berapa lelaki, berapa perempuan, berapa miskin, berapa warga emas dan sebagainya kita ada modul kelima iaitu kegunaan tanah di tanah-tanah kampung ini apa kegunaannya, adakah terbanyak terbiar ataupun telah ada pembangunan dan sebagainya itu dibuat kajian. Kegiatan ekonomi kampung-kampung 371 kampung apa kegiatan ekonomi mereka, pertanian ke, nelayan ke ataupun mereka terlibat di dalam sektor-sektor perkhidmatan dan sebagainya.

Seterusnya kita hendak tahu juga dalam kampung berapa banyak hak milik penduduk ataupun hak milik yang ada tetapi dimiliki oleh orang luar contohnya. Lepas itu kita ada modul untuk mengisi kemudahan asas, kemudahan asas kita hendak tahu berapa

14 JULAI 2020 (SELASA)

banyak kemudahan asas ada di kampung-kampung tersebut. Mana yang tidak ada lagi dan apa keperluannya yang perlu kita lengkapkan dan kesejahteraan kampung, kita mengambil tahu tentang organisasi dan NGO ada dalam kampung, kejayaan dan keistimewaan sesuatu kampung itu, status dan tindakan contohnya kalau aduan-aduan dahulu apakah status yang telah dibuat selepas kajian dilaksanakan atau setelah isu itu diutarakan dan selain daripada itu modul ketiga belas adalah kita ingin tahu juga kursus-kursus dan latihan yang sepatutnya diperlukan oleh MPKK. Jadi inilah perkara yang kita buat yang asas terlebih dahulu dan telah lengkap 97% telah pun lengkap dan PBT atau Pejabat Daerah yang telah berjaya melengkapkan 100% adalah Hulu Selangor, Sepang dan juga Klang. Yang lain itu masih ada satu, dua kampung yang masih tidak cukup lagi *database*. Daripada *data base* itu ataupun profil yang telah ada di sinilah sebenarnya kita merangka apakah pertamanya bagaimana kita hendak menaik tarafkan kemudahan asas dan kemudahan-kemudahan yang kita katakan terutamanya di kawasan pihak Berkuasa Tempatannya yang berstatus Majlis Daerah kita beri tumpuan terlebih dahulu. Kita juga ingin mengetahui bagaimanakah isu ataupun Skim Air Darul Ehsan telah sampai ataupun tidak di kampung-kampung. Kita juga ingin meletakkan bagaimana akses Internet dan selain daripada itu Kerajaan ataupun di bawah STANDCO tahun ini telah pun merangka bagaimana pengurusan pepejal kawasan-kawasan ini.

Yang tadi saya dengar ada Yang Berhormat membangkitkan pengurusan yang tidak teratur dan kita memang melihat di kampung-kampung pengurusan sampah-sampah ini masih lagi saya rasa perlu dibuat pendekatan yang baru tidak lagi sampah-sampah ini diletak di tepi jalan ianya perlu diambil di dalam kampung itu, kalau kita letak di luar di situlah sebenarnya memanggil pihak-pihak luar menumpang sampah-sampah di tepi jalan dan akhirnya di kampung-kampung ini tidaklah di dalam keadaan yang ceria dan kita nampak bersih dan identitinya sedikit tercalar bila adanya sampah-sampah yang begini dan seterusnya kita juga telah mulakan program kepentingan kitar semula, InsyaaAllah di kampung-kampung akan dimulakan di bawah Biro Wanita untuk memulakan pengasingan sampah dan InsyaaAllah dengan adanya program ini kita harap sampah-sampah dapat di asing dan dibuang dengan baik tetapi kita dapat menggunakan semula, *recycle* balik kemudahan sama ada untuk buat *bio-compos* ataupun hasil-hasil kraf tangan yang boleh di manfaatkan dan terakhir untuk mengisi jurang ini Kerajaan juga tidak lupa untuk memfokuskan isu ekonomi warga-warga desa. Jadi banyaklah program ekonomi yang telah saya sebut pada jawapan yang lepas selain daripada Program Ekonomi Desa, kita ada Program Industri Kampung, kita ada Program Agrotani dan bermacam-macam program yang telah dilancarkan oleh Dato' Menteri Besar pada 24 Jun 2020 yang lepas iaitu SELDEC dan tidak lupa Yang Berhormat Paya Jaras telah menyatakan tentang program anak muda yang telah pun sebenarnya ada kaitannya dan hubung kaitnya dengan STANDCO luar bandar. Jadi selaras dengan tahap pengurusan kampung Majlis juga sebenarnya sentiasa membimbang ketua-ketua kampung malah biro-biro untuk mereka sentiasa memastikan bahawa pengurusan kampung sedikit tingkatannya daripada yang lepas-lepas. Jadi itu sahaja Tuan Speaker.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sungai Kandis.

Y.B TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada yang disebut oleh Yang Berhormat EXCO tadi berkenaan dengan Pelan Tindakan Pembangunan Kampung Tradisi Dalam Bandar. Adakah pihak Kerajaan ada perancangan untuk kampung-kampung tradisi yang besar dan penduduknya terus bertambah kerana beban kerja yang ditanggung oleh ketua kampung tidak sama dengan kampung-kampung kecil di kawasan yang lain. Jadi apa komen EXCO.

Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Kandis. Sebenarnya bila saya ingat dalam penggal yang lepas bila diutarakan perkara ini saya telah pun berbincang dengan pihak PELAN Malaysia ataupun JPBD kita dapati sebenarnya di Selangor ini walaupun di rasmikan hanya 371 kampung sebenarnya *locality* yang bermula dengan nama kampung sebenarnya sebanyak lebih kurang 723.

Di sini kita telah pun buat satu lagi kajian supaya 723 kampung ini mestilah dikenal pasti, mungkin ada sedikit perubahan akan datang ya, bila ada kampung yang besar yang melebihi 100,000 kadang-kadang, eh, 100,000 pula, 10,000 ya, 10,000 penduduk yang itu perlu kita, mungkin kecilkan sedikit pembahagian pentadbirannya. Dan ada juga kampung-kampung yang kita tengok ada di satu, dua di Hulu Selangor contohnya, ya hanya menguruskan 20 biji rumah sahaja. Ya, nampak keseimbangan itu tidak berlaku. Jadi, *InsyaaAllah* dengan adanya kajian 723 kampung ini, mungkin kita boleh mengolah balik susun atur ataupun pentadbiran, kawasan pentadbiran kampung-kampung di Selangor. Terima kasih.

Y.B TUAN HARUMAINI BIN HJ OMAR : Yang Berhormat, tambahan.

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HJ OMAR : Terima kasih. Baik Tuan Speaker hari ni. Terima kasih Yang Berhormat EXCO di atas soalan. Berkait tentang ketidakseimbangan ini, ia menjurus kepada bajet di antara bandar dan luar bandar. Kalau bandar dapat RM 10 Juta misalnya, luar bandar RM 500,000.00, macam itu? So, apakah ada rancangan untuk menambah bajet kepada kawasan-kawasan luar bandar ini, dalam soal-soal pembangunan dan sebagainya?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Batang Kali. Saya rasa selepas saya meninjau laporan yang saya sebut tadi ya, yang daripada SPKPN, pastinya *InsyaaAllah*, bajet ataupun dalam bajet tahun depan, kita akan mencadangkan ya perkara-perkara yang sebenarnya memang saya akui bajet-bajet

14 JULAI 2020 (SELASA)

yang lepas kita lihat terlalu sedikit peruntukan untuk kawasan luar bandar terutama dalam aspek pembangunan atau infrastruktur itu. Jadi, kita mengharapkan banyak, akan ada pertambahan bajet untuk disalurkan melalui Pejabat Daerah supaya kampung-kampung ini paling tidak mendapat bajet yang boleh memastikan saban tahun itu progress pembangunan itu dapat dilaksanakan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN HAJI BORHAN BIN AMAN SHAH : Terima kasih Tuan Speaker,
soalan saya No. 19.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH (N54 TANJUNG SEPAT)

TAJUK : KEBERSIHAN SUNGAI BERHAMPIRAN INDUSTRI TERNAKAN KHINZIR DI DUN TANJUNG SEPAT

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tahap indeks kualiti air sungai di DUN Tanjung Sepat yang berdekatan dengan setiap *locality* industri ternakan khinzir
- b) Apa mekanisme JPS Kuala Langat dan Sepang dalam memastikan tahap indeks-kualiti air sentiasa dalam tahap kebersihan yang maksimum di sekitar industri ternakan tersebut

JAWAPAN :

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Tuan Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat, stesen pemantauan kualiti air sungai yang berhampiran dengan kawasan Tanjung Sepat adalah stesen Sg. Batang Labu di Kampung Orang Asli Bukit Tadong dengan jaraknya 18 km daripada Tanjung Sepat. Indeks kualiti air sungai di stesen ini adalah kelas ketiga. Pemantauan berkaitan di laksanakan oleh LUAS bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air di kawasan sekitar tersebut, kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya. Penguatkuasaan bersepadan dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan juga pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh saya, EXCO Pengurusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau Dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi.

Tuan Speaker, kawal selia untuk industri penternakan khinzir adalah di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor iaitu DVS Selangor. Mekanisme yang telah pun dilaksanakan oleh jabatan terhadap kawasan tersebut adalah seperti berikut:

1. Memastikan ladang khinzir mempunyai lesen menternak babi sementara mengikut Enakmen Pengawalan Ternakan Khinzir 1991 iaitu hanya lesen sementara diberikan kerana kawasan penternakan khinzir masih belum diwujudkan. Sehingga kini terdapat 121 buah ladang khinzir di Negeri Selangor di mana semuanya dalam kawasan DUN Tanjung Sepat.
2. Memastikan populasi khinzir keseluruhan tidak melebihi 250,000 ekor sahaja seperti yang telah kita peroleh dasar Kerajaan Negeri sebelum itu.
3. Memastikan semua ladang mempunyai kolam kumbahan supaya air kumbahan dirawat terlebih dahulu sebelum dialihkan ke saliran awam seperti parit, sungai dan juga laut.
4. Memeriksa secara berkala semua ladang khinzir sekurang-kurangnya sekali setahun, yang meliputi semua aspek perladangan termasuk aspek rawatan air kumbahan. Sekiranya bacaan ke atas sampel air kumbahan sebelum dialihkan ke saliran awam iaitu *biodegradable oxygen demand (BOD)* melebihi 50 bpm. Pemeriksaan ulangan dibuat dan surat peringatan dikeluarkan supaya penternak terbabit membaiki sistem kumbahan air masing-masing. Senarai semua ladang yang mempunyai *BOD* yang melebihi 50 bpm dihantar ke LUAS.

14 JULAI 2020 (SELASA)

5. Semua aduan berkenaan pencemaran air yang berpunca daripada ladang khinzir telah pun disiasat dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dan juga salinan jawapan aduan akan dihantar kepada pihak-pihak berkaitan iaitu ibu pejabat DVS, JAS dengan LUAS.

Sekian.

Y.B. TUAN HAJI BORHAN BIN AMAN SHAH : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN HAJI BORHAN BIN AMAN SHAH : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, saya ingin memaklumkan bahawa pencemaran ini masih berlaku begitu serius sekali di kawasan termasuk di kawasan laut. Kebanyakan najis ini disalurkan ya, dibawa terus ke laut tanpa mengira alam sekitar di kawasan tersebut. Jadi, saya ingin mendapat pandangan sedikit, adakah Kerajaan Negeri merancang untuk mengadakan satu penternakan secara moden di kawasan tersebut? Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat daripada Tanjung Sepat. Projek *Modern Pig Farm* ataupun *MPF* akan dilaksanakan untuk penyelesaian secara jangka panjang isu pencemaran di kawasan tersebut. So, pihak Kerajaan telah pun menerima konsep cadangan pembangunan *MPF* dan telah pun meminta pihak pemaju *MPF* untuk membuat penyerahan cadangan lengkap projek berkenaan. So, sepatutnya kita patut menerima cadangan lengkap berkenaan tetapi oleh sebab PKP, projek itu buat sementara ditangguhkan akhir tahun ini. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagaimana keputusan MMKN, Projek *MPF* ini atas inisiatif 100% oleh pihak swasta. So, Kerajaan Negeri tidak perlu keluar satu sen pun. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, Soalan saya No. 20.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH (N28 SERI KEMBANGAN)

TAJUK : ISU BANJIR DI KAWASAN TAMAN HARMONI, BALAKONG

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri dapat mengatasi masalah banjir di Taman Harmoni, Balakong yang telah berlaku lebih daripada 10 Tahun?

TUAN SPEAKER : Dipersilakan pihak Kerajaan.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Seri Kembangan berhubung dengan isu banjir di kawasan Taman Harmoni Balakong. Jadi, sebagai EXCO Infra ni apabila banjir ni dikaitkan dengan saya, saya terima lah walaupun ini sebenarnya di bawah Pihak Berkuasa Tempatan, sebenarnya. Jadi, apa yang berlaku ialah laporan yang saya terima ini kepada pihak Majlis Perbandaran Kajang berhubung dengan isu banjir di Taman Harmoni ini dan saya akan sampaikan iaitu lawatan tapak telah pun dijalankan pada 28 April bersama Yang Berhormat Seri Kembangan dan juga Ahli Majlis zon berkenaan mendapati punca banjir disebabkan oleh sistem saliran ataupun *box culvert* dan longkang monsun di kawasan pentadbiran Subang Jaya jadi ini dah jadi isu jiran tetangga ya. Antara Majlis Perbandaran Subang Jaya dan MPKJ. Saya harap dapat EXCO, PBT dapat mengatur kedua-dua PBT ini supaya dapat bertemu dan berbincang kerana air banjir dari kawasan jiran pergi ke sebelah. Jadi, saya harap dapat diselesaikan kerana longkang terlalu kecil dan tersumbat oleh sampah sarap menyebabkan *backflow* ke kawasan pentadbiran MPKJ. Berdasarkan lawatan tersebut, pihak Yang Berhormat juga saya rasa akan diatur satu pertemuan khas bagi di antara kedua-kedua PBT ini bagi menyelesaikan masalah yang tersebut. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Saya difahamkan *MARRIS fund* boleh diguna untuk menaik taraf longkang. Soalan saya adalah, adakah Kerajaan Selangor telah mengarahkan PBT untuk menggunakan *MARRIS fund* sebagai satu tajuk untuk menaik taraf longkang yang menyebabkan banjir kilat.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat jiran saya, Teratai. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan *MARRIS* ini sebenarnya adalah untuk penyelenggaraan jalan dan longkang yang berkait dengan jalan. Jadi, ini kita kena berhati-hati ya dalam penggunaannya. Jadi, sebarang penggunaan untuk penyelenggaraan longkang jalan dan juga penaiktarafan yang terbaru diberi kelulusan untuk tahun ini hanya untuk 15% sahaja dan ataupun kalau tak silap saya RM 15 Juta, yang mana yang paling rendah. Jadi, yang paling rendah *confirm* lah yang RM 15 Juta itu. Untuk keseluruhan peruntukan yang kita terima. Jadi, tak banyak sebenarnya. Walau macam mana pun masih boleh kita pertimbangkan mengikut

14 JULAI 2020 (SELASA)

kesesuaian sebab kos penaiktarafan ini sangat tinggi ya dan kita kena menjaga supaya tidak melanggar syarat-syarat peraturan yang telah ditetapkan di bawah MARR/S. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Malam tadi saya tengok cerita *Shivaji The Boss*. Jadi, soalan saya, dengan izin, *irupatti onru*, No. 21. Terima kasih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN (N15 TAMAN TEMPLER)

TAJUK : RUMAH-RUMAH TERBENGKALAI

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah projek perumahan terbengkalai khususnya di DUN Taman Templer?

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Taman Templer, lain kali terus kepada soalan ya. Tak perlu panjang-panjang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Taman Templer. Saya minta izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan No. 48 juga soalan daripada Taman Templer. Bezanya Taman Templer soalan ini kerana soalan 48 spesifik kepada apartmen tersebut. Dalam soalan No. 21 bertanyakan apakah langkah dan pendekatan Kerajaan Negeri untuk menangani projek-projek terbengkalai di DUN Taman Templer dan saya suka memaklumkan bahawa satu-satunya projek terbengkalai yang telah diklasifikasikan oleh Jabatan Perumahan Negara di DUN Taman Templer ialah Projek Apartmen Kristal Selayang Mutiara yang telah tertangguh beberapa tahun. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, bagi memulihkan Projek Apartmen Kristal Selayang Mutiara, Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Dan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perumahan Negara telah bersetuju untuk memulihkan projek tersebut menggunakan dana Kerajaan Persekutuan.

Status terkini pelaksanaan pemulihan tersebut adalah Jabatan Perumahan Negara sedang melaksanakan proses perolehan ataupun pra kelayakan (*pre-q*) bagi

14 JULAI 2020 (SELASA)

mempelawa kontraktor-kontraktor yang berminat bagi projek ini. Berdasarkan perancangan baru proses perolehan bagi projek ini, SST atau pun Surat Setuju Terima bagi pihak kontraktor yang berjaya dijangka akan dikeluarkan pada Februari tahun 2021 manakala tarikh milik tapak pula dijangka pada pertengahan ataupun pada akhir Februari 2021 tetapi saya suka maklumkan ini di bawah Peruntukan dan Hal Ehwal Perolehan Kerajaan Persekutuan.

Untuk soalan (b), antara langkah awal yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu pembeli-pembeli yang terkesan terhadap projek terbengkalai tersebut adalah dengan menetapkan tiada sebarang kos tambahan akan dikenakan kepada pembeli bagi pemulihan projek tersebut. Berdasarkan rekod pelikuidasi Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd. dianggarkan seramai 490 pembeli yang terlibat dalam pembangunan ini. Antara langkah lain yang diambil seperti mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai oleh Jabatan Perumahan Negara supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula pinjaman atau mengurangkan bayaran bulanan daripada pembiaya ataupun institusi kewangan. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) telah bertindak sebagai pemudah cara pemulihan projek dan akan sentiasa bekerjasama rapat dengan semua pihak bagi memastikan apartmen ini dapat dipulihkan, seterusnya disiapkan sehingga mendapat sijil kelayakan menduduki ataupun CF diperolehi. Itu sahaja setakat ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya ialah yang berkenaan dengan prestasi status projek di Ladang Air Manis. Dan yang kedua, saya ingin bertanya, saya difahamkan R&R yang sepatutnya dibina di tapak projek itu akan dipindahkan ke tempat lain. Jadi, saya nak tanya benar ataupun tidak?

TUAN SPEAKER : Sepatutnya soalan pokok dah pesong dah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tapi saya maklumkan, untuk Air Manis kita telah memulihkan semula sebagaimana pelaksanaan projek tersebut dan *InsyaaAllah*, kita akan mendirikan projek tersebut dan akan diteruskan oleh PNSB dalam masa yang terdekat dan semasa tempoh MCO dan sebagainya, kita tengah selesaikan dokumentasi untuk proses-proses perumahan dan sebagainya. Tentang penempatan R&R itu, memang kita terpaksa alihkan sebab sebahagian besar daripada kawasan itu kita *transform* untuk bangunan dan kita akan bina juga R&R di kawasan Sg. Air Tawar dan Sabak Bernam ataupun di daerah Sabak Bernam sebab ada keperluan dan penggunaan semasa yang harus kita teliti sesuai dengan pembinaan WCE dan sebagainya. Walaupun ia terpesong, saya nak jelaskan memang Sg. Air Manis itu telah kita selesaikan hanya pengisytiharannya kita belum lakukan akibat daripada

14 JULAI 2020 (SELASA)

MCO dan sebagainya kerana proses dokumentasi RFP dah dilaksanakan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam tak ada. Gombak Setia tapi Soalan 23 sudah dijawab bersekali dengan Soalan 11. Rawang.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya soalan 24.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT (N41 RAWANG)

TAJUK : PEKERJA ASING

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah anggaran pekerja warga asing dengan izin dan tanpa di negeri Selangor?
- b) Bagaimana kerajaan mengatasi masalah pekerja warga asing yang makin bertambah?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 24 akan dijawab bersekali dengan Soalan 51 daripada Yang Berhormat Bukit Melawati. Statistik anggaran bilangan pekerja asing dengan izin dan tanpa izin tidak pernah dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Walau bagaimanapun statistik tenaga buruh bukan warga negara telah dikeluarkan secara tahunan dan suku tahunan melalui *survey* tenaga buruh berdasarkan tempoh berkebarangkalian mengikut negeri dan strata melalui pendekatan isi rumah. Pada tahun 2019, bilangan tenaga buruh bukan warga negara di Selangor adalah seramai 448.5000 dan bilangan bekerja adalah seramai 444,000 orang dan kawalan kemasukan warga asing merupakan bidang kuasa Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Selangor sedia dan sentiasa memberi kerjasama terhadap perkara ini. Terdapat beberapa usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui PBT terhadap kawalan warga asing. Antaranya:-

1. Mempergiatkan operasi bersepada bersama Jabatan Imigresen untuk memastikan pekerja asing berada dalam sektor pekerjaan yang betul seperti mana yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat.

14 JULAI 2020 (SELASA)

2. Kerajaan Negeri juga meluluskan untuk tidak membenarkan warga asing menjalankan aktiviti perniagaan-perniagaan kecil atau dilesenkan di bawah aktiviti penjaja. Semua lesen penjaja dan perniagaan kecil termasuk lesen perniagaan di premis milik jabatan atau agensi ataupun PBT di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor hendaklah dipertimbangkan kepada warga Malaysia sahaja. PBT juga meletakkan sekatan pada syarat-syarat lesen penjaja iaitu tidak dibenarkan menggunakan pekerja asing tanpa izin tindakan tegas akan dikenakan terhadap perniagaan tanpa lesen yang dijalankan oleh warga asing dan juga premis penjaja yang menyewakan kepada warga asing dan melantik pembantu warga asing.

TUAN SPEAKER : Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No. 25.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF (N23 DUSUN TUA)

TAJUK : KETIADAAN BEKALAN AIR TERAWAT

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ketiadaan bekalan air terawat di kawasan Kampung Sungai Lui dan Kampung Sungai Tekali?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dusun Tua. Soalan Yang Berhormat berhubung dengan ketiadaan bekalan air terawat di kawasan Kampung Sungai Lui dan Kampung Sungai Tekali. Untuk makluman Yang Berhormat, Air Selangor telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti melaksanakan kerja-kerja penyelarasaran pengagihan sistem agihan bekalan air dan menaik taraf perkakasan di rumah pump Kampung Sungai Lui dan Kampung Sungai Tekali. Air Selangor juga akan melaksanakan beberapa projek naik taraf di Kampung Sungai Lui yang kini dalam peringkat penilaian tender antaranya:-

14 JULAI 2020 (SELASA)

1. Kerja-kerja menaik taraf kapasiti pengeluaran di Loji Rawatan Air Sungai Lo Lo.
2. Pemasangan paip baru dari Loji Rawatan Air Sungai Pangsoon sehingga ke simpang Batu 18.
3. Kerja-kerja menaik taraf tangki menara Kampung Sungai Lui dan
4. Pemasangan paip baru dan tangki menara Kampung Sungai Lui hingga ke Paya Lebar.

Kawasan Kampung Sungai Lui dan Kampung Sungai Tekali akan mendapat faedah tambahan ya melalui projek Loji Rawatan Air Langat 2 (LRA2) apabila ianya siap dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2022 di mana ia melibatkan pemasangan paip baru dari kolam imbangan baru Hulu Langat kepada paip sedia ada di jalan Hulu Langat serta pemasangan paip baru hingga ke kolam sedut Kampung Sungai Tekali. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Jeram.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Yang Berhormat Speaker. Dia pesan kat saya suruh bawa soalan ni. Ikut peraturan

TUAN SPEAKER : Berapa?

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : 42 kot.

TUAN SPEAKER : Hah?

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : 42.

TUAN SPEAKER : 42 tak betul. Saya tak benarkan. Kena ikut 24 (2) ya. Tak apa. Lain kali dulu. (Ketawa). Ok.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Terbalik (ketawa).

TUAN SPEAKER : Saya minta Yang Berhormat Ijok

Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan Ijok No. 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : SKIM SMUE/SKIM KHAIRAT KEMATIAN

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah skim SMUE yang dijalankan sekarang akan dikaji seperti memberi semula bantuan khairat kematian?

JAWAPAN :

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Tadi saya tengok Peraturan 42 ni halau orang keluar dewan. (Ketawa). Terima kasih (ketawa). Baik. Terima kasih Ijok atas soalan yang diberikan yang mana Kerajaan Negeri telah meneliti beberapa penilaian terhadap kesejajaran ataupun *realignment* program-program IPR ataupun Inisiatif Peduli Rakyat oleh Kerajaan Negeri. Alhamdulillah daripada pencejajaran dan analisa yang kita lakukan hampir kesemua termasuk pencejajaran Skim Air Selangor Darul Ehsan mendapat maklum balas yang positif walaupun ada beberapa bantahan. Namun begitu, saya suka memaklumkan bahawa antara program yang mendapat pandangan yang kurang baik adalah berkenaan dengan pencejajaran SMUE ini dengan izin.

Justeru, pihak Kerajaan Negeri memang sedang merangka tapi tidak akan dilaksanakan pada tahun ini kita akan umumkan dalam Belanjawan yang akan datang kerana konsepsi kepada SMUE ini memang khairat kematian. Namun begitu apa yang kita akan cuba lakukan ialah *synergy* ataupun *hybrid* dengan nikmat yang dinikmati waktu hidup dan juga keluarga akan diberikan sedikit sumbangan selepas tarikh kematian. Cuma kita aturkan ya jumlahnya tidaklah sebanyak yang dulu tapi penilai yang dia dapat semasa hidup masih ada jom shopping ataupun ada hadiah daripada Kerajaan Negeri tetapi selepas meninggal juga ada untuk urusan jenazah, pengebumian dan sebagainya sebagaimana yang kita aturkan. In syaa Allah saya akan *announce* kan dalam Belanjawan tidak berapa lama bulan sebelas nanti. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD : Kenapa Ijok tonjolkan soalan ni sebab dari segi kita mengendalikan program ni dari peringkat DUN sebab tiap-tiap 3 bulan sekali kita kena panggil warga emas untuk kita nak beri sumbangan. Ini ada

14 JULAI 2020 (SELASA)

memberikan satu bebanan kepada *administration* di DUN sebab kita kena panggil pekerja-pekerja extra.

Yang kedua, dari segi *political mileage* kita biasanya kalau kita ziarah orang kematian dulu-dulu kita adalah bawa buah tangan. Ini satu *political mileage* pada semua wakil rakyat tetapi sekarang kita bawa cuma ciput sahaja. Jadi untuk kita nak mendapatkan maksimum *benefit* dari Skim SMUE program seseorang tu kena hidup sampai 85 tahun. Sekarang dah *average* kata purata kehidupan di negara kita biasanya 78. Jadi nak sampai tahap itu lambat jadi saya harap-harapkan lah. Saya minta Kerajaan Negeri Selangor walaupun kekangan kewangan boleh tak kurangkan tapi sambungkan cara dulu walaupun

TUAN SPEAKER : Ya. Pendekkan, pendekkan.

Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD : Ok.

TUAN SPEAKER : Pendekkan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Itulah semangatnya. Hidup pun senang, mati pun senang. Rasanya begitulah. Maknanya yang hidup kita layani, yang meninggal kita hormati dan kita berikan penghargaan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana akan Kerajaan Negeri akan mengkaji semula untuk membagi wang khairat tapi sebelum ya bantuan wang khairat kematian di bagi ya pada tahun depan, wang khairat sebelum ini saya harap Kerajaan Negeri perlu tengok ya sebab dalam *list*, dalam DUN Pandamaran saya masih ada 55 ya permohonan. Yang paling lama adalah bulan 9 jadi dah dekat 2 tahun ya tiap-tiap hari penduduk akan tanya bila nak bagi sepatutnya dalam setengah tahun kita akan bagi tapi dekat 2 tahun dah. Jadi sebelum ni saya harap *list* ini perlu dibagi balik saya harap lah dan saya harap wang khairat yang akan datang sekurang-kurangnya seribu untuk semua permohonan. (tepuk). Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Hal itu kita akan teliti dan sememangnya sebenarnya apa yang dilakukan dalam pencejajaran sebagaimana yang saya maklumkan bukan hanya pemotongan kita nak susun balik. Jadi pengendalinya adalah YAWAS dan sebelum ini RMSB yang telah bergabung kita nak susun kerana kita nak tengok *sustainability of fund* ya ataupun kelangsungan dan keberkesanan perbelanjaan tersebut supaya kita tidak meletakkan daripada tiap tahun ke tiap tahun angka yang tidak munasabah kadang-kadang kita perlu buat pertambahan bajet dan sebagainya. So, itu asas yang kita buat terhadapnya jadi dengan beberapa inisiatif yang kita mulakan tahun ini dan pendapatan yang kita

14 JULAI 2020 (SELASA)

perolehi saya rasa kita boleh mulakan semula. In syaa Allah tapi yang tertunggak tu saya minta nanti pihak pengurusan untuk teliti saya sendiri akan teliti dan juga pantau. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Tuan Speaker, Soalan saya No. 28.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN LAI WAI CHONG (N22 TERATAI)

TAJUK : PENGURUSAN SISA DOMESTIK DAN PEPEJAL BAGI KERAJAAN TEMPATAN

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kos pelupusan sisa yang ditanggung oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan?
- b) Adakah Kerajaan Selangor telah melihat pelupusan sisa dengan teknologi baru yang telah dilaksanakan oleh Negara lain?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Speaker, secara dasarnya pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang berkualiti adalah memerlukan perbelanjaan yang besar dan sukar dikurangkan lebih-lebih lagi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor telah menerima pertumbuhan bandar yang pesat. Pertumbuhan kawasan perumahan baru yang tinggi dan penambahan bilangan penduduk. Sehubungan dengan itu, usaha untuk mengurangkan kos pelupusan sampah boleh dicapai melalui pengurusan sampah melalui pengurang jumlah sampah yang dihasilkan dan dihantar ke tapak pelupusan sampah di mana secara tidak langsung ia boleh mengawal kos pelupusan sampah oleh PBT. Oleh itu, kaedah terbaik dalam mengurangkan sampah adalah melalui program pengasingan sisa pepejal di peringkat punca dan menggiatkan program kesedaran kitar semula supaya program ini dapat dilaksanakan.

Kerajaan Negeri, bagi menjawab soalan B, Kerajaan Negeri Selangor telah mula menilai dan meneliti teknologi alternatif yang moden dan yang sesuai untuk digunakan bagi pelan jangka panjang dalam pelupusan sampah di Negeri Selangor dalam pelupusan sisa pepejal selain daripada kaedah *landfill* sejak tahun 2013 dengan

14 JULAI 2020 (SELASA)

menubuhkan Jawatankuasa Taskforce pengurusan sisa pepejal Negeri Selangor. Jawatankuasa Taskforce ini telah melakukan beberapa penilaian teknologi termasuk di luar negara bagi mengenal pasti teknologi yang berpotensi seperti berikut:

1. *Mechanical Biological Treatment*
2. *Waste To Energy*
3. *Pyrolysis*
4. *Compost*
5. *Anaerobic Digestor*
7. *Material Recovery Facility*
8. *Recycling Facility*
9. *Refuse Derive Fuel*
10. *Transfer Stations*

Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya.

Y.B. TUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan. Saya amat tertarik dengan cadangan pengasingan sampah pada punca tetapi di sini saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri sama ada, ada pelan besar untuk mewujudkan sistem untuk meningkatkan *accessibility* untuk penduduk melakukan pengasingan sampah sebab sistem sekarang yang di mana penduduk kena membawa bahan-bahan alam *recycling* kepada *recycling centre* mungkin tidak sesuai untuk semua orang. So, mohon pandangan Y.B. EXCO.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Penduduk tidak semestinya perlu membawa *recycling*, barang *recyclable* ke *recycling centre*. Mereka boleh biar di depan rumah mereka kerana KDEB, kontraktor KDEB akan mengutip barang tersebut. Menurut data yang pernah saya terima dari KDEB sebuah pusat *recycling centre* telah diwujudkan oleh KDEB di Meru dan setiap hari barang kitar semula yang dihantar ke pusat itu adalah sebanyak 20 tan setiap hari jadi ini antara satu salah satu usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan juga KDEB Waste Management.

14 JULAI 2020 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Baik terima kasih Yang Berhormat EXCO. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi, dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya sambungan Usul Nombor 8 Tahun 2020, Usul Paket Rangsangan Selangor Prihatin dan Pelan Pemulihan Ekonomi Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Saya menjemput Yang Berhormat Subang Jaya untuk menyambung perbahasan, saya bagi masa 15 minit.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Baik, terima kasih Tuan Speaker. Seperti kita sedia maklum bagi mengawal penularan wabak COVID-19, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan pada 18 Mac 2020 yang sejurusnya diubah kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan kita kini berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan. Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan pelbagai program untuk memastikan kestabilan ekonomi di samping mewujudkan pelbagai inisiatif dan inovatif. Saya menyambut baik dan menyokong Paket Rangsangan Fasa Ke-3 yang diumumkan oleh Dato' Menteri Besar pada semalam. Akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan kita semua sedia maklum bahawa sektor ekonomi terjejas teruk. Melalui program turun padang dari PKP sehingga sekarang, saya percaya ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menemui ramai pihak yang dirundung masalah, termasuk masalah dibuang kerja, kontrak peniaga atau pun pelanggan yang dibatalkan tanpa alasan, masalah ibu tunggal yang tidak dapat menerima manfaat program kerajaan seperti BPN kerana pendapatan isi rumah masih merekodkan pendapatan suami yang sudah lama meninggalkan keluarga atau pun disebabkan wangnya masih disalurkan kepada suami. Dijangka juga selepas moratorium pembayaran balik pinjaman tamat, kes-kes kebankrutan juga akan meningkat. Untuk ke semua kes ini penyelesaiannya adalah melalui mahkamah, untuk mereka di mana kontrak di tamat secara tidak munasabah atau pun untuk mereka yang dipecat secara tidak adil, perintah ganti rugi boleh didapati daripada mahkamah sivil ataupun mahkamah perusahaan. Bagi ibu tunggal perintah penceraian juga boleh didapati daripada mahkamah keluarga supaya selepas itu mereka boleh mendapat bantuan kerajaan. Bagi kes-kes *bankruptcy* pula mereka perlu dibela di mahkamah.

Walau bagaimanapun apa yang dapat diperhatikan adalah dalam kebanyakan kes ini ramai daripada kalangan mereka terjejas, tidak mampu mengupah peguam kerana tidak fasih dengan selok-belok undang-undang sivil mahkamah. Keputusan kes-kes mereka juga terjejas. Bagi saya ini sebenarnya adalah peluang terbaik untuk Kerajaan Negeri Selangor memberi perhatian kepada isu *accessibility* keadilan ataupun dengan izin *access to justice* untuk warga Selangor, satu perkara yang belum diberi tumpuan di negeri-negeri lain. Jika kita mengkaji sistem guaman di seluruh dunia, sistem-sistem yang berjaya seperti United Kingdom, Australia, Singapura dan lain-lain

14 JULAI 2020 (SELASA)

diterajui oleh kerajaan dengan itu Subang Jaya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menjadi peneraju dengan mewujudkan satu dana bantuan guaman untuk kes-kes sivil sama seperti Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan ataupun YBGK.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat YBGK adalah usaha untuk membiayai bantuan dan nasihat guaman berhubung prosiding jenayah untuk dan bagi pihak mereka yang memerlukan bantuan guaman. Jumlah yang diperuntukkan sebenarnya tidak banyak iaitu hanya RM12,000,000.00 sahaja setiap tahun untuk seluruh Malaysia. Melalui jalinan hubungan dengan Badan Peguam Malaysia, peguam-peguam yang mengambil kes daripada YBGK sekurang-kurangnya akan dibiayai kos asas mereka seperti kos perjalanan, kos alat tulis, kos cetak dan lain-lain. Objektif program tersebut bukan untuk membawa keuntungan besar kepada peguam-peguam malah sebenarnya untuk meningkatkan *accessibility* keadilan pada masyarakat yang memerlukan. Mereka yang tidak dapat mengupah peguam akan memperolehi nasihat dan perwakilan sewajarnya dan sejurusnya membantu kes mereka. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, YBGK adalah hanya untuk kes jenayah, tiada lagi program kerajaan untuk kes-kes sivil. Ini adalah peluang Kerajaan Negeri untuk mengisikan kekosongan tersebut. Jika Kerajaan Negeri boleh memperuntukkan RM 3,000,000.00 sebagai permulaan untuk cubaan satu tahun. Dijangka seramai dua ribu sehingga tiga ribu rakyat Selangor akan dapat manfaat daripada dana bantuan guaman tersebut. Merandangkan di peringkat Selangor sudah diwujudkan Yayasan Anak Waris Selangor, program ini boleh diletakkan di bawah organisasi tersebut. Jika program percubaan ini menunjukkan hasil yang memberangsang maka ia boleh dipertimbangkan sebagai program kekal di Negeri Selangor. Setelah berdialog dengan Badan Guaman Malaysia, jawatankuasa mereka telah memberi sokongan kepada idea ini dan bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi mewujudkan sistem serta membekalkan sumber manusia dari segi peguam dengan secepat mungkin. Kerajaan Negeri wajar bertindak pantas, setiap hari yang berlalu maksud sebilangan ibu tunggal yang terus berada di dalam kesusahan, pekerja-pekerja yang dibuang kerja tanpa alasan munasabah yang tidak boleh mendapat keadilan, kontrak-kontrak usahawan kerja yang dibatalkan secara tidak adil dan selepas moratorium pembayaran balik pinjaman tamat, kes-kes *bankruptcy* dijangka akan meningkat. Inilah satu cadangan daripada Subang Jaya yang amat harap dapat dilaksanakan demi kebaikan rakyat Negeri Selangor. Dengan itu Subang Jaya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Lembah Jaya.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Yang Berhormat Speaker kerana memberi saya peluang sebagai ADUN Bebas untuk membahaskan Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Itu cerita lain. Sekarang kita bahas di dalam dewan, itu boleh PM tepi ya. Saya Lembah Jaya bersetuju dan menyokong tindakan kerajaan untuk memikirkan semula bagaimana mencari penyelesaian terhadap kesenjangan ekonomi dan kesannya terhadap

14 JULAI 2020 (SELASA)

mereka yang berpendapatan rendah. Golongan B40 yang mendapat gaji harian dan mereka sangat terjejas daripada pandemik COVID-19, oleh itu Lembah Jaya berpendapatan keluarga yang berpendapatan rendah ini perlu dibantu segera supaya kesannya dapat diredukan. Jadi Lembah Jaya mohon supaya ada satu program yang bernama ataupun yang melihat kepada nutrisi dan diet anak-anak keluarga B40 dapat disegerakan. Masalah ini bantut di kalangan anak-anak miskin bandar ini dapat ditangani dengan menjalankan atau pun melaksanakan program yang telah dirancang. Jadi ini rentetan daripada laporan UNICEF pada tahun 2018 dengan izin, *children without a study of urban child poverty and deprivation in low cost flats in Kuala Lumpur*. Daripada laporan tersebut telah menunjukkan bahawa keluarga miskin bandar menghadapi tumbesaran terbantut di kalangan anak-anak mereka dan daripada statistik yang kita perolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, melalui kadar pendapatan garis kemiskinan yang terbaru iaitu RM 2,208.00, terdapat isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin sebanyak 5,441, peningkatan yang mendadak jadi golongan ini sebenarnya adalah golongan yang berisiko yang mengalami masalah tumbesaran yang terbantut di kalangan anak-anak mereka. Jadi sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin perkara ini perlu ditangani segera lebih-lebih lagi daripada pasca COVID-19 yang melibatkan anak-anak yang satu masa akan menjadi pemimpin masa depan negeri dan negara ini. Perkara ke dua yang Lembah Jaya ingin bangkitkan adalah pendekatan Kerajaan untuk meningkat aktiviti ekonomi dalam sektor pembinaan. Walaupun daripada Jabatan Perangkaan meletakkan aktiviti ekonomi dalam sektor pembinaan ini tidak setinggi sektor perkhidmatan dan juga pembuatan namun sektor pembinaan ini mempunyai industri hilirannya.

Oleh itu peluang menyediakan kediaman yang sempurna dan selesa bagi keluarga mereka berdapatan rendah dan juga sederhana rendah melalui Skim Smart Sewa yang dicadangkan oleh kerajaan adalah satu pendekatan yang saya nampak progresif kerana bukan sahaja kita mendengar serta menyelesaikan masalah pembinaan rumah harga kawalan ini dipihak pemaju yang mengambil masa untuk membinanya tapi pada masa yang sama kita juga mempunyai atau pun memiliki unit-unit percuma daripada kaedah baru yang diperkenalkan oleh kerajaan iaitu pembinaan Rumah Selangorku yang membenarkan satu jenis dengan dilengkapi dengan beberapa perabot di dalamnya dengan harga yang lebih berdaya siang dan ini telah menggalakkan pemaju-pemaju yang sebelum ini menangguhkan pembinaan rumah-rumah tersebut sudah berjanji untuk memulakan pembinaannya dalam tempoh 2 tahun dan pada masa yang sama mereka juga akan menyerahkan unit-unit percuma kepada Kerajaan dan unit-unit ini sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan digunakan sebagai unit dalam Skim Smart Sewa dan penyewa-penyewa ini boleh membeli unit-unit tersebut sekiranya mereka sudah mampu untuk memiliki unit-unit tersebut. Jadi kaedah ini sebenarnya telah adalah pendekatan menang-menang, menang bagi pihak pemaju dan juga menang bagi pihak B40 yang mungkin tidak mampu membeli unit tersebut tapi boleh menduduki kediaman yang lebih berkualiti, jadi Lembah Jaya sangat gembira pendekatan ini dilaksanakan. Bukan itu sahaja perkara seterusnya untuk tingkatkan lagi aktiviti

14 JULAI 2020 (SELASA)

ekonomi dalam sektor pembinaan ini ada satu lagi ruang yang boleh diterokai iaitu pembangunan semula. Ini adalah untuk memastikan dengan izin *liveability* di kawasan-kawasan bandar lama yang kebanyakannya berusia lebih 40 tahun dapat diberi nafas baru kepada kawasan-kawasan tersebut. *Alhamdulillah* baru-baru ini garis panduan pembangunan semula bandar telah pun diluluskan dan ini mampu ;

1. Mengoptimumkan penggunaan tanah atau pun kawasan di bandar-bandar yang kita lihat pada hari ini sudah terhad kerana pembangunannya sudah tepu.
2. Ia mampu mengelakkan rebakan pembandaran atau pun dengan izin *urban sprawl*
3. Meningkatkan nilai hartanah yang sebelum ini yang merupakan kawasan-kawasan selang atau pun kawasan-kawasan yang sudah mati.
4. Dapat meningkatkan aktiviti ekonomi di kawasan yang dibangunkan.

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH : Mohon mencelah boleh Yang Berhormat Lembah Jaya? Boleh?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Boleh, boleh silakan.

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH : Saya ingin bertanya kepada Dewan Yang Mulia ini sedang kita melihat kepada inisiatif merancakkan pembangunan rumah-rumah Selangor Idaman tapi kita terlupa tentang permasalahan yang berlaku sekian lama dari isu MOT dan ini menjadi kesan kepada kita sebagai wakil rakyat apabila saya mengambil contoh di tempat Putera Perdana yang ketiadaan Hak Milik Strata sudah membabitkan 18 tahun dan ini perlu diambil kira oleh pihak Kerajaan Negeri bagaimana kita ingin menyelesaikan dengan kadar segera dan kita selalu mendengar atau pun dicanangkan oleh pembangunan Selangorku, Selangor Idaman dan tapi perkara asas kepada pembangunan atau pun perumahan yang lama ini tidak selesai dan saya mohon sebelum ini Yang Berhormat Lembah Jaya EXCO Perumahan, saya mohon diambil kira atau dinilai semula status perumahan-perumahan yang bermasalah daripada Hak Milik Strata ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Baik, terima kasih Dengkil.

Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA : Baik, terima kasih Dengkil. tetapi Dengkil bertanya kepada orang yang silaplah sebab saya bagi peluang kepada kerajaan untuk menjawab soalan Dengkil ya. Walaupun sebenarnya ada usaha memang, itu memang masalah yang benar, kita tidak boleh nafikan. Hanya kajian akan telah ataupun sedang dijalankan dan tindakan akan menyusul tapi itu saya percaya kerajaan akan menjawab pertanyaan Dengkil selepas inilah. Saya teruskan,

14 JULAI 2020 (SELASA)

jadi saya juga mengesyorkan supaya kerajaan menggunakan garis panduan yang baru diluluskan ini untuk mengenal pasti kawasan-kawasan lama di bandar-bandar khususnya dan saya dapati ada beberapa bandar yang akan mendapat manfaat daripada pembangunan semula bandar ini khususnya adalah Petaling Jaya, Subang Jaya, Ampang Jaya, Shah Alam dan juga Klang. Jadi bandar-bandar yang agak lama ini ya pembangunannya sudah tepu dan pendekatan yang terbaik bagi kawasan-kawasan ini untuk menghidupkan semula adalah dengan pendekatan pembangunan semula dan perkara terakhir yang Lembah Jaya ingin bangkitkan adalah berkaitan dengan kemudahan-kemudahan yang ada di bandar supaya ia dapat akses ataupun dapat dinikmati oleh warga kota yang mungkin sesetengah ke tempatnya tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi. Jadi Lembah Jaya menyarankan supaya Kerajaan Negeri mewujudkan Jaringan Hijau. Jaringan Hijau ini adalah kaedah menghubungkan kawasan-kawasan yang hijau ya. Kawasan-kawasan yang hijau yang utama dan kemudahan-kemudahan rekreasi dalam satu *look* dengan izin dengan satu *look* dengan laluan berkenderaan ataupun berbasikal, laluan berbasikal ataupun pejalan kaki yang baik. Jadi Jaringan Hijau ini sebenarnya akan memberi akses kepada penduduk menikmati kemudahan rekreasi dan infra yang mungkin sebelum ini tidak ada ya, ini memang apa itu dialami di perumahan ataupun kawasan perumahan berstrata kos rendah kerana pembinaannya disegerakan. Jadi perancangannya tidak lengkap dan mereka selalu tidak mempunyai ya kemudahan-kemudahan ini. Jadi dengan Jaringan Hijau ini akan memberikan akses, kemudahan ini kepada mereka yang sebelum ini tidak mempunyai kemudahan tersebut. Saya lihat sekiranya Jaringan Hijau ini diwujudkan di bandar-bandar seterusnya semua bandar-bandar ini dihubungkan di antara satu sama lain ya kita akan mendapat satu laluan Jaringan Hijau yang tidak putus ya beratus-ratus kilometer dan ini akan menggalakkan warga Selangor ya untuk pergi ataupun sampai ke destinasi-destinasi yang menarik dan menggalakkan aktiviti yang sihat. Saya percaya penggemar-penggemar berbasikal juga mempunyai dan juga alam sekitar mempunyai banyak tempat yang akan mereka pergi dan lawati bila wujudnya Jaringan Hijau tersebut. Jadi, akhir sekali Lembah Jaya ingin menyatakan, bersetujuinya usul ataupun cadangan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor yang dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dipersila, Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker atas peluang membahas usul. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Speaker atas pelantikan dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada barisan petugas hadapan melawan COVID-19 dan juga semua penjawat awam. Saya rasa selain doktor, jururawat, kakitangan hospital, penghargaan khas mesti diberi dan dirakam kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di kawasan saya Majlis Bandaraya Petaling Jaya banyak membantu pihak Polis dan Angkatan Tentera Malaysia untuk menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan. Mereka banyak meronda dan melaksanakan kerja disinfeksi di pasar-pasar awam. Ada yang pula kena mesti

14 JULAI 2020 (SELASA)

kuarantin diri sebab PKPD, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Pasar Besar Jalan Othman. Jadi saya mengucapkan terima kasih.

Pertamanya saya ingin membetulkan serba sedikit apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar semalam berkenaan kesihatan mental. Yang Berhormat Sungai Air Tawar menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM 1 Juta untuk kesihatan mental di mana beliau menyatakan RM 1 Juta itu akan digunakan untuk menghasilkan video menangani pengurusan kesihatan mental. Saya ingin menasihati Yang Berhormat Sungai Air Tawar supaya jangan hilang satu titik perpuluhan ya, dalam buku ini dia kata RM 100 Juta sahaja yang akan digunakan untuk menangani tekanan dan kemurungan dan yang RM 1 Juta itu untuk peruntukan keseluruhan tahun ini.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Maaf, saya nak celah. Berapa tadi jumlah dia?

Y.B. PUAN LIM YI WEI : RM 100 Juta.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : RM 100 Juta?.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Eh sorry, RM 100,000 saya pun tersilap.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : RM 100 Juta saya pun terkejut. Jadi yang salah sebut angka bukan saya. Saya rasa Yang Berhormat Kampung Tunku yang salah sebut ini RM 100 Juta itu. Tak masuk akal itu.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Kami saling betul-betulkan lah.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Ok ok.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Nasihat menasihati diterima. Ok, terima kasih. Keduanya Kampung Tunku ingin menyokong cadangan Yang Berhormat Subang Jaya agar Kerajaan Negeri Selangor mewujudkan tabung bantuan guaman untuk keskes sivil dengan mengambil Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) sebagai contoh. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan, semasa perbincangan dengan pemimpin wanita akar umbi muncul beberapa kes yang agak menonjol, yang pertamanya kes keganasan rumah tangga selepas pihak yang didera membuat laporan Polis mereka masih memerlukan khidmat nasihat guaman untuk langkah seterusnya misalnya proses memohon mendapat perlindungan contohnya perintah perlindungan kecemasan iaitu *emergency protection order* dengan izin ataupun perintah perlindungan interim iaitu *interim protection order* dengan izin. Kedua, kes yang muncul banyak ialah kes ibu tinggal. Di mana pasangan suami isteri telah pun berpisah tetapi tidak melalui proses perceraian, suami dah lari rumah ke tepi pantai seperti Yang Berhormat Taman Templer menyatakan, tetapi apa yang berlaku ialah ibu tinggal mereka tercicir daripada menerima skim-skim kerajaan kerana tidak dapat

14 JULAI 2020 (SELASA)

mengemukakan sijil cerai. Kes ketiga yang banyak muncul selepas PKP juga termasuk kes pertikaian antara pemilik rumah ataupun kedai dengan penyewa. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan pemilik mereka duduk diam-diam. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ada yang mula memberi tekanan kepada penyewa sama ada dari segi menaikkan sewa ataupun mengusir keluar penyewa atas asalan kelewatan membayar sewa semasa PKP dan sebagainya dan kami juga menjangka apabila program moratorium pinjaman berakhir kira-kira bulan Oktober 2020 dijangka ramai warga Selangor yang akan memerlukan bantuan guaman. Akses menuntut keadilan ataupun *access to justice* dengan izin adalah hak semua dan kami berharap agar Kerajaan Negeri Selangor sebagai kerajaan yang prihatin dapat mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat Subang Jaya yang saya juga amat sokong.

Ketiga saya ingin menyentuh berkenaan tonggak utama iaitu keselamatan makanan *food security* dengan izin, berkenaan guna tanah. Kampung Tunku menyambut baik pembukaan kawasan-kawasan pertanian di atas tanah milik kerajaan. Apabila kita bercakap tentang pertanian, kawasan bandar kurang diberi perhatian, di Petaling Jaya minat terhadap pertanian bandar ataupun *urban farming* dengan izin amat tinggi dan kini selepas Perintah Kawalan Pergerakan ia nampak dilihat sebagai salah satu cara untuk menjimatkan kos sara hidup, tetapi di kawasan bandar kita sering mengalami isu kekurangan tanah. Satu jalan penyelesaian yang Kampung Tunku ingin cadangkan ialah untuk menggunakan tanah rizab pembetungan ataupun bekas loji rawatan kumbahan di bawah penyeliaan yang dahulunya di bawah penyeliaan IWK yang kemudiannya dipindah kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP), ada 28 lot tanah rizab di DUN Kampung Tunku yang kecil dan comel, bayangkan di seluruh negeri Selangor, banyak lagi. Majlis Bandaraya Petaling Jaya dalam Rancangan Tempat Petaling Jaya Pengubahan 2 telah menyarankan bahawa tapak-tapak IWK yang tidak lagi digunakan akan dizonkan sebagai kegunaan awam atau kawasan lapang. Sefaham saya Majlis telah buat yang terbaik tetapi apabila kami *you know* berhubung dengan pihak JPP, perancangan penggunaan rizab tanah tersebut masih *stuck* dengan izin di peringkat JPP. Jadi saya ingin cadangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk meluaskan guna tanah secara maksimum dan berhubung dengan Kerajaan Persekutuan melalui JPP untuk langkah-langkah seterusnya supaya tanah ini digunakan sebaik mungkin untuk manfaat rakyat setempat. Silakan.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Terima kasih Kampung Tunku. Cuma nak minta penjelasan sikit daripada Kampung Tunku adakah Kampung Tunku bersetuju jika boleh saya katakan kita nak minta pihak Kerajaan Negeri ini sebab dimaklumkan kepada kita banyak sangat tanah-tanah kerajaan, tanah-tanah terbiar ini. Boleh tak pihak Kerajaan Negeri bagi tahu kepada kita war-warkan kepada kita, maklumkan kepada kita maksudnya contohnya macam di Taman Templer ada 3-4 tanah kerajaan ataupun tanah terbiar yang mana rakyat ataupun masyarakat boleh memohon dan juga rakyat boleh menggunakan tanah tersebut untuk digunakan sebagai tempat ataupun sebagai tempat untuk mereka bercucuk tani ataupun untuk

14 JULAI 2020 (SELASA)

mereka bercucuk tanam bagi menambahkan lagi hasil pendapatan mereka. Terima kasih Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Yang Berhormat Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Beza dengan Ketua Pembangkang. Kalau Ketua Pembangkang itu kena keras sikitlah kan. Kampung Tunku ini dia kita kena lembut. Terima kasih.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Dengan kasih sayang.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Dengan kasih sayang, terima kasih Yang Berhormat Taman Templer, saya rasa itu cadangan yang baik supaya kerajaan Negeri Selangor sebenarnya membekalkan satu senarai tanah-tanah milik kerajaan yang terbiar untuk tujuan bercucuk tanam. Tetapi *of course* dengan izin Kerajaan Negeri kena mempertimbangkan setiap permohonan yang datang dengan masanya. Ok, saya akan sambung ke *point* yang terakhir mengenai digitalisasi. Kampung Tunku menyambut baik kandungan ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tentang frasa *no one left behind* dengan izin tiada yang tercicir. Saya ingin menyentuh tentang Sistem SElangkah yang saya rasa dan saya dapat dari maklum balas penduduk ialah satu sistem yang mudah dan efektif yang dibangunkan oleh anak tempatan Dr.Helmi Zakariah. Namun Kampung Tunku ada cadangan untuk menambahbaik SElangkah di mana kerajaan Negeri Selangor dan Negeri Selangor semasa kami menyambut arus digitalisasi jangan kita tinggalkan orang di belakang misalnya warga emas dan golongan B40 yang masih menggunakan *phone* jenis Nokia yang tak ada fungsi *scanner* dengan izin. *Phone* jenis Nokia yang kalau kamu baling dari tingkat ke15 boleh bunuh orang. Saya melihat di Pulau Pinang kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang menghasilkan Penang Care (PgCare) yang serupa SElangkah tetapi datang selepas SElangkah yang membenarkan warga emas dan golongan B40.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Boleh mencelah.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Ya, silakan.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Saya ingin bertanya sikitlah berkenaan dengan SElangkah. SElangkah ini adalah satu apa, satu sistem yang baik tetapi yang menjadi kemusykilan kepada kita sekarang ini, ke manakah data ini disimpan? Apabila kita melakukan *scanning* itu kita tak tahu data itu ke mana. Zaman sekarang ini semua orang cuba untuk mengumpul *big data*, data-data peribadi dan sebagainya. Tetapi SElangkah proses ini, sistem ini ke mana? Itu yang saya hendak tahu. (Ketawa) Tak apa, itu mungkin daripada pihak Kerajaan boleh jawablah. Cuma saya hendak celah supaya kita lebih ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kampung Tunku, Kampung Tunku teruskan.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Yang Berhormat Kuang kerana benarkan saya teruskan. Setahu saya Yang Berhormat Kuang, data yang di kumpul oleh SElangkah sistem SElangkah ini ialah data yang sangat dengan izin *surface level* iaitu nama dengan nombor telefon sahaja. Ia tidak dengan izin *as invasive as my Sejahtera* yang meminta nombor pengenalan dan sebagainya. Yang lain saya beri peluang kepada Yang Berhormat EXCO untuk menjawab di mana data itu disimpan. Tetapi saya ingin meneruskan dengan perbahasan saya tentang Penang Care atau pun PG Care. Di mana pengunjung yang tidak mempunyai *smartphone*, tidak mempunyai *smartphone* boleh mendaftar masuk ke premis PG Care. Bermaksudnya mana-mana kedai atau pun shopping mall dengan izin yang menggunakan PG Care dengan menghantar *sms* ke PG Care. Selain itu PG Care memanfaatkan penggunaan *one time password* dengan izin untuk mengesahkan kesahihan nombor telefon itu.

Jadi ini cadangan saya untuk menambah baik SElangkah, saya nampak di Petaling Jaya memang ramai kedai yang menggunakananya dan ia disambut baik oleh masyarakat setempat. Oleh itu, Kampung Tunku menyokong usul Pakej Rangsangan Selangor Prihatin dan Pelan Pemulihan Ekonomi Negeri Selangor, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Balakong.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Terima kasih kepada Timbalan Speaker.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Timbalan Speaker tak berbunyi suaranya.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Tak apalah, nanti kita bagi peluang lagi, jangan risau, jangan risau ok. Sektor pembuatan merupakan sektor yang paling produktif di Selangor. Sektor pembuatan merupakan penyumbang kedua besar kepada KDNK Selangor selepas sektor perkhidmatan. Dan juga penyumbang peluang pekerjaan yang kedua besar di dalam negeri. Demi memulakan ekonomi Selangor adalah sangat penting untuk memulakan sektor perkhidmatan dan juga sektor pembuatan dari dulu supaya kedua sektor ini dapatkekalkan sumbangan mereka kepada KDNK dan juga peluang pekerjaan. Sehubungan dengan itu, saya amat mengalu-alukan usaha kerajaan menyemarakkan semula industri pelancongan domestik dengan menyalurkan subsidi baucar pelancongan yang berjumlah RM 2 Juta serta meluluskan inisiatif khas kepada pemandu pelancong, pengusaha *homestay* dan hos komuniti yang berjumlah RM600,000.00. Dan ini saya juga ingin menarik perhatian Kerajaan dengan idea pelancongan perindustrian yang saya yakin sangat berpotensi untuk menyumbang sedikit sebanyak demi menggiatkan semula ekonomi negeri.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Pelancongan perindustrian atau pun dipanggil *industrial tourism* dengan izin merupakan satu gabungan di antara sektor perkhidmatan kerana melibatkan pelancongan dan juga sektor pembuatan kerana melibatkan perindustrian. Boleh dikatakan bahawa pelancongan perindustrian adalah gabungan 2 sektor yang paling utama di Selangor. Walau bagaimanapun, idea ini masih baru di Malaysia mahupun di Asia Tenggara. Mungkin adanya kilang-kilang yang bersedia dilawat oleh pelancong tetapi usaha-usaha ini hanya dilakukan secara individu kilang-kilang berkenaan dan tanpa bantuan atau pun inisiatif daripada pihak kerajaan.

Konsep pelancongan perindustrian adalah untuk menambah baik kilang yang hanya menjalankan aktiviti pembuatan kepada satu kilang yang mempunyai kawasan pameran bengkel kraf tangan dan juga membenarkan pelancong melawat ke kilang tersebut. Mendengar penerangan sejarah dan teknologi kilang dan memahami produk yang dihasilkan dan melibatkan diri dalam bengkel-bengkel yang berkenaan tentang produk. Selepas itu membeli produk tempatan yang berkualiti dengan lebih yakin setelah lawatan mereka kepada kilang berkenaan.

Pelancongan perindustrian bukan satu matematik yang berformula $1 + 1$ sama dengan 2 . Tetapi merupakan satu $1 + 1$ sama dengan 3 , keempat pun bolehlah. Dengan gabungan sektor pelancongan dan perindustrian, para pelancong sebenarnya mempunyai lebih banyak dedahan kepada produk-produk yang dihasilkan oleh kilang-kilang bertempatan. Tidak kiranya dari aspek teknologi pembuatan, bahan mentah yang digunakan atau pun konsep niaga kilang. Hal ini secara tidak langsung akan mendidik para pelancong tentang keistimewaan setiap produk. Bertapa susahnya ia dihasilkan dan ia harus dihargai oleh pengguna. Pendidikan sebegini adalah amat penting terutamanya kepada anak-anak murid kita.

Balakong merupakan satu DUN yang satu per tiga yang kawasannya diliputi oleh kawasan perindustrian. Dan kebanyakan daripada industri-industri ini adalah kilang-kilang yang mengeluarkan produk akhir atau pun dengan izin *end product* seperti makanan, perabot, syampu, kertas, lampu LED dan sebagainya. Industri-industri ringan dan sederhana ini amat bersesuaian dengan pelaksanaan Projek Pelancongan Perindustrian. Oleh sebab ini, saya amat berharap Balakong dapat dibahagikan sebahagian bajet daripada Pakej Rangsangan Ekonomi yang dibentangkan kali ini demi menjayakan Projek Pelancongan Perindustrian di Balakong ini. Saya amat yakin sekiranya Projek Pelancongan Perindustrian di Balakong berjaya, kita dapat menyumbang lebih banyak daripada bajet yang dilaburkan dan kesemuanya manfaat ini akan dinikmati oleh bukan sahaja pihak kerajaan tetapi juga seluruh rakyat Selangor.

Kedua, saya ingin menyentuh tentang Rumah Selangorku Harapan dan Rumah Idaman. Saya amat mengalu-alukan keputusan kerajaan dengan memperuntukkan RM 600,000.00 untuk menangguhkan bayaran dan penstrukturkan semula Skim Smart Sewa yang dimanfaatkan kepada 2,700 orang peserta di bawah Pakej Selangor

14 JULAI 2020 (SELASA)

Prihatin 2.0 demi mengurangkan beban rakyat yang sekarang hidup di pasca COVID-19 ini.

Bukan sahaja begitu usaha kerajaan memperkenalkan insentif galakan pembinaan Rumah Selangorku yang mendorong pemaju membina Rumah Selangorku Harapan yang berkeluasan minimum 1,000 kaki persegi pada harga jualan tidak melebihi RM 250,000.00 seunit, tiba-tiba hendak cakap juta pula. Siap dilengkapi dengan kelengkapan asas merupakan satu usaha yang sangat prihatin kepada rakyat. Skim Smart Sewa kemudian beli, yang membenarkan penyewa rumah mendapatkan balik 30% daripada jumlah bayaran sewa yang terkumpul sepanjang tempoh sewaan. Supaya menjadi wang ini sebagai bayaran deposit membeli rumah telah membantu rakyat menabung bayaran deposit rumah mereka dengan cara yang lebih senang. Saya berasa sangat bersyukur atas keputusan kerajaan untuk bukan sahaja menyambung skim ini tetapi mengembangkan lagi bilangan rumah di bawah skim ini demi membenarkan lebih ramai lagi peserta di bawah skim ini.

Walau bagaimanapun, kalau berbanding dengan rakyat yang memang memerlukan bantuan sewa rumah di Selangor, 2,700 orang peserta Skim Smart Sewa sahajalah yang mampu kerajaan membantu kerana mereka yang lain bukan di bawah Skim Smart Sewa yang dianjurkan dan dimiliki atau pun dikuasai oleh kerajaan. Selain itu, terdapat juga unit-unit Rumah Selangorku dan Rumah Mampu Milik yang sedang dibina atau telah siap dibina sekarang, masih tidak dapat di tawar habis kepada penduduk B40 dan M40. Unit-unit tidak dapat menukar status mereka kepada Rumah Selangorku Harapan kerana keluasan unit-unit ini adalah kurang daripada 1,000 kaki persegi. Demi menambahkan unit Rumah Selangorku Harapan dalam masa yang singkat untuk memberi manfaat segera kepada rakyat Selangor terutamanya golongan B40 dan M40, saya mengesyorkan bahawa kerajaan memberi penimbangan untuk membenarkan unit-unit Rumah Selangorku dan Rumah Mampu Milik yang telah siap dibina atau pun sedang dibina mendapatkan peluang untuk menyertai projek Rumah Selangorku Harapan dan projek Rumah Idaman.

Dengan ini saya hendak pantun sedikit. Ya, ini saya tulis sendiri ya, dalam umur 30 lebih ini, pantun pertama (Ketawa).

*Masuk premis kena periksa suhu,
Pergi mana-mana sila tinggalkan nama,
Asalkan kerajaan dan rakyat berganding bahu,
Pasca COVID kita hadapi bersama.*

Tak ada, itu sahaja (Ketawa), nanti siapa yang boleh sambung, bolehlah dipersilakan, mengalu-alukan. Saya amat berharap cadangan-cadangan saya dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini dan dengan ini saya mohon menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bagi lelaki pula. Sijangkang.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatoh. Terima kasih Tuan Speaker dan Salam Sejahtera. Jadi *Alhamdulillah* terutamanya beri ruang kepada saya untuk turut berbahas usul Pakej Rangsangan Selangor Prihatin dan Pelan Pemulihan Ekonomi Negeri Selangor yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semalam. Jadi *Alhamdulillah* terutamanya saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di atas pembentangan semalam cuma saya mengambil kesempatan yang mungkin tidaklah terlalu banyak perkara-perkara yang saya hendak sebutkan. Sekadar pandangan dan teguran dan juga cadangan yang mungkin boleh juga dipertimbangkan. Saya kira semua sedia maklum bahawa pandemik COVID-19 ini telah memberikan kesan yang cukup besar dan bukan sahaja kepada negara kita bahkan di seluruh dunia. Dan ini adalah pengalaman kita yang pertama. Sudah tentu kita menghadapi dengan mungkin kepelbagaian corak untuk kita menyelesaikan. Apa pun saya hendak sebutkan bahawa Pakej Rangsangan Ekonomi Yang Ketiga RM 55.85 Bilion bagi menyemarakkan kebingkasan rakyat memacu kesejahteraan ini adalah satu benda yang sangat penting. Dan saya kira kredit atau pun pengiktirafan ini harus kita beri kepada semua pihak. Daripada rakyat Negeri Selangor, *frontliner*, begitu jugalah dengan kerajaan-kerajaan yang mentadbir atau pun yang memerintah sama ada Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Pusat. Dan Kerajaan Pusat itu tak kiralah Kerajaan PH ke Kerajaan PN ke yang memainkan peranannya yang cukup besar. Kerana saya cukup terasa, yalah saya cukup terasa apabila semalam Banting menyebutkan seolah-olah tidak ada pengiktirafan kepada Kerajaan PN pada hari ini. Bahkan beliau menyebutkan bahawa kredit kita berikan kepada *frontliner* dan juga rakyat di Negeri Selangor kerana akur kepada perintah, kita akur, makna akur kepada yang membuat dasar iaitu Kerajaan yang ada pada hari ini.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira kredit ini kita berikan kepada kerajaan terutamanya juga kepada penjawat awam terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia yang memainkan peranan yang cukup besar. Tidak dilupakan dengan *frontliner* dan juga rakyat.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Boleh mencelah sedikit. Ok hendak bertanya sedikitlah?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sijangkang, benarkan atau tidak? Sijangkang benarkan atau tidak.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : 15 minit juga lagi kan. Saya ingat masa yang agak terhad, kemudianlah. Nanti dalam perbahasanlah.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Sikit sahaja saya hendak bertanya.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Jadi saya melihat bahawa ada beberapa perkara yang saya hendak sentuh berkaitan dengan apa ini, Pakej Rangsangan ini terutamanya ialah saya ucapkan tahniah juga kepada Kerajaan Negeri apabila membentuk Jawatankuasa Khas COVID-19 atau pun Pasukan Petugas-petugas COVID-19 ini yang telah membuka Bilik Gerakan, kemudian memperkemaskan sinergi dengan agensi Kerajaan Pusat. Pelarasan pelaksanaan PKP dan juga wujudnya SElangkah. Tetapi seperti mana yang disebutkan tadi yang SElangkah ini pun saya nak sentuh juga, apakah agenda kerajaan, kita tahu maklumat-maklumat yang akan dikongsi bukan oleh kerajaan tetapi diberikan kepada satu agensi yang bukan kerajaan sifatnya.

Tapi kita semua khuatir rakyat khuatir, apa jaminan Kerajaan data-data yang diambil ini walau bukan hanya sekadar nama, nombor telefon, tempat tinggal, ianya kita khuatir boleh disalah gunakan walaupun ada jaminan daripada pihak yang diberikan amanat itu akan melupuskan selepas habis selesainya PKP ini. Dan saya juga nak dapat maklumat daripada Kerajaan Negeri berapakah jumlah peruntukan untuk operasi membentuk jawatankuasa ini dan juga pasukan ini untuk bertugas dan saya mengharapkan juga supaya jawatankuasa ini bukan hanya menyelaras apa yang dirancang oleh Kerajaan Pusat dan juga membincangkan juga soal-soal penambahbaikannya tetapi ada tumpuan penerangan kepada rakyat ataupun pekerja-pekerja asing ataupun golongan PATI yang kita tak tahu jumlahnya sebagai yang mencari nafkah di bumi negeri Selangor ini. Sebagai satu langkah mungkin inisiatif untuk melihat, ini juga perlu diambil berat dalam wabak COVID-19 kerana berlaku apabila kita berada masih dalam PKP, ada golongan pekerja-pekerja daripada luar yang membuat seolah satu pesta yang agak besar yang kita khuatir walaupun menjadi satu larangan dan kemudian wujud satu kluster pekerja kontraktor ataupun pekerja asing yang saya kira ini juga akan memberikan kesan. Sebab tu saya melihat bahawa jawatankuasa ini boleh digunakan untuk memberikan penerangan atau memperkuatkannya lagi bagaimana norma-norma baru ini harus bukan sahaja ikuti oleh rakyat di negeri Selangor tetapi juga pekerja-pekerja asing dan juga melibatkan juga PATI.

Jadi yang Yang Berhormat sekalian saya juga ingin menyentuh dengan perkara yang berkaitan dengan jaminan bekalan makanan. Alhamdulillahlah ini menjadi satu inisiatif daripada Kerajaan Negeri yang cukup besar kalau tadi Templer pun menyebutkan bahawa kalau boleh ada tanah-tanah Kerajaan boleh dibangunkan. Saya kira inisiatif yang telah disebutkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam kita tunggu sahaja. Dah disebut tanah-tanah terbiar yang bukan tanah pertanian tapi akan diberikan dilihat bagaimana ia boleh dijadikan sebagai tempat pertanian. Saya mengharapkan Kerajaan Negeri dalam menguruskan pembangunan ini supaya ianya di setiap daerah ini juga akan dilihat pembangunan bukan sahaja yang berbentuk infrastruktur tetapi pembangunan yang juga bersifat pembangunan keperluan pertanian sebagai contoh ataupun penternakan yang melibatkan jaminan bekalan makanan ataupun hutan kita mengharapkan setiap daripada daerah kita ada

14 JULAI 2020 (SELASA)

komposisi-komposisi seperti ini, hutan yang saya kira kalau yang cukup saya pada saya hutan utara Kuala Langat yang dulunya 7 ribu hektar sekarang tak sampai 1 ribu hektar dan ini diakui oleh Y.B. yang menjaga Alam Sekitar, kebakaran yang berpunca daripada peneroka-penerokaan yang melibatkan juga warga asing untuk bercucuk tanam dan saya kira sepatutnya Kerajaan juga sudah melihat mula melihat kalau alasannya adalah bercucuk tanam adakah cukup tanah TKPM, TPKM itu mencukupi ataupun tanah tadi, tanah Kerajaan yang dibangunkan untuk ditawarkan kepada petani-petani kita kalau isunya adalah melibatkan pekerja-pekerja asing, kenapa tidak diambil tindakan pekerja-pekerja asing ini. Mungkin sebahagian adalah PATI, sebab itu saya merasa ini satu perkara yang sangat penting supaya jaminan makanan di setiap daerah itu akan memberikan kebaikan kepada kita dalam menjana keperluan-keperluan sistem pemakanan di negara kita. Jadi saya melihat juga di sini saya juga nak mengambil suatu menyebutkan bahawa saya nak beri kredit kepada pertubuhan peladang kawasan Kuala Langat terutamanya, bagaimana mereka mewujudkan satu sistem ataupun ekosistem pemasaran pertanian dalam bentuk talian yang mana mereka ada APP sendiri. Secara khususnya selain daripada beberapa jenis keperluan pemakanan khususnya cili, yang mana dia ada APP dia boleh tahu sekarang ini dia pusat pengumpulan daripada Kelantan, daripada Johor. 7 tan setiap 3 hari seminggu akan dihantar oleh Kelantan, oleh Johor, dia boleh tahu dengan ada APP ladang ini ada berapa hasil yang akan sampai kepada mereka, bila akan sampai kepada mereka dan pengagihannya kepada mana, kepada pasar raya besar, kepada Nestle dan sebagaimana. Ada APP yang cukup lengkap yang akhirnya memberi satu pulangan yang baik kepada petani-petani dan sistem ini telah dapat memberikan satu ekosistem yang sangat baik yang saya kira ini juga yang difikirkan oleh Kerajaan Negeri.

Jadi yang keduanya berkaitan dengan pembangunan harta tanah ini. Saya nak sebutkan dari dulu kita ada jenis rumah Selangorku A, B, C, D dan hari ini E, Rumah Idaman, Rumah Selangorku Harapan, jadi saya mengharapkan wujudnya rumah-rumah ini adalah untuk membantu kepada golongan-golongan B12, eh B20 eh B40 sebagai contoh yang tidak mampu untuk membeli rumah yang agak lumayan, jadi saya mengharap kalaularah pembangunan rumah-rumah ini mungkin boleh difikirkan. Hari ini kita dimaklumkan rumah-rumah ini siap dengan kelengkapan, asas rumah yang saya kira secara tidak langsungnya ia akan memberikan nilai yang lebih tinggi rumah itu sendiri dan saya mengharapkan mungkin kalau dapat ditiadakan kelengkapan rumah ini, menyebabkan rumah lebih agak rendah. Mungkin tidak banyak seribu dua ribu lima ribu tetapi bagi pembeli-pembeli yang kurang kemampuan benda yang sangat besar. Satu perkara lagi kalau ini tidak diadakan bermakna kita boleh membantu usahawan-usahawan perabot di kawasan-kawasan kita dan memberikan peluang pembeli-pembeli ini mengikut keperluan atau kemampuan mereka untuk membeli peralatan-peralatan yang diperlukan oleh mereka sebagai peralatan asas.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan pembangunan perumahan di kawasan kampung-kampung ini. Kita tahu lot-lot kecil yang dibangunkan yang akhirnya kita

14 JULAI 2020 (SELASA)

sedia maklum dia akan memberikan atau memberikan kesan kepada rumah-rumah kampung ini. Terjejas bila dia buat rumah, tambak akhirnya rumah sebelah banjir dan secara khususnya di kawasan saya, kawasan saya di Jalan Kubur, Teluk Mengkuang hari ini isunya berlarutan setiap kali hujan mereka akan berdepan dengan banjir dan ini saya minta Kerajaan Negeri untuk lihat secara khususnya penyelesaian yang tuntas daripada segi sistem perparitan.

Selain daripada ini, saya juga menyebutkan berkaitan dengan kemampuan pengurusan terimaan hasil. Saya nak sebutkan di sini Pejabat Daerah Kuala Langat. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat sudah 3 tahun sengaja saya datang untuk membayar cukai tanah, saya masih lagi menghadapi sehingga pada tahun ini pun, sistem nombornya masih tidak boleh lagi digunakan dan agak kecewa juga kalau dulunya kita boleh membayar dengan aplikasi yang ada kita bayar tanah di luar daripada kawasan Kuala Langat contohnya. Kita boleh bayar, tapi hari ini aplikasi itu juga saya dimaklumkan tidak boleh tidak dapat digunakan. Dan saya kira ia sangat penting kerana dalam pengurusan terima hasil ini, cukai tanah ini adalah sangat penting kepada Kerajaan Negeri.

Perkara yang lain saya ingin sentuh adalah berkaitan pengupayaan pembangunan pengupayaan saya tak nafikan peluang pekerja perlu pelaburan perlu di negeri Selangor ini untuk kesejahteraan rakyat kita. Tapi pelaburan itu harus melihat, ekosistem akhirnya, pencemaran Alam Sekitar akhirnya yang harus dilihat secara yang lebih tuntas lagi, kerana saya dapat sebagai contoh di Kuala Langat pada hari ini sudah ada 2 kilang kertas *recycle* akan wujud satu lagi kertas *recycle*. Dahulunya kita ada Genting Sanyen, Paper Mill, kemudian kita ada Masanity hari ini kita akan Jingxing Holding Sdn. Bhd. yang sekarang ini pada peringkat EIA yang saya dimaklumkan. Saya mengharapkan supaya keputusan ini akan dilihat dengan sebaik mungkin kerana kita mahu berlaku pembangunan industri ini walaupun memberikan peluang pekerjaan tetapi dari sudut alam sekitarnya, kerana saya melihat keperluan bahan pembakarannya kerana saya lihat daripada sudut pencemaran dioksin mungkin kerana saya lihat juga daripada laporan EIA menyebutkan bahawa dijangkakan dioksin sebagai contoh adalah terlalu minimum kesan juga kepada pencemaran terlalu minimum jadi saya ingat tanggungjawab kita begitu juga kadar kandungan logam berat terlalu minimum, saya rasanya ada sesuatu kuantiti-kuantiti yang boleh kita lihat justifikasi untuk kesan daripada pembangunan itu kepada Alam Sekitar, jadi dekat dengan perumahan kawasan ataupun apartmen Timbalan Speaker yang lebih tinggi akan sedut udara hasil daripada kilang ini harus dilihat semula, begitu juga air menggunakan yang begitu besar jumlahnya daripada Sungai, Sungai Langat yang akhirnya sebahagianya dialihkan semula, kita khuatir kerana ada ulasan daripada pakar-pakar alam sekitar akan berlaku juga mengganggu ekosistem penternakan udang, ikan sangkar dan sebagainya. Ini harus dilihat kerana kita tidak mahu pembangunan masuk, tetapi akhirnya daripada sudut alam sekitar kita, kita akan terkesan.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Kemudian saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan inisiatif digital asasi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sijangkang benarkan?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya ingin kita boleh dengar penggulungan daripada pihak Kerajaan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya mohon minta penjelasan kalau diberi laluan saya mungkin akan tanya satu soalan teknikal sahaja. Terima kasih kepada Sijangkang. Saya ingin bertanya dalam mana-mana permohonan pembangunan termasuk kilang-kilang itu khususnya permohonan yang melibatkan pembinaan kilang yang cukup besar, melibatkan *amount* yang cukup besar menyentuh alam sekitar. Jabatan Alam Sekitar mempunyai satu peranan yang cukup penting untuk menyaring permohonan ini khususnya laporan EIA, setuju dengan saya bahawa adakah benar selama ini Jabatan Alam Sekitar tidak memberi satu makluman yang kukuh ataupun yang jelas sama ada mereka menyokong atau tidak. Bukankah benar selama ini apa yang dibekalkan kepada Majlis ialah ambil maklum sahaja, setakat kita maklum sahaja, itu tidak begitu meyakinkan bagi kerajaan untuk mempertimbangkan menerima atau tidak terima dan saya rasa bukankah itu satu perkara yang patut dilihat dan ditambah baik oleh pihak Alam Sekitar. Saya mohon pertanyaan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya kira bersetuju dan minta itu sebahagian daripada ucapan perbahasan saya. Saya cukup khuatir kalau ialah mungkin boleh ditambah baik bila ulasan alam sekitar kita mana-mana pihak biar memberikan kelulusan. Bila beri kelulusan diluluskan dengan syarat-syarat ini. Mungkin kita boleh ubah sedikit, tidak diluluskan lagi tidak mematuhi syarat-syarat ini. Itu saya ingin lebih memberi penekanan atau lebih mungkin hampir sama ayat dia, tetapi penekanan cukup berbeza. Macam kilang ini saya cukup khuatir kalau dikatakan pencemaran-pencemaran yang mungkin akan berlaku komen-komen dari pakar-pakar alam sekitar tetapi sebagai contoh, pemantauan dari segi laporan dioksinya, dioksin hanya dibuat setahun sekali. Bagaimana kita nak pantau dengan sebaik mungkin kalau berlaku pencemaran. Sebagai contoh.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat satu penyelesaian sebelum kesilapan yang lebih besar dibuat oleh Yang Berhormat. Dalam pembuatan kertas ini tidak ada isu dioksin. Dioksin akan wujud bila ada pembakaran sampah kalau *waste to energy* adalah isu dioksin, dalam pembuatan kertas itu tidak ada isu dioksin. Jadi

14 JULAI 2020 (SELASA)

jangan silap, jangan takut dengan istilah *recycle*. Saya berharap Yang Berhormat dapat penyelesaian sebelum menyampaikan apa-apa dalam dewan ini.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih. Bandar Baru Klang sebab saya dimaklumkan, kilang ini industri ini melibatkan juga ada loji sisa pepejal hasil daripada prosesnya akan *nut scarp* yang akan digunakan semula untuk pembakaran, begitu juga penggunaan *recycle plastic* jumlahnya 34 dan 36 peratus. Makna ada proses pembakaran plastik berlaku di situ. Makna akan ada dioksin, dan ada laporan yang mengatakan kalau tidak kenapa perlu ditarukkan laporan bahawa dijangkakan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat laporan dari mana, laporan dari mana. Jangan kata laporan kalau nak *quote* laporan beritahu. Yang Berhormat juga seorang doktor, kalau kita nak *quote* laporan pakar ni mesti tahu. Saya *quotational* jangan kata laporan mengelirukan rakyat, supaya kita boleh semak kalau tidak laporan beribu. Setiap hari beribu laporan, beritahu laporan mana. Jangan cakap laporan sahaj itu tidak adil. Macam mana pegawai saya boleh semak laporan yang mana. Beritahu kita akan jawab.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Ok kalau, itu terpulang kepada Kerajaan Negeri sama ada nak jawab ataupun tidak. Saya hanya menyampaikan sahaja. Ok perkara seterusnya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Jawapan, kalau nak jawapan dariapada Kerajaan, nak jawapan tepat, bagitahu laporan mana, supaya kita boleh jawab. Jangan cakap laporan, laporan, laporan, tapi tak ditunjukkan laporan yang mana. Siapa yang buat laporan. Itu yang saya minta Yang Berhormat juga Exco sebelum ini tahu, kita nak semak, nak semak kena ada maklumat, kalau maklumat kita bekalkan, macam mana kita nak semak dan memberikan jawapan yang memuaskan.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Ok, terima kasih. Saya terus kepada isi yang lain yang saya sebutkan adalah berkaitan Inisiatif Digitalisasi. Kemudahan internet, Smart Wifi Selangor dan ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sijangkang, sila ringkaskan.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Baik, saya mengharapkan hari ini *trend*, gig ekonomi, RiDE dan juga *e-hailing*. Kalau dulu di satu juta di naikkan kepada dua juta pada harini, saya mengharapkan supaya ini bukan hanya sekadar subsidi sahaja. Saya kira anak muda kita yang nak amik lesen ini, dia pun tak ada kemampuan sebagainya dan sebab pengalaman saya semasa PKP ini, ada anak muda datang, dia nak pergi tapi tak ada duit pun nak buat lesen, tapi masa itu pun tak boleh nak buat lesen. Saya harapkan ini diberikan satu, penyelesaian yang agak

14 JULAI 2020 (SELASA)

menyeluruh supaya ramai anak-anak muda kita yang akan ada peluang pekerjaan dan satu lagi, berkaitan dengan tadi, RiDE tadi, *e-hailing*.

Semasa PKP ia menjadi satu pengajaran norma baharu, ramai anak-anak muda kita mula terlibat dalam *e-hailing*, tetapi selesai hampir PKPP ini, mereka mula hilang pekerjaan. Kalau boleh ada sistem yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri, boleh melibatkan mereka semula, melalui satu syarikat yang baru mungkin, supaya peluang-peluang pekerjaan ini akan dapat dijana oleh mereka.

Untuk akhirnya, *e-wallet* saya nak tanya kepada Kerajaan Negeri. Bagaimana perancangan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan *e-wallet*. Sebab pengalaman kita semasa PKP ini, kita memberikan sumbangan kepada rumah ke rumah. Terutamanya, kalau Kawasan saya, Kawasan orang asli, tiga kali fasa kita beri sumbangan melalui jabatan, bakul makanan, bukannya mudah, berat untuk kita usung. Jadi kalau ada *e-wallet* ini, sudah tentulah memudahkan dan juga boleh membantu kawan-kawan kita yang sifatnya usahawan hiliran, ataupun kedai-kedai runcit ini, untuk mereka dapatkan kes sebahagian daripada penyelesaian jangka panjang apabila kita berikan bantuan-bantuan pada mereka. Jadi saya ingat sekadar itu lah yang saya nak sebutkan. Masa pun dah habis, terima kasih Tuan Timbalan Speaker dengan ini saya sokong inisiatif daripada Kerajaan Negeri.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Sabar, Meru, Meru akan dapat peluang nanti. Saya pun dah bangun banyak kali tadi. Saya dapat peluang. Saya ingin bangun untuk menyokong usul yang di bawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya memang menyokong penuh usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu meningkatkan ekonomi Selangor yang terkesan akibat COVID-19.

Saya terus kepada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan. Yang pertama ialah cadangan saya bagi pihak Kerajaan Negeri, saya amat tertarik dengan penekanan Kerajaan Negeri terhadap perubahan iklim. Memang sangat penting kita menggunakan peluang ini, untuk menangani perubahan iklim. Semakin banyak tempat banjir yang sebelum ini tidak banjir akibat perubahan iklim yang melanda dan kepada mereka yang di kawasan yang ada pertanian dan tepi pantai lebih terasa daripada saya di Kawasan bandar tetapi kita semua kena ambil perhatian dan membuat sesuatu yang cukup kuat.

Antara satu cadangan yang saya boleh bagi kepada Kerajaan Negeri ialah mengambil peluang untuk memasang panel solar di atas bumbung-bumbung bangunan Kerajaan

14 JULAI 2020 (SELASA)

Negeri pada masa yang ini. Dengan Skim *Net Energy Metering* oleh Kementerian Tenaga, kita berpeluang bukan sahaja untuk menjana banyak projek dan banyak *economic function* di Kawasan Negeri Selangor. Tetapi kita juga boleh membantu kearah membantu dalam menangani perubahan iklim. Dengan memasang solar secara *solar leasing* di bangunan-bangunan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor tidak perlu mengeluarkan satu sen *Capital Expenditure*, tak payah keluar duit awalan untuk beli, kita hanya memasang daripada pembekal dan kita hanya bil eletrik kepada pembekal.

Hari ini kita bayar bil eletrik kepada TNB, memang cukup banyak, berjuta-juta ringgit di bayar kepada TNB setiap bulan, di keseluruhan semua bangunan di Negeri Selangor. Daripada kita bayar ke TNB, TNB membakar arang batu yang diimport daripada negara lain, mata wang negara mengalir keluar daripada negara, baik kita bayar kepada syarikat tempatan, syarikat Selangor yang membekal kan eletrik melalui panel solar.

Jadi ini akan membangunkan industri tempatan, memberi peluang projek pemasangan kepada syarikat tempatan di Selangor tanpa menjejaskan kewangan daripada Kerajaan Negeri. Kalau kita sepakat nak gunakan wang dana Kerajaan Negeri untuk *stimulate economy*, memang terhad berapa jauh yang kita boleh pergi. Tetapi kalau kita pakai cara macam ini, *private partnership*, kita boleh pergi lebih jauh dan kita boleh *stimulate economy beyond* apa yang mungkin sedia ada pada hari ini. So, ini cadangan pertama saya kepada Kerajaan Negeri.

Cadangan kedua saya kepada Kerajaan Negeri adalah dalam bidang air. Di dalam industri air, kita sering menghadapi isu bekalan air apabila satu loji rawatan air terpaksa ditutup kerana *breakdown* ataupun untuk *maintenance* dan di Negeri Selangor terdapat banyak industri yang bergantung kepada air. Kita ada peluang untuk meningkatkan *reserve margin* kita dengan cara *third party access* dengan izin. *Third party access* bermaksud industri boleh membina loji rawatan air dia sendiri di tepi sungai ataupun di tepi kolam yang mungkin jauh daripada kilangnya, dia boleh pam air terawat kedalam paip Air Selangor dan dia akan ambil keluar air dari kilang dia dan proses ini menggunakan infrastruktur paip sedia ada tetapi loji rawatan adalah loji rawatan dia tersendiri.

Di Malaysia, paip gas yang wujud dia di utara ke selatan sudah ada *third party access* dan untuk eletrik TNB sedang dalam proses untuk membuka *third party access* kepada penjana elektrik. Saya mencadangkan kepada Negeri Selangor untuk membuka laluan paip, kita ada sepanjang 29 ribu kilometer panjang air paip air di Negeri Selangor. Paip air ini dibuka kepada *third party access*. Jadi industri yang sensitif kepada penggunaan air, dia boleh membina loji rawatan air dia sendiri dan menggunakan air ini untuk kilang dia masing-masing.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Dua kebaikan daripada cadangan ini, pertama *stimulate economy* kerana proses pembinaan ini akan merancakkan ekonomi di Negeri Selangor. Yang kedua, kita memang boleh *benefit* daripada peningkatan *reserve margin*. Apabila loji rawatan air baru dibina, keseluruhan *reserve margin* air kita akan naik dan apabila *reserve margin* keseluruhan ini naik, apabila ada apa-apa *shutdown*, loji rawatan air seperti yang akan berlaku tidak lama lagi. *Recovery period* akan lebih pendek kerana sistem, *overall* sistem ini akan ada lebih banyak *production of treated water*.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Yang Berhormat. Soalan saya adalah adakah bajet air itu dapat di manfaatkan dalam keadaan paip-paip lama masih lama yang selalu berlaku kebocoran.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Memang, memang isu paip bocor itu adalah satu isu berbeza yang perlu ditangani dan saya juga ada satu usul di dalam sidang dewan ini untuk membincangkan isu tersebut tetapi walaupun ada paip uzur di Negeri Selangor, isu *third party access* ini masih lagi boleh memanfaatkan sistem secara keseluruhan. Saya rasa perkara ini mungkin boleh dikaji dengan lebih mendalam pihak *executive* yang mempunyai semua *machinery* Kerajaan untuk mengkaji isu ini, tetapi konsep *third party access* ini bukan satu konsep yang baru. Di Malaysia sudah dilaksanakan untuk industri gas dan mungkin boleh di perkembangkan kepada industri air. *This is part of stimulating economy* kita perlu idea baru, kita perlukan idea baru yang tidak membelanjakan dana Kerajaan dan saya kira dua cadangan ini boleh membantu untuk merancakkan ekonomi di Negeri Selangor.

Yang ketiga, berkenaan SELangkah. Tahniah kepada Kerajaan Selangor kerana menjadi pembekal pertama satu QR Code yang diikuti oleh pihak-pihak yang lain. Cuma saya perhatikan, mungkin penggunaan dia boleh ditambah baik. Saya masih perhatikan pelanggan-pelanggan yang masuk kedai dan mereka tidak pakai SELangkah dan saya pun perhatikan ada kedai yang tidak ada QR Code. Mereka mungkin ada QR Code mereka tersendiri, mereka tidak menggunakan SELangkah dan ada yang ada menggunakan MySejahtera, tidak menggunakan SELangkah.

Jadi dua perkara berkenaan SELangkah, pertama, adakah Kerajaan Negeri akan mewajibkan penggunaan SELangkah di semua premis di Negeri Selangor. Adakah ini akan menjadi sebahagian daripada syarat lesen supaya setiap premis bukan sahaja digalakkan tetapi di wajibkan untuk menyediakan QR Code SELangkah di premis masing-masing.

Yang kedua, untuk meningkatkan penggunaan dari orang awam. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri, mungkin lah boleh disediakan satu *lucky draw* untuk pengguna-pengguna SELangkah, mungkin setiap bulan ada seorang atau dua orang tapi Lembah Jaya jangan ambil sekali lagi ya. Bagi peluang kepada orang lain. Untuk memenangi satu *lucky draw*, dan ini secara tidak langsung akan memberi galakkan kepada public untuk menggunakan QR Code ini.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya ada, mohon mencelah sedikit. Saya ada satu soalan untuk Bukit Gasing. Kalau ada *lucky draw* ini, bukan kah ini satu isu di mana data peribadi seseorang yang *register*, daftar dengan SELangkah itu terbuka.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Pasal data terbuka ke tak berterbuka biar executive menjawab tetapi Kerajaan dah pegang data ini. Data ini memang telah direkodkan dan dipegang oleh Kerajaan dan dengan data ini kita boleh buat satu cabutan, mungkin setiap bulan atau setiap minggu, sepuluh orang boleh menang satu hadiah dan ini akan menggalakkan, ini akan menggalakkan *public* untuk menggunakan. *The reason SELangkah diwujudkan adalah kerana kita perlu satu contact transcending mechanisme yang effective.* Supaya dia *effective*, semua orang mesti memakainya.

Tetapi bila sebahagian daripada orang awam tidak memakai nya, *the effectiveness of this application* akan terjejas. Katakan seorang itu yang didapati ada virus ini, tetapi dia tak pakai *all this apps*, tidak dapat di kesan dengan sebaik-baiknya, di mana dia telah pergi. Walaupun ramai lagi rakyat Negeri Selangor yang telah pakai *apps* tersebut, tak dapat dikesan pembawa virus ini ke mana jika dia tidak pakai. So we need to encourage dan saya kira bajet untuk memberi sedikit *lucky draw* setiap minggu atau setiap bulan tidak membebankan kepada Kerajaan Negeri. Yes, Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Bukit Gasing kerana beri laluan. Saya suka cadangan *lucky draw* daripada Yang Berhormat Bukit Gasing. Kita nampak sekarang ini, semakin ramai kedai beralih daripada SELangkah kepada MySejahtera. Apakah pendapat Yang Berhormat Bukit Gasing jika pemilik kedai juga dimasukkan dalam *lucky draw* ini. Sebab saya kira penggunaan SELangkah diantara pengguna cukup tinggi. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Itu yang pada awal hujah saya, saya tanya adakah Kerajaan Negeri akan mewajibkan. *I think for* pemilik kedai tak payah *lucky draw*, kalau nak bagi pun tak apa, tapi saya rasa tak berapa perlu. Yang lebih penting adakah Kerajaan Negeri akan mewajibkan dan satu cara yang kita boleh mewajibkan melalui syarat lesen kepada perniaga. Kita telah pun membuat rujukan banyak perkara sebelum ini seperti bag plastik kena caj 0.20 sen. Jadi perkara ini boleh diwajibkan jika Kerajaan Negeri memilih untuk membuat demikian.

Moving on, saya ada sedikit soalan berkenaan isu Rumah Selangorku Harapan. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri, apakah masa depan untuk Rumah Selangorku Type A. Kerana apa yang saya faham daripada ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, pemaju boleh *convert* projek Rumah Selangorku Type A,B,C dan D kepada Rumah Selangorku Harapan dan apakah masa depan untuk

14 JULAI 2020 (SELASA)

Rumah RM 42,000 ini. Saya rasa masih terdapat cukup ramai penduduk di Negeri Selangor yang perlu Rumah RM 42,000 ini, Rumah Selangorku Type A dan saya harap pemaju yang sebelum ini diwajibkan untuk membina Rumah Selangorku Type A ini, dikekalkan untuk membina Type A.

Mungkin Rumah Type D, boleh ditukar kepada Rumah Selangorku Harapan tetapi yang Type A itu, kita kekal kan sebabkan Type A, kerana keperluan dia masih ada dan kita juga tahu melalui makluman yang diberi kepada Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan bahawa terdapat *queue* yang panjang, bilangan pemohon yang masih belum dapat peluang untuk membeli Rumah Selangorku Type A ini.

Akhir sekali, kepada *Food Independence*, seperti yang disebutkan dalam ucapan Yang Amat Berhormat, data yang diberikan semasa ucapan adalah lebih kepada keluasan tanah yang akan dibangunkan untuk *Food Independence*. Tapi saya ingin bertanyakan, apakah sasaran pengeluaran yang di target oleh Kerajaan Negeri, mungkin boleh beri angka dalam bentuk GDP. Berapa banyak pertumbuhan GDP yang dijangka akan dapat daripada menceburi bidang pertanian secara luas, yang seperti yang disebutkan. Ada yang cakap, di belakang saya, minima sahaja. Saya harap tidak secara minima, dikembangkan produk pertanian dan industri pertanian ini secara serius.

Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri, adakah kita sedia untuk mengkaji, menimbang satu sistem di mana kita boleh *guarantee* harga jualan kepada petani-petani kecil. Petani-petani kecil mungkin akan wujud, jika mereka diberi satu *guarantee* kepada harga tanaman mereka. Kerana dengan harga pasaran yang naik turun, naik turun. Banyak tanah kampung bila saya ke Sabak Bernam, ke Sepang. Saya lihat banyak tanah terbiar, tidak diuruskan, tidak diceburi. Mungkin mereka rasa risiko terlalu besar, untuk memulakan pertanian, banyak tenaga kerja yang diperlukan, banyak modal diperlukan, baja dan sebagainya. Jadi adakah sebagai kerajaan, mungkin kita boleh menimbang untuk '*to be the market maker*', untuk memberi satu *guaranty price*, *minimum guaranty price*, supaya petani lebih berani untuk menceburi. Dan yang kedua, ramai telah hilang pekerjaan mereka, kita dah tahu kadar pengangguran agak tinggi. Ramai industri seperti *tourism* dan *entertainment* terjejas sekarang. Kepada mereka yang mungkin nak *consider* industri pertanian, saya harap Kerajaan Negeri Selangor boleh memberi peluang kelas. Macam mana nak mulakan industri pertanian. Asas-asas untuk memulakan satu bisnes, menceburi industri pertanian. So, *this my cadangan, dan my soalan, dan akhir sekali saya menyokong usaha-usaha kerajaan negeri, syabas dan sekian terima kasih.*

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Di sini saya mengucapkan terima kasih atas kesempatan yang diberikan untuk sama menyertai perbahasan untuk menyokong

14 JULAI 2020 (SELASA)

Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada semalam. Dan di sini apabila kita menyentuh berkaitan dengan isu COVID. Dan kesannya yang kita lihat, perkara yang pokok dan perkara paling terkesan bagi kita dan seluruh rakyat, khususnya di seluruh Selangor, berkaitan dengan isu ekonomi. Dan juga berkaitan sara hidup serta berkaitan dengan keselesaan penduduk itu sendiri. Yang mana kita lihat pada ketika ini, ramai di kalangan warga kita khususnya di Selangor, yang bukan sahaja kehilangan pekerjaan, tetapi mereka yang bekerja pun, ada di kalangan mereka dipotong gajinya, yang serba sedikit telah menjelaskan kehidupan dan taraf hidup mereka, yang mereka sedia ada tanggungan. Dan yang lebih malang lagi, lebih terkesan adalah mereka yang hilang pekerjaan ini. Walaupun kerajaan negeri telah menyediakan perbagai inisiatif untuk membantu, tetapi kita lihat inisiatif-inisiatif ini, sekiranya tidak dipantau ataupun tidak diberikan pengkhususan ataupun kepada sasaran yang sebenar, ia akan menjadi, apa nama ni, perancangan yang cantik sahaja di atas kertas tetapi gagal dilaksanakan ataupun dinikmati oleh rakyat secara keseluruhannya.

Saya cukup bimbang apabila kita melihat laporan perangkaan Malaysia, yang terbaru, yang dikeluarkan baru-baru ini yang menunjukkan bahawa isi rumah yang tergolong dalam kategori miskin bertambah kepada 5,411, berbanding hanya 16,653 kadar sebelum ini. Menurut laporan jabatan perangkaan itu juga menunjukkan had pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang baru adalah sebanyak RM 2,208.00 berbanding RM 980.00 yang telah digunakan sejak tahun 2005 lagi. Bilangan isi rumah, bilangan isi rumah miskin tegar, berdasarkan garis kemiskinan baru ini pula bertambah, menjadi sejumlah 27,158 pada tahun 2019, berbanding 1,752. Mengikut had yang lama.

Angka dan data yang didedahkan oleh Jabatan Perangkaan ini, menunjukkan rakyat masih ramai yang berada dalam kategori miskin khususnya di Selangor, sebab di negeri kita penduduk yang paling ramai dan juga yang paling terkesan. Manakala dengan data yang sama juga menunjukkan bilangan miskin tegar terus meningkat. Saya percaya bilangan rakyat miskin berdasarkan angka dan data di atas, semakin meningkat selepas PKP. Yang mana kita lihat, seperti mana yang saya sebutkan tadi, ramai yang hilang pekerjaan, ramai yang dipotong gajinya. Dan ada juga di kalangan mereka, peluang-peluang perniagaan, ataupun pekerjaan mereka telah diambil alih oleh warga asing. Yang mana kita lihat sepanjang Mac dan Ogos, yang dijangkakan sepanjang PKP ini, kita lihat rakyat kitalah yang paling terkesan. Yang mana kita hanya di sini sahaja peluang yang kita ada. Dan lebih ramai, mereka yang hilang pekerjaan ini, akan terkesan ekonominya, terkesan emosinya, yang kita bimbangi akan menimbulkan masalah yang baru berkaitan dengan jenayah dan sebagainya.

Meskipun dikatakan gaji pekerja yang bertaraf siswazah meningkat dari tahun 2017 ke 2018 sebanyak 6.6 peratus sehingga 7 peratus. Namun kenaikan itu tidak mencerminkan kesenangan yang dinikmati oleh majoriti pekerja. Ini disebabkan

14 JULAI 2020 (SELASA)

kerana apa, kerana walaupun gaji naik, tetapi kita lihat bagaimana harga barang pun terus naik. Betapa ramai pekerja yang masih bergelut dengan kesusahan. Lebih lagi dengan tanggung keluarga yang ramai. Data dari Jabatan Perangkaan dari tahun 2018 menunjukkan purata gaji pekerja di bandar, adalah sebanyak RM 3,274.00, manakala di luar bandar sebanyak RM 2,083.00. Purata bagi pekerja yang tiada penduduk rasmi sebanyak RM 1,481.00. Sementara siswazah menerima purata gaji sebanyak RM 4,553.00. Angka-angka ini tidak terlalu jauh berbeza dan boleh dikatakan lebih ramai berada dalam keadaan garis kemiskinan. Jika mengikut tanggungan setiap keluarga. Kalau kita lihat kebanyakan masyarakat kita khususnya orang Melayu kita ni ramai yang subur-subur. Ramai anak. Umum mengetahui rakyat lebih menderita ketika negara berhadapan dengan COVID-19. Ekonomi negara kita dijangka berkembang lebih perlahan. Itu antara 0.4 peratus hingga 2.5 peratus pada tahun ini. Dengan potensi mengalami penguncutan pertumbuhan atau kemelesetan pada separuh pertama. Tabungan kewangan antarabangsa IMF mengunjurkan pandemik COVID-19 mencetuskan kemelesetan ekonomi global, pada tahun 2020. Dan kita di negeri Selangor lah antara yang akan menerima kesannya yang paling buruk. Kebanyakan penganalisis tempatan dan luar negara menjangkakan keluaran dalam negara kasar (KDNK) akan berkembang lebih perlahan, berbanding unjuran kerajaan sekitar 3.6 peratus hingga 4.0 peratus.

Dan sudah pasti juga memberi kesan yang besar kepada negeri kita. Kadar pengangguran pula melonjak kepada 5.0% berdasarkan kepada jabatan, laporan Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengangguran meningkat 48%, berbanding tahun sebelumnya kepada 778,800 orang. Penutupan operasi bagi sebahagian besar perniagaan, semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) telah memberikan kesan kepada kehilangan pekerjaan. Dan menyebabkan pencari kerja merasakan sukar untuk mencari pekerjaan. Dan saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri, walaupun dalam keadaan begini, kita terus berusaha. Contohnya yang disebutkan oleh EXCO Belia tadi berkaitan *Job Fair* dan sebagainya, untuk kita memastikan mereka yang terkesan ini, dapat juga kita bantu seadanya.

Jumlah pengangguran yang direkodkan itu sebanyak 778,800 orang, adalah yang paling tinggi dalam tempoh 34 tahun. Jika dilihat pada data di atas, kedudukan rakyat di Malaysia pada tahap yang cukup bahaya. Di saat rakyat negara kita berada dalam jurang kemiskinan, kerajaan khususnya kerajaan Perikatan Nasional tidak serius menangani permasalahan ekonomi rakyat. Gaji atau pendapatan bulanan rakyat tidak naik secara mendadak di saat harga barang konsisten naik. Dan kita lihat harga barang, ayam khususnya pun mereka gagal nak jaga. Minyak naik tiap minggu.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Meru, mohon penjelasan.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Saya tak bagi. Duduk. Tadi Sijangkang tak bagi, saya pun tak bagi. Duduk,duduk. Kira macam itu, sebab sama rakan, secium semalam ya. (Ketawa). Sudah pasti apabila kita lihat, kos barang

14 JULAI 2020 (SELASA)

yang meningkat ini, rakyat yang paling terkesan. Dan yang mengejutkan, bil elektrik pula melambung tinggi. Yang mana kita lihat perkara ini, luar jangka, pemikiran kita. Saya cukup menyokong dan juga mengesyorkan supaya mengambil perhatian yang serius apa yang telah dicadangkan oleh Bukit Gasing tadi. Mungkin juga kita boleh cadangkan, bukan hanya kepada jabatan kerajaan, tetapi juga mungkin kita, kalau adalah peruntukan yang membenarkan untuk rakyat di negeri Selangor, juga boleh menggunakan sistem solar, untuk kita menghapuskan monopoli oleh TNB itu sendiri. Sebab-sebab monopoli itulah yang menyebabkan mereka boleh meletak harga ikut suka hati mereka. Ironi-nya..

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Boleh mencelah, Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Masa nak habis ni, nanti, nanti.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Kawan pun tak bagi ke, macam ini. Tak patut betul la.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Ironi-nya, kerajaan Perikatan Nasional, boleh berbelanja mewah sesama mereka. Dan sibuk berpolitik bagi mengekalkan kuasa. Perdana Menteri dengan rakus melantik 32 orang Menteri iaitu 38 Timbalan Menteri. 7 Kementerian mempunyai 2 Timbalan Menteri. Ini sangat berbeza dengan Kerajaan Pakatan Harapan. Yang hanya 27 Menteri dan 26 Timbalan Menteri. Mana Tan Sri Muhyuddin Yassin.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Selangor, EXCO pun tak boleh lantik lagi.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Tak lantik EXCO tapi perjalanan kerajaan tetap mantap. Tak ada masalah.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Semua MB tanggung semua.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Sebenarnya bagus, sebab kita dapat jimatkan duit kerajaan. Tak payah nak bayar gaji EXCO. Ni lantik banyak-banyak buat apa. Malah Tan Sri Muhyiddin Yassin membazirkan wang rakyat, apabila melantik duta khas ke timur tengah. Apa benda dia buat, kita pun tak tahu. Bertaraf menteri kepada Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Hadi Awang. Sijangkang jangan marah ya. Iaitu Ahli Parlimen Marang. Apalah fungsinya pelantikan itu melainkan jaminan politik untuk mengekalkan kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri. Sikap boros dan tidak berhemah kerajaan Perikatan Nasional seakan merasakan Malaysia hak milik mereka. Dan duit daripada rakyat adalah hak mereka untuk dibelanjakan sesuka hati. Sedangkan rakyat pada ketika ini nak makan pun susah. Rakyat bertambah kecawa apabila perdana menteri...

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Meru, boleh saya mencelah...

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : minta duduk. Saya tak beri laluan, masa nak habis. Dengan mudah menganugerahkan Ahli-Ahli Parlimen daripada Perikatan Nasional sebagai pengurus syarikat berkaitan kerajaan GLC. Sejumlah..

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Boleh Meru, mencelah sikit..

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Tak boleh..

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Minta tambah, boleh, tambah boleh kot..

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Pun tak boleh.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Hai, tolong pun tak boleh...

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Tak boleh.. Mereka melantik Ahli-Ahlil Parlimen yang tidak berkelayakan untuk duduk dalam GLC. Ini satu pengkhianatan kepada rakyat sebenarnya. Kerajaan, ketika Kerajaan Negeri termasuk di negeri Selangor, sibuk nak menguruskan permasalahan dan memerangi COVID-19. Kerajaan Perikatan Nasional, sibuk nak meruntuhkan kerajaan Pakatan Harapan di negeri-negeri. Negeri Johor, Perak dan Kedah menjadi mangsa konspirasi dan percaturan mereka. Manakala negeri Selangor yang kita sayangi dan juga Sabah, sibuk diganggunya. Untuk mengikuti jejak negeri-negeri berikut. Saya tegaskan, kami daripada Pakatan Harapan, takkan mengkhianati, kecuali yang dah melompat.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Meru, boleh saya mencelah sikit..

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Tak boleh, tak boleh

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Bagi la, Meru, jangan kedekut. Tak baik kedekut. Bagi la. Masa tu kan kita kongsi bersama. Apa Meru ni. Tak bagi *chance* la.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Kalau Ketua Pembangkang boleh, saya pun boleh...

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Semua langkah politik Muhyiddin Yassin

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Peraturan Tetap.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Meru jangan tamak, boleh. Pasal itu bukan ajaran tu. Tamak bukan ajaran kita.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya ingin merujuk kepada Peraturan Tetap, 36(1). Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan.

(RIUH) (TEPUK)

TUAN SPEAKER : Ok, Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk. Meru, Meru, petang nak sambung ke. Sambung ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan 1.00 tengah hari, dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

(KETUK)

(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)

(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Meru sila sambung..

Y.B. TUAN FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker saya menyambung perbahasan saya berkaitan dengan usul yang telah dibentangkan oleh Menteri Besar Selangor pada semalam dan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor yang mana selain daripada permasalahan penyelesaian yang saya sebutkan sebentar tadi suka saya nyatakan juga antara perkara yang menjadi kesan besar kepada warga Selangor khususnya apabila kita berhadapan dengan masalah COVID-19 ini ialah berkaitan dengan keselesaan penduduk itu sendiri yang mana kita lihat ketika ini isu kebersihan, kesihatan, emosi, dan juga pelajaran dan juga permasalahan yang perlu kita tangani dan juga perkara ini mungkin saya melihat kurang diberi perhatian khususnya kepada pelajar-pelajar kita yang di luar bandar. Sepanjang PKP kita dapat melihat, anak-anak kita ni yang berpendapatan tinggi keluarganya ataupun yang berkemampuan mereka boleh belajar secara *online* tetapi bagaimana pula nasibnya dengan pelajar-pelajar di kampung-kampung ataupun mereka yang berpendapatan rendah yang tidak ada komputer dan sebagainya ataupun tidak ada talian di kawasan mereka yang menyebabkan mereka ini terputus yang ini mungkin perkara yang perlu difikirkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan anak-anak ini tidak tercicir

14 JULAI 2020 (SELASA)

pembelajaran mereka perlu ada satu modul ataupun perancangan khusus untuk mereka supaya anak-anak ini tidak tercicir pembelajarannya dan dalam masa yang sama kita lihat permasalahan memberi kesan yang besar apabila masa COVID ini berlaku ini berkaitan dengan peluang perniagaan bagi warga tempatan itu sendiri yang mana kita dapat lihat apabila tempoh PKPB ataupun pemulihan ini apabila dibenarkan Kerajaan Negeri membenarkan semula peniaga-peniaga kecil untuk menjalankan perniagaan mereka kita lihat yang tumbuh bagi cendawan bukan sahaja mereka yang telah dihentikan kerja mereka sebelum ini tetapi juga warga asing. Walaupun kita dapat melihat pihak Kerajaan Negeri pada ketika ini kita tengok iklannya dan hebahannya cukup agresif untuk membasmi warga asing tetapi hakikatnya peniaga-peniaga warga asing ini makin berleluasa malahan mereka lebih berkuasa berbanding apa pihak berkuasa sendiri di dalam melaksanakan perniagaan mereka. Dan kita dapat melihat apabila operasi dibuat oleh pihak PBT sama ada sitaan ataupun kompaun yang dikenakan tak sampai dua tiga jam mereka beroperasi kembali dan perkara ini menutup ruang dan peluang juga kepada warga tempatan untuk bermiaga yang mana kita lihat pada ketika ini ramai kalau mencari tempat saya warga tempatan marah seolah-olah kita ni melindungi pihak mereka ni warga asing bermiaga sedangkan penduduk tempatan dikenakan tindakan walaupun kita akui sebenarnya pihak PBT itu melaksanakan tanggungjawab mereka dan juga seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat EXCO tadi tentangkekangan penguatkuasaan kakitangan yang menyebabkan mereka tidak boleh nak melaksanakan secara pintas ataupun menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan.

Jadi mungkin pihak Kerajaan Negeri boleh memikirkan supaya perkara ini dapat kita susun dengan lebih kemas supaya operasi pembasmian peniaga-peniaga warga asing ini dapat dihapuskan dan peluang kepada mereka yang terkesan tentang kesan daripada COVID 19 itu sendiri dan ucapan tahniah juga pada EXCO pertanian sepanjang PKP yang telah menganjurkan Agro Selangor ataupun diberi kod pembelian barang pertanian dan sebagainya dan juga memasarkan barang itu dengan harga yang murah daripada harga biasa. Yang ini serba sedikit membantu petani-petani dan juga membantu warga Selangor yang berpendapatan rendah untuk membeli barang dengan harga yang amat berpatutan. Namun mungkin saya nak memberi cadangan untuk menambah baik berkaitan dengan peniaga asli, pengusaha-pengusaha, petani-petani di luar bandar khususnya mereka yang tidak tahu menggunakan teknologi kalau pada ketika masa PKP kita tengok perniagaan melalui *online* cukup - cukup rancak tetapi bagaimana nasib petani-petani ni tadi yang di kampung dia tak tahu nak menggunakan teknologi itu. Jadi mungkin pihak kerajaan boleh memikirkan khusus program ataupun apa-apa bantuan untuk memberi kemahiran pada mereka yang tak tahu menggunakan teknologi ini boleh mengetik arus perdana dan boleh memasarkan hasil pengeluaran mereka dan juga di sini juga saya ingin memberi cadangan juga kepada Kerajaan Negeri berkaitan dengan Pinjaman Hijrah yang telah ditawarkan kepada peminjam-peminjam sebanyak 70 Juta yang mana mereka telah ditangguhkan pembayarannya jadi mungkin sebagai satu galakkan kepada mereka yang telah meminjam ini mereka terkesan juga bukan

14 JULAI 2020 (SELASA)

mereka terus meniaga terus berjaya mungkin kita boleh menawarkan diskaun ataupun mungkin sebagai orang kata potongan ataupun penghapusan pinjaman terus pada mereka sekiranya memang la geleng-geleng kepala sekiranya mereka berjaya melahirkan usahawan yang lain ataupun menjadi mentor kepada apa ni kepada pengusaha-pengusaha yang lain. Sebab itu mungkin kita fikirkan sebagai satu galakan sebagai satu dorongan kepada peminjam-peminjam ini untuk merebut peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan. Dan yang terakhir..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Seri Setia ...

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Yang Berhormat Meru baru dapat tadi tak dapat..cuma saya nak tanya apa Yang Berhormat nyatakan tadi tentang peminjam-peminjam Hijrah apa pandangan yang berhormat ada peminjam Hijrah yang sebelum PKP ini ataupun wabak COVID ni yang hutangnya pun tak bayar lagi.

Y.B. TUAN FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Berkaitan mereka yang tak bayar hutang ni kalau ikut dari segi hukum Islam wajib bayarlah kan jadi kalau mereka yang tegar tak nak membayar sengaja tak nak membayar memang ada peminjam yang dia meminjam tapi sengaja tak nak bayar memang ada dengan pelbagai alasan sebagainya mereka ini tetap mengenakan tindakan seperti biasa yang saya sebutkan tadi tu khusus kepada mereka yang sebagai satu galakan supaya mereka lebih boleh meningkatkan motivasi mereka dan juga boleh membantu orang lain untuk berjaya seperti mereka juga..okay yang terakhir seperti mana yang kitaucapkan tahniah juga kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah menyediakan elau RM200 *one-off* kepada *frontliner* kita dan cuma kita boleh bagi mendapat teguran ataupun mungkin mendapat komplain aduan daripada *frontliner* di bawah kendalian Kerajaan Persekutuan contohnya anggota Polis, Kerja Hospital yang elau mereka ni lambat dibayar malahan dalam masa yang sama juga proses untuk mereka mendapatkan elau ini cukup susah macam-macam. Jadi mungkin pihak Kerajaan Negeri boleh buat tekanan pada Kerajaan Pusat supaya menyegerakan pembayaran ini. Tadi pasal Sijangkang ada sebut tadi saya nak tanya yang itu lah yang mana kesannya juga kepada warga Selangor ramai *frontliner* tu ada di warga Selangor.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Apabila nak *claim* tu ada borang tu macam-macam borang. Adakah borang-borang itu diterbitkan dan dicetak oleh kroni-kroni?.

Y.B. TUAN FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Okey adakah borang itu dicetak oleh kroni-kroni saya tak boleh nak jawab sebab saya bukan kroni-kroni mereka. Haa ... itu kena tanyalah pihak Pakatan Nasional tentang perkara tersebut. Jadi dengan ini bagi mengakhiri ucapan saya menyokong penuh usul yang telah dikemukakan

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Mencelah sikit Ulu Klang kata tadi kata kroni tadi. Sebab apa yang saya risau ni ialah skim borang yang belum lagi diedarkan oleh Kerajaan Negeri pun banyak saya ingat dalam skim

14 JULAI 2020 (SELASA)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.... Meru nak tamatkan ucapan..

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Skim insentif khas penjaja berlesen 40 Juta baru belanja 10 Juta ada 30 Juta lagi belum belanja ..nak tanya jugak ni apasal belum belanja ni...

Y.B. TUAN FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Okay itu nanti Yang Berhormat Menteri Besar Yang Amat Berhormat boleh jawab la ye..ha jadi saya kata nak mengakhir ucapan saya dengan ini saya menyokong penuh Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Menteri Besar Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Taman Medan

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : *Bismillah hirahman nirrahimmm.. Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatu..* selamat petang pertamanya saya ingin mengambil peluang untuk merafakkan kesyukuran atas peluang diberikan untuk Taman Medan menyertai perbahasan ucapan Pembentangan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor untuk menangani COVID 19 bagi tahun 2020. Juga tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Kawasan Morib yang telah dipilih dan dilantik sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri pada kali ini. Taman Medan ingin menarik perhatian Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian berkenan apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua pada 13hb Julai yang lalu, semalam yang berhubung dengan pakej yang telah dilaksanakan bagi pemuliharaan ekonomi ini. Sebagai mana kita semua mengakui dan tidak menafikan bahawa kesan-kesan yang dihadapi dan dirasai oleh setiap pihak akibat daripada menularnya wabak COVID19 yang menyebabkan semua negara rata-rata negara seluruh dunia tak sampai 500 negara ye tidak terkecuali negara kita Malaysia sendiri ye melaksanakan langkah-langkah usaha pencegahan penularan wabak tersebut yang menghasilkan pandemik tersendiri yang khusus di antaranya usaha pelaksanaan perintah kawalan pergerakan ataupun PKP ia mengakibatkan banyak aktiviti kehidupan telah berubah kaedah pelaksanaannya merangkumi sektor pekerjaan, pentadbiran, pendidikan perniagaan pengangkutan, perkhidmatan, kemasyarakatan, keagamaan dan lain-lain.

Paling terjejas adalah sektor pekerjaan yang berteraskan perniagaan yang terutamanya operasi premis-premis perniagaan diarah untuk tidak beroperasi sama ada premis yang membabitkan urus niaga jual beli. Begitu juga pembatasan operasi pentadbiran sektor kerajaan seperti di jabatan-jabatan yang menjadi tumpuan rakyat untuk berurusan saya mengambil contoh yang ni ramai berminat ni Seri Setia pun berminat..ya iaitu kebenaran contoh pembekuan kebenaran berkahwin dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama di seluruh negara ..memang sekarang dah boleh ..saya ambil contoh tak terkecuali di negeri Selangor sendiri yang dikendalikan urusannya oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor semasa tempoh kawalan pergerakan itu hingga pernah ada di antara kita mungkin lah ye yang menonton di media sosial babak

14 JULAI 2020 (SELASA)

pernikahan di luar pagar rumah jurunikah yang telah saya selidiki berlaku di sebuah negeri di negara kita tetapi bukan di Selangor kerana kita patuh kepada pekeliling yang dikeluarkan oleh JAIS atas titah perintah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor agar menangguhkan sebarang urusan perkahwinan sehingga masa yang sesuai dan hingga sekarang pun saya dimaklumkan dalam tempoh pelaksanaan perintah kawalan pergerakan pemulihan sebarang upacara pernikahan itu hanya boleh dilaksanakan dengan prosedur operasi standard yang telah ditetapkan begitu juga proses-proses lain seperti pembaharuan dokumen dan juga proses urusan-urusan yang dikaitkan dengan urusan rasmi rakyat. Negeri Selangor merupakan negeri teras yang menjadi tumpuan dalam negara ini banyak aktiviti ekonomi di luar sana di negeri Selangor dan ia negeri yang memiliki jumlah penduduk yang paling ramai di negara kita. Sudah tentu ia merupakan negeri yang paling teruk terjejas akibat pandemik ini langkah dan usaha yang dibuat melalui pakej ini sesuatu yang pastinya sedikit sebanyak disasarkan bagi mengurangkan kesan buruknya. Lalu sektor-sektor terjejas adalah disebabkan ia nya diarahkan untuk tidak beroperasi terutamanya sektor perniagaan yang berteraskan perkhidmatan dan perbekalan seperti gedung beli-belah kedai jahit, kedai buku, kedai gunting rambut dan lain-lain. Sektor perniagaan makanan pula hanya dibenarkan restoran-restoran untuk beroperasi dengan kaedah beli dibawa pulang dan tempoh PKP tersebut manakala gerai-gerai peniaga kecil tidak dibenarkan beroperasi. Sektor baik pulih kenderaan juga ada pembatasan operasinya, lalu pengalaman Taman Medan dalam berdepan situasi ini juga amat getir bagaimana terjadinya keadaan di mana terlalu ramai yang terjejas terutamanya yang bekerja sendiri, penjaja kecil, pengusaha gerai makanan, pekerja sektor perkhidmatan pengangkutan, pekerja industri kecil dan yang lain-lain yang bekerja sendiri tentulah tidak dapat bekerja kerana kekangan pergerakan dan juga kekangan-kekangan dari sudut operasi yang sebenarnya membataskan.

Bagaimana usaha mereka untuk melaksanakan proses mencari nafkah bagi membiayai kehidupan. Begitu juga bagaimana kalau kita melihat mereka yang terbabit dalam sektor-sektor yang memerlukan pergerakan-pergerakan seperti yang sektor pengangkutan sektor yang mana antaranya pengusaha bas sekolah dan tidak terkecuali sektor penerbangan yang ketiadaan penumpang akibat kekangan pergerakan domestik dan juga antarabangsa hingga ada tular di media sosial akibat ketiadaan aktiviti pekerjaan di sektor tersebut memberi kesan kepada keadaan psikologi seperti mana yang ada dikongsi kan seorang *attendant* penerbangan telah memaparkan pelaksanaan tugas yang di mana sepatutnya dibuat di atas pesawat tetapi dibuat dekat rumah sendiri, jadi gila dia. Jadi macam pengumuman oleh syarikat penerbangan yang telah memberhentikan warga kerjanya akibat pandemik ini dari juru terbang, *attendant* penerbangan dan lain-lain warga kerja operasi yang kemudian menghasilkan situasi kehilangan pekerjaan kepada ramai orang. Begitu juga sektor pelancongan yang terhenti yang mengakibatkan operasi firma-firma pelancongan tidak dapat melaksanakan aktiviti niaga mereka, majoriti yang terjejas adalah rakyat Negeri Selangor Darul Ehsan kerana lapangan terbang utama negara ini adalah berada di Negeri Selangor. Taman Medan juga tidak dapat melupakan

14 JULAI 2020 (SELASA)

situasi getir yang dilalui menerusi penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan Taman Medan pada tarikh 10 hari bulan Mei 2020 hingga tarikh 20 hari bualan Mei 2020 dilaksanakan di sebahagian kawasan di Seksyen 3 dan Seksyen 4 Petaling Jaya bersama sebahagian kawasan Seksyen 2 Petaling Jaya terletak di dalam kawasan Dewan Negeri Bukit Gasing. Bagaimana penduduk melalui kepayahan di sekat pergerakan dan juga keterbatasan urusan yang bagaimanapun ditangani dengan baik oleh Pihak Berkuasa hingga mengikut jadual asal. Ia nya akan ditamatkan pada 23 Mei 2020 tetapi dipercepatkan kerana tiada kes lanjutan daripada kes asal seramai 26 orang yang disahkan positif dari kluster Pasar Besar Jalan Othman yang sebenarnya berpunca daripada kluster Pasar Borong Selayang disebabkan aktiviti pemunggahan barang jualan hinggakan ada penduduk tidak berpuas hati terhadap pelaksanaannya. Ada penduduk yang melihat ada lorong yang dikenakan perintah kawalan pergerakan tetapi hanya sebelah sahaja jiran depan rumah tidak kena. Sampai begitu sekali tapi bagaimanapun kita percaya ianya dibuat mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara dan bagaimana pelaksanaan itu juga menyebabkan Pejabat ADUN sendiri terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang cukup besar kerana kos menangani PKPD ini cukup tinggi termasuk penyediaan bahan-bahan makanan yang segar daripada kategori makanan basah seperti ayam, ikan dan sayuran dan kemudian dalam masa yang sama juga berkait dengan isu ke naikkan kadar sewa gerai di Pasar Besar Jalan Othman yang telah dibangkitkan oleh Sungai Air Tawar semalam, lalu apa yang telah dinyatakan oleh beliau itu telah dirujuk kepada Taman Medan. Sepatutnya soalan itu pada pihak Kerajaan Negeri tapi mungkin kerana wakil rakyat kawasan boleh jadi ada maklumat maka di sini saya akan membuat sedikit perkongsian dan pencerahan tentang isu tersebut. Setelah merujuk kepada pemilik pasar iaitu Majlis Bandar Raya Petaling Jaya, isu kadar ke naikkan sewa bukan satu isu asas walaupun ia diumumkan tatkala musim Perintah Kawalan Pergerakan. Ingin dinyatakan peniaga di pasar tersebut telah menikmati kadar sewa yang cukup murah untuk tempoh lebih daripada belasan tahun hingga ada yang memonopoli penyewaan gerai serta menyalahgunakan peluang peniaga itu kepada pihak yang tidak sepatutnya sehingga menutup peluang rakyat yang berminat bermula tetapi tidak peroleh peluang kerana dominasi tersebut. Kalau dibandingkan dengan pasar di bandar-bandar besar yang lain seperti Kuala Lumpur, Seremban dan lain-lain ianya cukup murah dengan status sebagai bandar raya. Malah jika diteliti para peniaganya majoriti bukan warga Petaling Jaya sehingga wakil rakyat pun tidak dikenali kerana sejumlah besar peniaga bukan warga kawasan.

Sewaktu dibuat bincian ada didapati peniaga menjadikan tapak itu sebagai warisan keluarga dari moyang hingga ke cicit, penama pengusaha gerai ada yang telah uzur, yang terlantar sakit malah ada yang meninggal dunia sehingga setelah dibuat bincian ada 104 gerai yang didapati tidak dikesan di manakah pengusaha sebenarnya. Jadi penama gerai yang disebut itu telah berada pada keadaan yang meragukan sebab itu proses pembersihan pengusaha dilaksanakan termasuk kadar sewa yang baru yang sesuai dengan kos operasi pasar yang terpaksa ditanggung oleh PBT yang

14 JULAI 2020 (SELASA)

merupakan wang rakyat dan bagaimanapun ke naikkan itu masih lagi dalam peringkat kajian sehingga belum dimuktamadkan untuk sesuatu yang sesuai.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Celahan Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Silakan Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Tuan Timbalan Speaker, Taman Medan saya hendak bertanya setuju atau tidak kalau saya nyatakan bahawa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Taman Medan di Pasar Oldtown ada yang pemunya atau penama sebenar menyewakan kepada peniaga sekarang ini dengan kadar berganda tingginya daripada yang dikenakan oleh pihak Majlis. Setuju atau tidak.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Terima kasih kepada sahabat saya Seri Setia. Saya baru hendak sebut, baru hendak nyatakan tentang dalam perbahasan ini tentang kewujudan situasi berkenaan, memang ada. Katalah sebelum ini kadar penyewaan itu pada satu kadar yang rendah tetapi kemudian telah dibuat sewa atas sewa dengan kadar yang begitu tinggi. Katalah sewa asal RM140.00 dia sewakan kepada penyewa yang lain dengan kadar RM2,000.00, jadi ali baba. Kalau tidak percaya boleh turun ke Pasar Besar Jalan Othman, kalau seperti mana yang telah saya turun saya buat tinjauan sendiri pasar tersebut bahawa pasar itu asalnya telah menjadi satu pasar yang sepatutnya berfungsi sebagai pasar dengan perniagaan runcit tetapi banyak telah ditukar fungsinya oleh peniaga dengan kaedah pasar borong walaupun tidak diwartakan sebagai pasar borong. Jadi inilah kos operasi tersebut yang sesuai dengan kadar yang begitu rendah dengan kos bekalan elektrik dan bekalan air yang telah ditanggung oleh Pihak Berkuasa Tempatan, oleh MBPJ yang sebenarnya bersesuaian. Memang murah, malah kalau umpamanya peniaga-peniaga tidak berminat untuk menyewa dan bermiaga di situ banyak lagi rakyat yang lebih berminat. Yang sebenarnya boleh memberikan peluang yang lebih banyak kepada rakyat di kawasan untuk mencari rezeki dengan bermiaga sebab monopolii itu sendiri sesuatu yang sebenarnya telah berlaku berleluasa dengan satu tempoh yang cukup lama. Saya sendiri bila saya turun ada kalanya saya mendapat maklumat saya menghantar warga pejabat saya untuk mengikut pergerakan peniaga-peniaga ada yang pulang ke rumah mereka mampu memiliki kediaman yang cukup mahal sehingga ada yang berpendapatan peniaga sayuran berpendapatan bersih RM 30,000.00 sebulan. Peniaga ayam berpendapatan bersih RM 50,000.00 sebulan sehingga mampu memiliki kenderaan mewah. Sebab itulah saya di sini walaupun kadar isu sewa sesuatu yang boleh dibuat kajian semula tetapi kita kena berlaku adil mungkin dan begitu juga ada pengecualian dijaga kebijakan peniaga-peniaga itu dikecualikan sewa untuk tempoh sewa 3 bulan dari bulan Mei sehingga bulan Julai dan begitu juga bahawa deposit penyewaan itu sesuatu di kecualikan untuk suatu tempoh yang lama. Maknanya boleh berunding di antara setiap pihak yang terbabit tapi bagaimana pun kita tidak mahu bahawa ianya diambil kesempatan oleh mereka yang berkepentingan

14 JULAI 2020 (SELASA)

dan begitu juga peluang yang saya peroleh kali ini untuk merakamkan penghargaan kepada pihak Kerajaan Negeri yang begitu peka dan prihatin untuk membantu rakyat dalam usaha untuk meringankan beban mereka dan begitu juga operasi-operasi yang sekarang ini semakin pulih dan mudah-mudahan saya berdoa agar operasi yang berkait dengan proses pemulihan kita daripada pasca COVID19 ini sesuatu dapat ditangani dengan baik dan mudah-mudahan saya berharap ianya kembali normal dan ia juga akan dapat dilalui dengan sesuatu yang boleh mencapai tahap yang sepatutnya oleh rakyat Negeri Selangor Darul Ehsan. Jadi dengan ini saya menyokong Pelan Pemulihan Negeri Selangor Pasca COVID19. Terima kasih, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Yang pertama saya ingin menzahirkan, merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Morib atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri yang baharu dan juga merakamkan ucapan terima kasih kepada mantan Timbalan Speaker daripada Sementa dan juga mantan Ahli MMKN Lembah Jaya atas khidmat kepada Kerajaan Negeri Selangor sebelum ini walaupun kita di blok yang berbeza pada hari ini tapi saya kira penghargaan itu wajar. Kita patut letakkan kredit yang sewajarnya. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua barisan *frontliners* baik di Negeri Selangor dan juga di seluruh negara juga kepada para Penjawat Awam khususnya kalau di dalam kawasan saya ini penghargaan khusus kepada Majlis Bandar Raya Shah Alam dia atas *commitment* dan kerjasama yang baik di sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan pergerakan yang masih kita jalani pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah selagi lagi kepada Kerajaan Negeri kerana hari ini telah menyatakan pendirian dan keputusan yang cukup signifikan untuk mengharamkan minum arak dan hisap rokok di kawasan awam di taman-taman awam. Jadi walaupun Kerajaan PH ini tidak dilihat kononnya orang kata PH bukan Kerajaan Melayu Islam tapi kita tidak perlu dengan retorik kita ambil pendekatan melaksanakan. Jadi ini lah resipi kejayaan Negeri Selangor kita melaksanakan kata-kata perjuangan itu adalah pelaksanaan kata-kata bukan sekadar retorik, bukan sekadar menjual dalil-dalil Al-Quran tapi kita laksanakan apabila ada kuasa kita buat. Jadi insya Allah saya harap dan jangkakan ini adalah satu mercu aras kepada negeri-negeri lain untuk ikut Negeri Selangor. Kita haramkan minum arak, Jeram ada bangkitkan hari ini telah diputuskan ada pengharaman. Ok setuju ya. Jeram setuju.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat. Saya hendak memberi sedikit penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Bukan sahaja dalam Undang-undang Kecil yang akan diluluskan. Itu bukan sahaja arak yang diharamkan, arak adalah minuman keras. Pengharaman ini termasuk *beer* dan minuman alkohol yang melebihi 2% alkohol.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Terima kasih yang Berhormat EXCO penambahan maklumat tadi. Jadi saya kira kita telah berjaya membuktikan bahawa di Selangor ini kita dengar suara walaupun dia bebas, dia memberi pandangan dan Kerajaan Negeri mendengar. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Berbalik kepada perbahasan usul Pakej Rangsangan Selangor Prihatin dan Pelan Pemulihan Ekonomi Negeri Selangor saya bangga dan rasa sangat besar hati bila Negeri Selangor ini menjadi satu-satunya negeri yang sekarang ini membentangkan satu *Stimulus Package* untuk merangsang kembali ekonomi negeri pasca PKP berdepan dengan pandemik COVID19 yang bernilai RM55.85 bilion. Jadi ini satu kejayaan dan saya berharap kita semua dapat terus memberikan sokongan kepada usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam usaha memulihkan ekonomi dan membantu mengangkat kebajikan rakyat. Saya ingin beberapa perkara, 3 perkara lebih kurang tapi saya mulakan dengan SELangkah sebab semalam saya perhatikan Yang Berhormat Ketua Pembangkang pun membangkitkan tentang App SELangkah ini tapi dia cuba coner ke arah yang lain. Cuma hari ini saya ada baca daripada Laman Portal *Code Blue*. *Code Blue* ini kalau tuan-tuan boleh Google adalah laman informasi tentang kesihatan. Jadi artikel pada hari ini di tulis oleh Kanmani Batumalai bertajuk *Selangor's SeLangkah Hits Scientific Threshold As Effective Contact Tracing App*, dia menyebut bahawa dalam artikel ini dengan izin *Selangor Government's SELangkah COVID19 contact tracing app is scientifically considered effective as it is used by 95 per cent of the state's population* dan ini menurut kajian daripada Oxford University yang menyebut bahawa sekiranya satu-satu aplikasi itu yang bersifat *e-tracing* digunakan lebih daripada 60% populasi di kawasan ataupun di wilayah tertentu maka ia boleh dikira sebagai efektif. Ini telah diiktiraf, disebut di dalam ini *from this perspective, the population of Selangor is about 6.2 million, to compare with 5.9 million uptake, we can satisfingly say that at least in Selangor, SELangkah has reached a scientific threshold for it to be a useful e-tracing ecosystem*. Jadi saya rasa tidak timbul isu untuk memperlekeh atau meremehkan aplikasi-aplikasi yang di Selangor ni kita pakai SELangkah dan saya difahamkan di Johor pun ada premis-premis perniagaan yang menggunakan aplikasi SELangkah, di Perlis pun, jadi saya rasa kalau kita nak cuba bandingkan aplikasi SELangkah lah, My Sejahtera lah saya rasa kita tak bergerak ke mana-mana. Jadi, kalau aplikasi ni baik, contoh di Selangor ni dah terbukti apa salahnya kalau Kerajaan Persekutuan pun boleh guna aplikasi yang sama daripada kita nak membanding-bandtingkan seolah-olah ada pertandingan pula. Macam tadi Y.B. Bukit Gasing pun ada cadangkan untuk beri *lucky draw* kepada mana-mana penduduk ataupun rakyat yang pakai SELangkah

14 JULAI 2020 (SELASA)

ini. Saya rasa itu satu inisiatif yang boleh dipertimbangkan, walau bagaimanapun kita perlu kembali kepada pokok kenapa kita pakai *apps* ini. Dia bukan pertandingan tapi untuk kita bantu usaha Kerajaan Negeri untuk memantau pergerakan dan juga untuk *trace* sekiranya kita ni ada dijangkiti wabak COVID dan di situ mudahkan urusan untuk pemantauan. Jadi, itu SELangkah.

Dan saya juga ingin menarik perhatian Dewan tentang yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar semalam, Inisiatif Rakan Digital sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk memberi ruang kepada masyarakat khususnya golongan sasaran seperti warga emas dan perniagaan kecil yang belum celik digital dapat dibimbing untuk turun terlibat dalam sosioekonomi digital masa kini. Dengan peruntukan sebanyak RM3 juta. Saya tak *clear* sebenarnya, saya tidak jelas daripada pembentangan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semalam. Apakah mekanisme ataupun apakah yang ditawarkan melalui inisiatif Rakan Digital ini? Cuma kalau saya boleh membawa sedikit cadangan agar pendekatan ini dikembangkan khususnya kepada anak-anak muda daripada segmen mahasiswa, mahasiswa yang berasal ataupun dalam erti kata lain mahasiswa anak Selangor lah. Sebab saya dalam konteks Kota Anggerik, dalam tempoh PKP ini kalau kita semua sedia maklum, kita dah mula terbiasa dengan mesyuarat ataupun komunikasi melalui atas talian, *Zoom*, apa nama orang panggil *Microsoft*.. apa entah *meeting*.. ha? *Google* ataupun *Skype* yang mana kita dah terbiasa sekarang ini, bila kita nak buat mesyuarat di mana-mana peringkat pun kita akan pakai aplikasi atas talian.

Jadi, mungkin boleh dicadangkan, kalau saya di kawasan ini, sekarang ini kebanyakannya mahasiswa datang memohon bantuan. Khususnya mahasiswa daripada kelompok yang tidak berkemampuan ini lah mereka ada masalah tidak memiliki komputer riba misalnya. Jadi, kita mungkin boleh fikirkan satu kebijakan untuk bantu mereka sebab sekarang ini dalam konteks pendidikan pengajian tinggi pun dah mengguna pakai .. orang panggil apa, *Online Distancing Learning (ODL)*. Dia pembelajaran atas talian. Mungkin kalau kita belajar di .. tinggal di Shah Alam tapi universiti nya di Kelantan katakan, dia masih lagi boleh dengar kuliah Pensyarah melalui atas talian dan di peringkat Negeri Selangor ni kita masih belum melihat kepada prospek-prospek ini dan di peringkat saya sendiri telah menggerakkan inisiatif untuk bantu anak-anak muda ini khususnya mahasiswa yang memerlukan akses internet ataupun komputer riba, kita bagi bantuan untuk mereka beli komputer riba. Kalau yang betul-betul tidak mampu itu kita beri sumbangan komputer riba. Jadi, sambutannya cukup baik di kalangan mahasiswa ini. Dan sebahagian daripada itu saya ambil inisiatif untuk memberikan data internet percuma. Kalau ini dah ada, dalam ini, Inisiatif Data Indeks Selangor yang mana saya rasa ini merupakan satu inisiatif yang cukup baik. Dan di peringkat saya sendiri sebagai ADUN pun kita laksanakan Program Cakna Siswa bersama mahasiswa Keadilan untuk menyediakan ruang belajar dan juga akses internet kepada mahasiswa ini. Maksudnya kalau dia ada keperluan untuk buat *assignment* ataupun untuk mengikuti kuliah dia boleh datang ke Pejabat Khidmat, kita beri satu ruang, kita bagi dia akses *WiFi* dan dia boleh buat

14 JULAI 2020 (SELASA)

assignment dia. Dia boleh hadir kuliah dia. Sebab sekarang ini kita kena ingat tuan-tuan, bila bercakap pasca COVID ini kebanyakannya yang terjejas itu pun ramai anak muda. Anak muda yang sedang belajar, yang bekerja, yang hilang pendapatan, yang hilang mata pencarian. Jadi saya juga puji Inisiatif RiDE ini, Roda Darul Ehsan untuk kita bantu anak-anak muda ini dari sudut penyertaan mereka dalam ekonomi gig. Tetapi pada masa yang sama kita kena lihat juga aspek lain, terutamanya anak-anak muda yang sedang belajar ini, mahasiswa. Kerana ini yang kita nampak sekarang ini agak tertekan dan terjejas.

Dan, seterusnya saya ingin memberikan pandangan sedikit tentang kualiti ataupun adab kita dalam perbahasan dalam Dewan ini. Saya sebagai anak muda, semalam saya ingat kita semua lihat bagaimana Sidang Parlimen yang di kemudi oleh Speaker baru ini, begitu caca marba. Dia boleh kata orang itu gelap kan? Tak nampak. Tapi, tidak ada sebarang teguran. Tapi hari ini saya difahamkan dia dah minta maaf, yang Baling. Cuma kita di Dewan Negeri Selangor ini, kita kena pastikan kualiti perbahasan kita itu, macam semalam saya pun boleh tegur Jeram juga lah.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Minta izin lalu.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Jeram pun ..

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Minta izin lalu.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Ha, ok. Silakan.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Jadi, di kesempatan ini saya juga ingin minta maaf lah kepada Yang Berhormat EXCO Batu Tiga.

(Ahli Dewan ketawa dan mengetuk meja)

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Terima kasih Jeram, ha ini namanya jiwa besar. Saya ingat ini lah dia semangat dan juga kualiti yang sewajarnya kita pamerkan kepada rakyat sebab kalau kita lihat di dalam Dewan ini, kita satu-satunya negeri yang memancarkan Sidang Dewan ini secara langsung. Jadi, kalau kita tunjukkan kepada orang di luar sana kualiti kita yang di tahap macam Parlimen itu, malu lah, kan? Macam semalam, saya agak terkilan, saya lihat Ahli Parlimen Muar dia bangun, dia nak berbahas tetapi Ahli-ahli Parlimen yang .. apa .. *old citizen* ini dia dah macam budak-budak perangainya. Dia memperlekehkan, meremehkan, menghina. Jadi, saya rasa ini satu ..

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Mohon ruang, Kota Anggerik. Tadi Kota Anggerik ada sebut berkenaan bagaimana keperluan untuk menangani permasalahan ya, oleh golongan anak muda terutamanya mahasiswa lalu apa pendapat Kota Anggerik kalau ada kategori yang lain ya, yang umpamanya bukan

14 JULAI 2020 (SELASA)

sekadar mahasiswa daripada kalangan anak muda, golongan mahasiswa umpamanya, ya. Pelajar-pelajar yang dah veteran lah, yang belajar di universiti. Apa pendapat Kota Anggerik?

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Baik, terima kasih Yang Berhormat Taman Medan. Saya menyokong penuh. Maksudnya, pembelajaran ini, ilmu ini sebagai satu proses yang berterusan. Dia bukan sahaja mahasiswa tetapi mahasiswa pun ada yang minat belajar. Jadi, mungkin boleh difikirkan tetapi berdasarkan keperluan dan tuntutan lah. Saya ingat keutamaan itu perlu ada. Sebab kadang-kadang yang mahasiswa ini dia dah ada kerja. Dia dah ada pekerjaan, dia dah ada pendapatan dan dia mungkin daripada segi mampu untuk mendapatkan akses kepada maklumat, kepada data tetapi boleh dipertimbangkan. Mungkin boleh dibawa dalam ucapan saya juga untuk pertimbangan pihak Kerajaan Negeri. Sekurang-kurangnya berikan satu inisiatif lah untuk mereka yang berminat melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Kalau sebelum ni ada Insentif MyBRAIN di peringkat Persekutuan, tapi saya rasa dah tiada. Dan saya suka untuk menimbulkan

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Sikit lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kita ringkaskan.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Ok. Sikit. Satu lagi, untuk perhatian EXCO Belia dan Sukan, apa kah status Diploma Pembangunan Belia, yang sebelum ini kita jadikan sebagai satu polisi Kerajaan Negeri untuk memberikan ruang dan peluang kepada anak-anak muda kita melanjutkan pengajian dan saya tak pasti ataupun mungkin, mungkin ada lagi, mungkin tidak ada lagi program tersebut. Apa kah status program Diploma Pembangunan Belia yang kita jalankan dengan kerjasama daripada UPM sebelum ini? Jadi, daripada saya setakat itu. Terima kasih banyak saya ucapkan kepada semua dan *InshaAllah* kita sama-sama pastikan kita teruskekalkan kualiti perbahasan yang baik dan tunjukkan kepada rakyat bahawa Dewan yang mulia ini adalah Dewan di mana kita bincang untuk angkat kebajikan dan juga martabat Negeri Selangor. Terima kasih, saya menyokong usul ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Dan terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Timbalan Speaker kerana telah dilantik untuk menjawat jawatan tersebut. Sementa ingin turut berbahas Pakej Rangsangan Selangor Prihatin dalam menangani kesan COVID-19 ketika ini. Tahniah kepada Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor yang prihatin, meringankan beban rakyat dalam tempoh hari-hari sukar dalam menghadapi pandemik COVID-19 dan dalam situasi PKP iaitu Perintah Kawalan Pergerakan.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Dalam situasi pandemik COVID ini ya, seluruh rakyat di negara kita begitu terkesan dengan perkara ini dan ia bukan hanya dirasai oleh masyarakat tetapi yang paling merasai kesan COVID-19 ini dan juga tempoh PKP ini ialah wanita. Yang mana golongan wanita ini begitu terkesan terutamanya golongan wanita-wanita yang bekerja. Kita juga dikejutkan dengan masalah keganasan rumah tangga seperti yang disebut oleh, dalam jawapan EXCO semalam ya, bahawa terdapat kes-kes keganasan rumah tangga iaitu sebanyak 90 kes sewaktu tempoh PKP sahaja, ya, yang dilaporkan oleh pihak JKM. Belum lagi kes-kes yang hampir 2000 kes yang diterima melalui talian panggilan telefon. Dan ini amat membimbangkan. Sepatutnya di dalam tempoh PKP ini yang mana semua orang perlu berada di rumah dalam fasa-fasa awal, ya, suami, ya bapa duduk di rumah, isteri, ibu duduk di rumah, anak-anak tidak pergi ke sekolah. Dan anak-anak kecil, *baby* tidak perlu dihantar ke pusat jagaan, tadika dan taska. Waktu ini lah sepatutnya digunakan sebaiknya bersama keluarga ya, untuk mengeratkan kasih sayang di antara suami, isteri, bapa, ibu dan anak-anak. Dan waktu inilah sepatutnya dilakukan aktiviti-aktiviti bersama keluarga secara *indoor* sebab tak boleh keluar. Ya, aktiviti yang bermanfaat dan inilah *quality time* yang sepatutnya dilaksanakan bersama. Dan kita juga sentiasa berkempen *stay at home, stay at home* ya, dan kita jaga kita, namun kes-kes keganasan rumah tangga tetap juga berlaku. Dan ini amat menyedihkan dan kita mengharapkan agar pihak Kerajaan Negeri dapat menggunakan, kerana telah ada peruntukan yang bernilai sebanyak RM1 juta bagi menangani tekanan dan kemurungan ini supaya peruntukan ini dapat digunakan dan ia perlu sampai kepada sasaran. Dan kita juga mahukan perincian bagaimana ia dibelanjakan. Adakah ia dilakukan untuk membantu menangani tekanan dan kemurungan ini sewaktu dalam situasi PKP ataupun dalam waktu COVID ini ataupun belum lagi digunakan, ataupun akan digunakan di masa akan datang. Jadi, inilah persoalan kita. Kita mahu agar perkara keganasan rumah tangga di Selangor dapat diatasi dengan sebaik mungkin.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Penjelasan sikit. Penjelasan sikit.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Ya, silakan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Ya, tentang keganasan rumah tangga. Ada tak kes keganasan rumah tangga keganasan terhadap lelaki, suami? Ada tak yang baru-baru ini?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Kita boleh mendapatkan statistik tersebut daripada pihak JKM ya, dan saya tidak pasti ada atau tidak tapi berkemungkinan memang ada juga lah. Seterusnya, daripada segi wanita dan ekonomi. Hasil kajian yang dibentangkan oleh Institut Wanita Berdaya baru-baru ini mengenai kesan COVID-19 terhadap wanita menyatakan bahawa golongan wanita sebagai ketua keluarga atau yang menyara keluarga begitu terkesan ya dengan pandemik Covid-19 ini yang mana mereka ini tidak boleh keluar bekerja ya mereka ini perlu berada di rumah perlu jaga ialah keluarga dan mereka-mereka ini apabila

14 JULAI 2020 (SELASA)

mereka tidak boleh bekerja mereka tidak ada lagi sumber pendapatan dan kebanyakan wanita-wanita ini 84% adalah golongan B40 dan kategori pendapatan mereka adalah sama ada makan gaji, bekerja secara kontrak, bekerja sambilan dengan gaji harian dan ataupun bekerja sendiri. Bekerja sendiri pun mereka adalah melaksanakan perniagaan-perniagaan kecil ya seperti jual nasi lemak, katering, buat kuih, upah menjahit ya dan juga pelbagai kerja-kerja yang berpendapatan harian ya jadi ini apa ni, ini menyebabkan ianya memberi kesan yang sangat mendalam kepada para wanita-wanita ini dan daripada 84% B40 ini, 26% daripada mereka adalah berpendapatan harian ya dan daripada situ juga 16% ya berpendapatan sekitar RM1,000.00 sebulan dan ini bermakna semasa tempoh PKP ini selama hampir 3 bulan, wanita-wanita yang menyara keluarga amat terkesan dari sudut ekonomi dan juga mereka kebanyakan yang kita turun bagi bantuan, bagi sumbangan, mereka ini lah ya yang keputusan bekalan makanan, keputusan bekalan susu untuk anak mereka ya dan ini lah yang dihadapi oleh para wanita ya yang dibuat kajian oleh IWB iaitu Institut Wanita Berdaya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sementa boleh ringkaskan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI : Ok. Jadi kita mahu agar pihak Kerajaan Negeri melihat apakah langkah-langkah yang boleh dibuat untuk membantu mereka menghadapi kesusahan ini ya dan di antara dan daripada wanita tersebut 12% adalah daripada kalangan Ibu Tunggal. Jadi kita perlu bantu mereka dalam hal-hal ini.

Seterusnya saya ingin, sikit lagi tentang denggi yang mana wabak denggi begitu di Selangor adalah yang tertinggi di Malaysia ya memang kita tak boleh nafikan dan apa ni sentiasa mencatat tertinggi ya pada 2019 mencatatkan 60,817 kes dengan kematian 49 orang ya di Selangor sahaja. Jadi kini untuk 2020 kes denggi ya dicatatkan tadi disebut oleh EXCO hampir mencecah 30,000 kes. Jadi dan kita tahu ya segala macam apa ni, apa yang kita laksanakan pelbagai usaha-usaha kita buat bagi menangani kes denggi. Kita juga mahu Kerajaan Negeri ataupun mengesyorkan Kerajaan Negeri agar menggubal satu dasar atau *blue print* dalam menangani masalah denggi ini.

Saya juga terpanggil untuk apa ni mengajak agar sepatutnya sewaktu PKP, sewaktu kita dalam rumah ya waktu semua orang duduk di rumah, suami, isteri, anak-anak sepatutnya sewaktu itu kita ataupun Kerajaan Negeri membuat kempen bersihkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes. Bersihkan rumah kita daripada tempat membiaknya nyamuk aedes. Ya sepatutnya dan di situlah kita boleh ya mengurangkan kes-kes denggi sebab semua orang jaga rumah sendiri yang di luar rumah pihak apa ni PBT ataupun agensi yang membersihkan. Jadi kita, kita sayang waktu itu kita tidak dapat melaksanakan perkara tersebut.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Ok. Jadi, saya kira ada lagi beberapa perkara tapi oleh kerana masa jadi cuma *last* saya ingin untuk menyentuh tentang roda Darul Ehsan ya yang diberikan sebanyak 2 juta subsidi, lesen memandu untuk 3,000 orang anak-anak muda di Selangor. Tahniah kepada EXCO ya tetapi saya dimaklumkan walaupun ianya hanya akan dibuka pada 1 Ogos akan datang tetapi penyertaan, pendaftaran telah pun mencapai 2,500 jadi saya ingin kepastian ataupun saya ingin penjelasan ya tentang perkara ini. Jadi saya kira itu. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Untuk makluman Yang Berhormat, kita ramai lagi nak berbahas jadi untuk selepas ini hanya 5 minit dibenarkan untuk berbahas ya. Jadi saya persilakan Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Bismillahirahmanirahim. Terima kasih saya ucapan kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker. Masa yang diberikan 5 minit saya cuba sedaya upaya untuk meringkaskan beberapa perkara-perkara yang ingin saya bangkitkan sebelum itu saya ucapan syabas dan tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker yang baru dan juga ucapan penghargaan dan juga terima kasih kepada mantan Puan Timbalan Speaker dan seterusnya kita sedia maklum dalam Kerajaan baik di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat Negeri menangani isu wabak Covid-19 ni adalah satu yang *unpresented* yang tidak pernah berlaku dan juga tidak pernah kita duga untuk kita alami dalam tempoh masa ini dan selepas pasca Covid-19 ini perkataan *new normal* dan juga *terms social distancing* dengan izin, penjarakan sosial menjadi satu kebiasaan baru kepada kita. Jadi ada banyak perkara-perkara yang perlu kita pastikan rakyat mahupun penduduk dan juga pengundi di dalam kawasan kita, kita perlu pastikan untuk mereka mempraktikkan dan juga mengamalkan perkara-perkara ini supaya di masa akan datang wabak Covid-19 ataupun yang seumpamanya tidak menular seperti mana yang berlaku ni dan Alhamdulillah, ucapan syabas dan tahniah juga kepada seluruh warga *frontlines* yang bekerja bertungkus-lumus, pagi, petang, siang, malam, subuh, senja bagi memastikan negara kita, negeri kita terkawal wabak Covid-19 ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada seluruh rakan-rakan dan juga sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat yang mana sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan kita semua ini tidak berada di rumah tetapi kita semua berada di lapangan membantu rakyat di luar sana dengan kemampuan dan juga apa juga saluran dan juga bantuan Kerajaan yang dibekalkan kepada kita dan ini tidak lain dan tidak bukan adalah dasarnya dan juga asasnya untuk kita bersama-sama dan juga membantu rakyat. Jadi, tahniah kepada semua rakan-rakan Yang Berhormat.

Seterusnya untuk kita ke hadapan, pasca Covid-19 ini, apa yang paling penting adalah bagaimana untuk kita memulihkan dan juga meletakkan semula ekonomi, khususnya di negeri kita ini di Negeri Selangor yang terjejas oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan dan juga penularan wabak Covid-19. Yang Amat Berhormat Sungai Tua

14 JULAI 2020 (SELASA)

telah membentangkan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin dan persoalan yang paling penting di dalam Pelan Rangsangan ini adalah, adakah usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan Rangsangan Ekonomi Pasca Covid-19 ini cukup dan juga menyeluruh.

Ada beberapa perkara yang telah dibentangkan. Sebagai contoh, kalau kita lihat tadi ada rakan Yang Berhormat juga menyentuh tentang industri pelancongan yang mana Selangor ini adalah negeri yang terkenal dengan industri pelancongan khususnya industri pelancongan yang berasaskan Agro-tourism. Kerajaan ada memperuntukkan pemberian insentif RM1,000.00 kepada pemandu pelancong, pengusaha *homestay* dan juga hos komuniti yang berjumlah 600,000.00. Jadi dengan pemberian *one off* RM1,000.00 ini yang berjumlah 600,000.00 ianya hanya boleh di manfaatkan oleh 600 orang ataupun 600 individu ataupun 600 pengusaha-pengusaha *homestay*.

Jadi ini, saya rasakan ianya terlalu sedikit dan ianya perlu ditambah lagi sepatutnya peruntukan ini sebab khususnya kita di anjung utara Negeri Selangor, DUN Sungai Panjang, DUN Sabak, DUN Sungai Air Tawar, ini adalah kawasan-kawasan termasuk DUN Sekinchan adalah kawasan-kawasan yang ramai pengusaha-pengusaha *homestay* jadi mana mungkin kalau kita *average* kan ataupun kita nisbahkan satu DUN hanya boleh ada 10 ke 11 orang sahaja yang boleh mendapat manfaat daripada insentif pemberian 1,000 ini dan kita tidak nafikan ada lagi pemberian dalam bentuk 2 juta ringgit ini yang bagaimana cara pengagihannya.

Dan seterusnya perkara yang kedua, adalah berkenaan dengan keselamatan bekalan makanan. Kita bersetuju apabila pihak Kerajaan membentangkan jumlah yang agak besar, 50 juta ringgit diperuntukkan untuk membangunkan dan juga memastikan keselamatan bekalan makanan khususnya dalam sektor pertanian moden. Di anjung utara Negeri Selangor ini adalah kawasan ataupun gugusan pertanian dan juga industri asas tani jadi dalam jumlah 50 juta ini kalau boleh ditambah lagi, tambahkan lagi kerana ramai pengusaha-pengusaha dan juga usahawan-usahawan dan juga petani-petani yang hari ini semakin mempertingkatkan kaedah pertanian mereka khususnya di kalangan Agroprenuer ataupun Agroprenuer muda iaitu usahawan-usahawan, petani-petani muda yang mana sebagai contoh di kawasan saya ada satu koperasi yang dikenali sebagai Koperasi Wawasan Tani, mereka telah menggunakan ataupun telah pun mengimplementasi pertanian berkonsepkan pertanian moden dan juga menggunakan konsep *internet of things* (IOT) dengan menggunakan dron dan sebagainya. Jadi ini perlu kita perkasakan dan juga kita bangunkan dan selain daripada itu, ianya juga membuka peluang-peluang pekerjaan baru yang lebih *hipsterlah* bahasa orang muda ni sebab minat mereka tak boleh nak jadi pilot kapal terbang mereka jadi pilot dron yang boleh mereka dapat pendapatannya. Menyembur baja siraman, menyembur racun dan sebagainya di kawasan-kawasan sawah padi. Jadi ini adalah satu lonjakan kemajuan dalam sistem teknologi yang kita boleh implementasikan dan beberapa isu lain

14 JULAI 2020 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, masa. Bagi lagi sikit ya. Masa dah habis.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya minta sedikit sahaja lagi ada beberapa perkara. Kalau boleh saya sentuh berkenaan isu Selangkah dan juga My Sejahtera. Kedua-dua ini adalah aplikasi untuk mengesahkan *contact* ataupun jejak. Apa pun yang paling penting dalam kita menggunakan aplikasi yang mengambil data ini ianya mestilah patuh kepada PDPA ataupun *Personel Data Protection Act* yang mana kalaulah Selangkah ini dilantik ataupun dipilih daripada *third party*, Syarikatnya mestilah Syarikat tersebut mesti telah menandatangani suatu akujanji ataupun NDA dengan pihak *Government* dengan pihak Kerajaan Negeri supaya data-data yang tersimpan itu *secured* dan sampai tempoh masanya perlu dilupuskan termasuk juga dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar selaku Ketua Pembangkang berkenaan dengan penjualan aset-aset Yayasan Selangor, jadi kalaulah penjualan aset-aset ini tidak termasuk dalam perkara yang mendesak dan juga perkara yang penting untuk kita menangani ekonomi ataupun kita dalam Pelan Rancangan Pakej Rangsangan Ekonomi Pasca Covid-19 maka kita minta Kerajaan tangguhkan dulu lihat bagaimana Yayasan Selangor ini boleh kembali gemilang tanpa menjual aset-aset.

Lihat sentimen rakyat dan juga anak-anak Negeri Selangor terhadap Yayasan Selangor. Jadi Menteri Besar kena tahu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan Yayasan Selangor ini dan baru-baru ini pulak kita digemparkan lagi Kumpulan Perangsang Selangor Berhad pula ada mencadangkan ataupun membuka bidaan untuk menjual Bangunan Perangsang jadi ini juga perlu dilihat.

Yayasan Selangor ni dah tentu satu agensi ataupun satu badan. Yayasan yang diberi tanggungjawab yang ada amanahnya untuk menjaga pendidikan dan juga keseluruhan sistem, ekosistem memastikan pendidikan dalam Negeri Selangor. Manakala Syarikat Kumpulan Perangsang Selangor Berhad pula adalah satu Syarikat yang telah diperbadankan dan juga disenaraikan dalam *listed company* dan ia adalah Syarikat yang di *control* ataupun dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Jadi ini yang perlu diperhatikan.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Minta penjelasan sikit.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Saya serahkan kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

TUAN SPEAKER : Tak ada masa dah, tak de serah. Kalau serah duduk terus.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Saya minta sikit Speaker.

TUAN SPEAKER : Taman Templer duduk.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Kerajaan

TUAN SPEAKER : Saya bagi sikit yang terakhir, cepat.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Dan Kerajaan juga telah mengumumkan bahawa Kerajaan ini adalah kerajaan yang pro pembangunan, pro peniaga dan juga pro rakyat dan saya, kita semua tahu antara mereka-mereka yang terkesan kerana PKP dan juga wabak Covid-19 ini ialah peniaga dan juga penjaja. Saya ingin membawa satu gambaran isu di kawasan saya iaitu bazar ataupun pasar Sungai Haji Dorani Perdana yang saya dimaklumkan dan juga difahamkan akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua dan ini adalah satu pembangunan yang baik untuk memastikan apa nama ni fasiliti kemudahan yang baik diberikan kepada penjaja dan juga peniaga dan pada masa akan datang inilah menjadi satu tempat *one stop centre* untuk mereka menjana pendapatan tetapi fasiliti yang disediakan oleh pemaju sangat mengecewakan terutamanya daripada segi *awning*, *awning* ni atau atap di depan kedai khususnya di peringkat penjaja yang bermiaga air, yang bermiaga cekodok dan sebagainya waktu matahari pagi naik dia datang tepat pada penjaja jadi dia terlalu panas. Sepatutnya *awning* tu dengan izin boleh ditambah lagi mungkin 3 ataupun 4 kaki. Apa lagi kalau cuaca hujan tempiasnya sampai ke dalam periuk ataupun kuali yang mereka gunakan untuk goreng pisang dan sebagainya. Jadi ini perlu diberikan perhatian. Jika tidak ada bajet, saya mohon supaya ditambah lagi bajet supaya fasiliti dan ekosistem yang menempatkan kawasan bazar atau pun Pekan Haji Dorani Perdana itu lengkap dengan baik, ruang *parking*nya, laluannya dan segala fasiliti-fasiliti keselamatan.

TUAN SPEAKER : Baik Yang Berhormat, sudah. Tamatkan ayat yang terakhir.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Okay, seterusnya saya ucapkan ribuan terima kasih dan kita harap Kerajaan Negeri Selangor adalah kerajaan yang dilabelkan atau pun yang menggelarkan diri mereka sebagai kerajaan yang berkebijakan maka dengarlah denyut nadi rakyat di bawah dan cuba selesaikan sebaik yang mungkin dan kita harapkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin ini berjaya dilaksanakan dengan baik. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor terutama kepada ADUN Sungai Tua yang telah meluluskan peruntukan kita sebanyak RM90,000.00 khususnya untuk pandemik COVID ini dan dengan peruntukan yang digunakan dan mungkin ada yang tersilap sangka kononnya terutama yang di luar yang mengatakan RM90,000.00 adalah tambahan sebenarnya RM90,000.00 adalah peruntukan yang mana daripada ADUN itu sendiri yang

14 JULAI 2020 (SELASA)

digunakan untuk COVID ini dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan
...

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Yang Berhormat Seri Setia, ada nak
minta sedikit penjelasan boleh?

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Tak boleh sebab apa, lima minit saja,
tak sempat nanti, minta maaf.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Sikit 10 saat.

TUAN SPEAKER : Teruskan, teruskan.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Kemudiannya tentang *frontliner* atau pun barisan hadapan saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih atas semangat yang ditunjukkan oleh barisan hadapan, kita juga barisan hadapan dan semua yang bertugas yang membantu untuk menangani COVID ini. Baik saya ambil kesempatan dalam masa yang singkat ini yang saya juga hendak menyatakan tentang zaman ini kita tahu atau pun sekarang ini kita tahu pandemik COVID ini belum berakhir dan ada yang kehilangan pekerjaan, yang tergantung pekerjaannya. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Paya Jaras yang katanya ada jelajah karnival kerjaya untuk seluruh rakyat Negeri Selangor cuma saya minta Yang Berhormat EXCO atau Yang Berhormat Paya Jaras kalau boleh kita buat setiap tempat tanpa mengikut maksudnya minggu ini di sini, bulan depan tidak, kalau boleh dalam masa yang sama biarlah semua tempat yang dijalankan secara serentak kerana kalau kita menunggu giliran ini yang masa agak lama dan sekarang ini rakyat makin menderita kerana pekerjaan tidak ada. Jadi saya cadangkan kalau boleh kita buat dalam satu masa yang sama, itu lebih baik dan saya nak bangkitkan juga tentang peniaga-peniaga. Zaman ini, ketika ini ramai yang kerja tidak ada yang bermiaga, yang ini saya nak mohon sangat kepada pihak kerajaan tempatan. Ada yang memohon lesen bertahun lamanya masih belum diluluskan. Kita tahu untuk mendapatkan lesen ini, perniagaan ini bukanlah mudah, ada peraturan yang perlu diikutkan tetapi mereka ikut peraturan mohon jawapan belum dapat lagi. Yang ini saya minta kerjasama pihak kerajaan tempatan untuk cuba selesaikan masalah ini yang sudah bertahun tidak selesai juga.

Yang keduanya tentang pengecualian sewa premis majlis yang mana pihak Kerajaan Negeri telah menyatakan bahawa telah bagi pengecualian percuma selama dua bulan untuk premis-premis di bawah PBT ataupun kerajaan tempatan. Yang ini saya ucapkan terima kasih tetapi makluman ini kadang-kadang tidak tepat. Ada pegawai yang menyatakan bahawa sebulan, ada peniaga yang merungut pada saya tanya kenapa Kerajaan Negeri kata dua bulan tapi yang dia tahu sebulan. Yang ini saya minta supaya, ini saya tak salahkan pihak EXCO atau pun Kerajaan Negeri, yang ini perlu dilihat dengan lebih jelas lagi kepada peniaga-peniaga itu terutamanya. Baik

14 JULAI 2020 (SELASA)

yang seterusnya, saya juga nak menyatakan bahawa tentang kepada pihak EXCO saya nak mohon sangat, ramai juga yang mohon yang bertanya bagaimana dengan KISS, bagaimana dengan Peduli Sihat? Saya tahu bahawa pihak EXCO sendiri telah meluluskan sebelum ini, ada yang kita dah dapat sedikit kuota kelulusan untuk KISS tetapi dalam masa yang sama ramai yang masih mengharapkan KISS dan saya pun ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Sungai Tua. Yang Amat Berhormat Sungai Tua tadi menyatakan bahawa akan ada penambahan untuk yang lain lagi tetapi bukannya pada tahun ini , cuma saya minta kalau boleh dengan kerjasama dengan belas ehsan saya minta dengan Kerajaan Negeri KISS dan Peduli Sihat tolonglah kita pertingkatkan lagi atau kita bantu mereka dalam keadaan ini untuk menambahkan lagi kuotanya. Yang ini cukup penting. Pergi klinik masih lagi tidak dapat keputusan, masih lagi tergantung, yang ini saya minta tolonglah, saya minta tolong-tolong sangat. Baik seterusnya, baik saya rasa itu sahaja yang saya nak sampaikan sebab saya menghormati Speaker dan saya ucapkan terima kasih kepada pihak semua, pihak Speaker terutamanya dan saya menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sentosa.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker untuk memberikan peluang kepada Sentosa. Saya menyokong penuh Usul Pakej Rangsangan Ekonomi yang dibentangkan oleh Dato' Seri Menteri Besar demi menangani ancaman krisis ekonomi. Banyak perkara yang telah disentuh oleh Seri Setia tadi, saya hanya nak ingin mengucapkan terima kasih kepada satu insan demi jasa dan pengorbanan iaitu semasa beliau menjadi Pengerusi *National Disaster Management Agency* iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah yang telah mempengaruhi NADMA dan telah membuat segala persiapan sebelum Pakatan Harapan telah dikhianati. Tuan Speaker tahniah juga saya ingin ucapkan kepada semua *frontliners* tetapi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan dan juga sukarelawan ke semua 56 DUN, dia adalah sebenarnya *frontliners* kita yang telah bekerjasama dengan selama tiga bulan berturut-turut setiap hari, bertungkus-lumus menyampaikan hasrat Kerajaan Negeri dari segi bantuan dan sebagainya. Dari segi Pakej Rangsangan Ekonomi yang dibentangkan, PBT perlu memainkan peranan yang lebih besar, lebih ruang dan peluang kepada peniaga-peniaga kecil sebenarnya macam Yang Berhormat Seri Setia bentangkan sebentar tadi, lesen perlu diluluskan macam lesen percubaan, seseorang cuba berjinak-jinak dalam perniagaan kalau kita tetapkan had-had yang tidak boleh *definitely they would not be able to achieve to this requirement* so kita patut memberi peluang kepada mereka-mereka untuk mencebur kerana dari segi pendapatan memang semasa COVID ini banyak orang telah hilang pendapatan, kita perlu bantu untuk mereka cuba bermula dan untuk mereka mendapatkan pendapatan dan sebagainya. Kalau boleh tapak-tapak usahawan banyak lagi perlu dibuka oleh PBT supaya mereka boleh bermula. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri dan kepada Yang Berhormat EXCO yang hari ini telah mengumumkan bahawa denda

14 JULAI 2020 (SELASA)

akan dikenakan kerana menyalahgunakan taman permainan kerana walaupun kita dah cuba beberapa kali untuk mendapat bantuan dari pihak polis dan juga pihak PBT *right* tetapi hari ini kita mendapat berita baik iaitu denda RM1,000.00 akan dikenakan walau bagaimanapun PBT perlu memainkan peranan untuk memastikan ke semua taman ada papan-papan tanda dan juga penguatkuasaan yang lebih dristik perlu diambil. Akhir sekali saya telah menulis surat kepada Kementerian Kesihatan Malaysia baru-baru ini dan perkara yang saya bentangkan ialah berkenaan dengan sebuah dasar secara komprehensif bersama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi pelaksanaan polisi sekatan mandatori terhadap waktu operasi kedai makan dan restoran 24 jam. Tatkala negara dilanda wabak COVID 19 rata-rata ke semua kedai makan ini dikawal pengoperasiannya dalam waktu yang terhad. Kita telah belajar dari segi apabila COVID-19 melanda PKP telah mengajar kita untuk duduk di rumah sahaja dan satu ketika kedai hanya boleh dibuka sampai 7:00 malam dan hari ini dibenarkan sampai 12:00 malam dan dari ini kita belajar iaitu kita tidak perlu ada kedai-kedai makan beroperasi 24 jam. Oleh itu saya minta kalau boleh Kerajaan Negeri dan juga PBT cuba meneliti balik dan mengkaji balik keperluan kedai-kedai makanan 24 jam dibenarkan terutamanya di kawasan-kawasan taman perumahan. Kita kalau ada kilang-kilang yang memerlukan kedai itu kita benarkan tetapi di kawasan-kawasan taman perumahan tidak boleh dibenarkan. Ini adalah satu permintaan dari Sentosa kerana banyak restoran-restoran di buka di taman-taman perumahan yang banyak *problem* dari segi kesihatan, penyediaan makanan yang tidak baik disimpan selama satu malam, esok pagi dan sebagainya. So Kerajaan Negeri perlu memainkan peranan untuk membantu mengatasi masalah ini. Akhir kata saya dengan ini mohon sokong Usul ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberikan peluang kepada Bandar Utama membahaskan Usul Pakej Rangsangan Selangor Prihatin dan Pelan Pemulihan Ekonomi Negeri Selangor, saya akan cuba sedaya upaya untuk meringkaskannya. Pertama sekali Bandar Utama ingin memuji komitmen Kerajaan Negeri terhadap warga Selangor di mana sepanjang tempoh Pandemik COVID-19 ini kita telah menjauhkan diri daripada berpolitik dan lebih fokus untuk rakyat. Oleh kerana itu kita menjadi tangkas dan cepat dalam mengendalikan seluruh situasi COVID-19 dan mungkin juga sebab itu kita telah memulakan Sistem Selangkah terlebih dahulu daripada Sistem MySejahtera. Kerajaan Negeri berjaya membentangkan satu kad laporan yang sangat cemerlang pada pandangan Bandar Utama dan merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai pasukan petugas COVID-19 yang diketuai oleh Y.B. Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih bukan sahaja kepada pegawai Kerajaan Negeri dan barisan hadapan yang telah bertugas dengan rajin yang menjaga kebijakan rakyat Selangor, juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga Selangor yang dalam tempoh

14 JULAI 2020 (SELASA)

masa ini yang memberikan pelbagai bantuan untuk penduduk-penduduk Selangor yang lain, ini termasuklah ahli perniagaan, NGO-NGO, rumah-rumah agama dan juga termasuk penduduk-penduduk di bawah DUN Bandar Utama yang telah menghubungi pusat khidmat saya dan mereka telah mendermakan pelbagai jenis barang termasuk topeng muka, pembersih tangan, bekalan makanan dan sebagainya demi semangat ‘Kita Jaga Kita’. Jadi saya hanya ingin mengatakan anda semua menjadikan saya bangga kerana terdiri daripada sebahagian Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Speaker, saya menyambut baik 3 tonggak utama yang disebut dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor bagi menangani wabak COVID-19 ini walaupun kini situasi COVID-19 kelihatan bertambah baik, saya rasa kita semua tidak boleh memandang ringan pada impak COVID-19 yang akan datang dan impak yang terbesar semestinya tertumpu kepada ekonomi negara dan dunia. Oleh itu, ini merupakan satu kelegaan untuk Bandar Utama apabila Dato’ Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor berjaya merangka Pelan Pemulihan Ekonomi Selangor dalam masa yang begitu pendek namun masih begitu terperinci. Ini merupakan satu perkara yang kita patut puji atas jasa dan kerajinan Kerajaan Negeri Selangor.

Apabila Dato’ Menteri Besar membentangkan ketiga-tiga tonggak utama, saya terpanggil untuk membahaskannya dan pada kali ini saya ingin memberikan fokus lebih terhadap aspek pekerjaan. Kerana pada Bandar Utama ini merupakan satu aspek ataupun isu yang paling utama dan harus diselesaikan terlebih dahulu. Tuan Speaker, semestinya kelangsungan industri ataupun perniagaan tertentu termasuk kadar pekerjaan mahupun kadar pengangguran menjadi satu topik yang paling hangat pada ketika ini, Bandar Utama amat prihatin setelah mendengar angka daripada Jabatan Perangkaan Malaysia yang melaporkan peningkatan rakyat Malaysia yang hilang kerja sebanyak lebih daripada 700,000 orang. Jadi setiap daripada mereka ini mungkin pencari nafkah tunggal yang masih perlu menyara ahli-ahli keluarga yang lain. Ini bererti lebih banyak rakyat Malaysia yang akan terkesan daripada peningkatan kadar pengangguran ini. Jadi apabila saya mengetahui salah satu fokus oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah dengan mewujudkan Selangor Kerjaya dalam meningkatkan kemahiran tenaga kerja serta peluang pekerjaan di bawah Negeri Selangor. Ini amat menarik perhatian Bandar Utama dan Bandar Utama sangat bersetuju dengan pembinaan Sistem *Filing* dan pangkalan data bagi memadankan permintaan mengisi kekosongan jawatan. Cuma Bandar Utama ingin menambahkan sedikit cadangan supaya kita dapat menyokong inisiatif Selangor Kerjaya ini dengan lebih berjaya. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri Selangor yang ingin melaksanakan program ataupun inisiatif Selangor Kerjaya ini bukan sahaja bertumpu kepada pangkalan data ataupun kemahiran-kemahiran baru malah mempertimbangkan untuk mewujudkan satu Institut Latihan Pemberdayaan dan Pekerjaan Negeri Selangor dan dikendalikan oleh Agensi Kerajaan sendiri. Saya mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri Selangor turut akan melaksanakan Jelajah Karnival Kerja Malaysia di mana Kerajaan Negeri menjangkakan akan menghasilkan hampir 25,000 peluang pekerjaan baru daripada usaha ini. Namun begitu pada pendapat saya Institut Latihan

14 JULAI 2020 (SELASA)

ataupun Pekerjaan ini akan menghasilkan kesan ataupun impak yang berbeza berbanding dengan *Job Carnival* dengan izin. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat EXCO setiap karnival kerjaya selalunya akan berlangsung selama 3 hingga 5 hari sahaja. Tetapi isu pengangguran ini tidak bermusim, dalam setahun 365 hari akan ada orang ataupun anak muda yang ingin mencari kerja bagi menyara hidup sendiri ataupun keluarga. Oleh itu, saya merasakan sekiranya wujud Institut Latihan Pemberdayaan dan Pekerjaan, Kerajaan Negeri Selangor akan mempunyai satu tempat ataupun satu *base* dengan izin ke ruangan yang berbeza bagi membantu warga Selangor, dengan adanya institut ini pekerja boleh mencari ataupun menjalankan sesi temu duga, menasihat dan sebagainya secara bersemuka ataupun *face to face* dengan izin di samping menyediakan satu tempat yang senang di akses oleh semua warga Selangor terutamanya kepada mereka yang kurang celik digital supaya mereka dapat berjumpa dan berkomunikasi secara terus dengan Kerajaan Negeri Selangor. Saya harap perkara ini boleh dipertimbangkan. Keduanya.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, masa lagi..

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Saya hanya akan bertanyakan satu perkara lagi iaitu saya amat bangga apabila Kerajaan mewujudkan inisiatif Daya Insan iaitu *ride* bagi menggalakkan anak muda untuk terlibat dengan *trending economy's* sekiranya kita memang ingin menggalakkan anak muda untuk terlibat dalam bidang ini Bandar Utama berasa ada keperluan untuk menerima maklum balas daripada rakan penghantar makanan seperti Grab Food dan Food Panda yang kebanyakannya pekerja di bawah Lembah Klang terdapat beberapa isu berbangkitlah terutama apabila Grab Car turut mengambil servis menghantar makanan ketika tempoh PKP dan selepas itu bila tempoh PKP ini Grab Food masih lagi bersaing dengan Grab Car dan juga beberapa isu lain contohnya isu harga tambang yang tidak tetap dan semakin menurun. Isu pengambilan rakan baru yang terlalu ramai, isu pesanan makanan yang terlalu banyak dan menurunkan kualiti penghantaran makanan dan sebagainya. Saya cuma mengharap Kerajaan akan mengambil sedikit perhatian terhadap isu-isu hak pekerja memandangkan terdapat anggaran melebihi 10,000 pekerja *e-hailing* termasuk mereka yang bekerja penuh dan separuh masa di bawah Lembah Klang, jadi saya minta Kerajaan Negeri untuk meneliti dasar ataupun polisi yang menggalakkan *trending economy* mungkin juga boleh mempertimbangkan bagi meluluskan insentif khas *one-off* kepada pekerja-pekerja ini seperti bantuan terhadap pemandu pelancong, pengusaha *homestay* dan sebagainya akhirnya.

TUAN SPEAKER : Jangan akhir dah.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Saya nak menutup perbahasan saya cuma ingin menyeru Kerajaan Negeri untuk bukan sahaja melancarkan kempen pusing Selangor dulu malah menggalakkan rakyat warga Selangor untuk melancarkan Kempen Beli Barang Buatan Malaysia menggunakan perkhidmatan rakyat Malaysia bagi menstabil dan meningkatkan ekonomi domestik.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Kerajaan Negeri Selangor harus teruskan peranan sebagai peneraju memandangkan kita merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia dan dengan ini saya menyokong usul Pakej Rangsangan Selangor Prihatin dan Pelan Pemulihan Ekonomi Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Terima kasih kepada Tuan Speaker di atas laluan yang diberikan ini. Terlebih dahulu Teratai ingin mengucapkan Salam Sejahtera kepada semua yang hadir hari ini. Ada beberapa perkara yang ingin disentuh oleh saya adakah hasrat Kerajaan Negeri dapat dicapai dengan jayanya melalui Pelan Pemulihan Ekonomi Negeri Selangor 2020 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar semalam. Tuan Speaker, dalam kita tetap menjadi kerajaan mesra pelabur dan mesra perniagaan jangan kita lupa terhadap kawasan dan kemudahan-kemudahan awam yang perlu diberi perhatian serius. Ambil contoh di kawasan Pandan Mewah, Teratai. Setiap kali hujan lebat, maka banjir kilat akan berlaku sehingga menyebabkan premis perniagaan di Pandan Mewah tenggelam. Ini menyebabkan kerugian yang amat besar kepada peniaga-peniaga di lokasi tersebut. Justeru Teratai memohon perhatian yang serius dari Kerajaan Negeri agar dapat menyediakan peruntukan kepada MPAJ untuk menaik taraf dan meluaskan longkang sedia ada di sekitar kawasan Pandan Mewah yang sering dilanda banjir kilat. Selain daripada itu, adalah isu yang menjadi tumpuan pelabur mahupun peniaga hari ini adalah berkaitan pengenaan caj meletak kereta di kawasan industri kecil dan sederhana. Pengenaan caj meletak kenderaan ini telah mendapat bantahan konsisten dari peniaga atas alasan kawasan industri kecil dan sederhana bukanlah kawasan tumpuan awam melainkan hanya pengusaha dan pekerja sahaja yang menggunakan kawasan tersebut. Dalam masa sama kawasan industri pula

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, kandungannya ada tersasar dengan Pelan Pemulihan Pakej Rangsangan itu. Fokus kepada yang asal.

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Ok, saya ada beberapa isu juga, tapi tak.

TUAN SPEAKER : Tersasar, kena balik kepada persoalan pokok.

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Lari tajuk kan. Ok kalau itu, saya sokong Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor menangani COVID-19 2020. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Teratai, terima kasih. Silakan Sungai Burong, ini yang terakhir ya, yang terakhir untuk Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum W.B.T., salam sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker kerana membencarkan Sungai Burong untuk mengambil bahagian dalam usul Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Dato' Menteri Besar untuk menangani COVID-19 2020. Tuan Speaker pandemik

14 JULAI 2020 (SELASA)

COVID-19 ini ialah satu krisis kemanusiaan dan kesihatan yang paling mencabar dalam sejarah dunia dan ia nya telah memberikan kesan yang terbesar dalam kesihatan manusia telah mengubah cara kita bekerja, cara hidup kita, cara kita bekerja dan telah menjelaskan kedudukan ekonomi kita. Ramai disebabkan COVID-19 ini, pandemik COVID-19 ini telah kehilangan pekerjaan dan kehilangan pendapatan. Ramai yang telah kehilangan jiwa, kita bersyukur lah kerana Negara kita ini kerana Kerajaan telah bertindak pantas Kerajaan Persekutuan untuk mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini terutamanya dengan melakukan perintah PKP yang begitu tegas dan melaksanakan SOP mengikut kehendak WHO bagi memastikan bahawa penularan wabak COVID ini tidak menular kepada rakyat negara kita ini dan Kerajaan Negeri juga telah bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mengambil tindakan bersama bagi juga memastikan rakyat di negara ini dapat bebas daripada penularan wabak pandemik COVID-19 ini. Mengenai pertama sekali ialah pelaksanaan pematuhan SOP COVID-19 di Selangor. Kita telah 4 bulan lebih kurang melalui proses pelaksanaan SOP COVID di Negeri Selangor ini dengan berbagai-bagai langkah yang pertama sekali ialah untuk memastikan bahawa pergerakan kita ini dapat dikawal melalui penjarakan sosial, penggunaan alat-alat yang mencegah daripada virus dengan penggunaan *mask* di muka dan juga menjaga kebersihan dan juga mengimbas rakyat yang apa ini menjalankan aktiviti di negeri kita ini dengan berbagai langkah. Selangor telah memperkenalkan SElangkah.

Kerajaan Persekutuan MySejahtera sebagai langkah untuk mengimbas QR Code Response sebagai untuk mengesan terutamanya kita apabila apa ini berhadapan dengan penularan ini dan pelaksanaan ini telah berjalan sebegitu lama dan membolehkan supaya rakyat kita menjadikan suatu budaya untuk kita bersama-sama apa orang kata mempraktikkan ini sebagai kewajipan. Kita dapati hari ini ya selepas kita menjalankan apa proses PKPB ataupun melihat secara berperingkat-peringkat pembukaan sektor-sektor dalam negeri kita dapati rakyat telah didisiplinkan dengan tindakan budaya norma baru ini. Kita dapati kalau jenis-jenis perniagaan kita dapati mereka akan apa diminta untuk sama ada mematuhi apa pemeriksaan SElangkah ataupun MySejahtera dan kita nak masuk dewan ini juga kita sama-sama untuk menjalankan pemeriksaan tersebut dan kita mengharapkan supaya norma baru ini dapat dilaksanakan atau sebagai satu budaya baru masyarakat kita. Tapi malangnya saya, Tuan Speaker apa yang berlaku walaupun perkara ini telah berjalan 4 bulan, hari ini nampaknya rakyat telah mula biasa dengan kehidupan yang normal dan nampaknya pelaksanaan itu tidak begitu dipatuhi, sehingga saya ingat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 8 Julai 2020 telah mengeluarkan satu kenyataan berkenaan dengan pandangan Baginda mengenai prosedur operasi SOP COVID-19 di negeri ini. Dan ini kenyataan ini dizahirkan oleh Duli Yang Maha Mulia itu kerana kebimbangan terhadap setia rakyat di negeri ini yang kurang mengambil perhatian terhadap pematuhan garis panduan SOP yang ditetapkan. Jadi setakat ini saya ingin menyusulkan kepada kerajaan ini supaya mengambil tindakan tegas untuk memantau dan pastikan supaya segala pematuhan ini dipatuhi terutama di premis-premis perniagaan. Ini kita dapati kalau kita pergi kadang-kadang hari ini di kedai-kedai

14 JULAI 2020 (SELASA)

misalnya, di restoran-restoran, mereka telah mengambil mudah, kadang restoran tidak mengambil pun suhu badan, kita menulis pula dengan buku, tidak menggunakan SELangkah. Dan apa jadi dengan buku-buku pendaftaran ini kadang tengok mereka ini kurang bertanggungjawab dengan memasukkan nama yang pelik-pelik. Kadang nama pun tak boleh dibaca, ada kadang nama Muhamad sampai berpuluhan-puluhan ya, kemudian itu nombor telefon pun kita tak tahu lagi.

Jadi ini masalah yang besar ya, kerana untuk kita melaksanakan penguatkuasaan sekiranya berlaku penularan Covid ini. Jadi saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dengan *task force* yang telah diwujudkan ini supaya mengambil serius terutamanya apabila mendapat teguran daripada Duli Yang Maha Mulia. Seterusnya ...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sungai Burong, lampu merah, yang terakhir ya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ya, saya ingin meringkaskan satu perkara lagi yang saya rasa penting ini ialah berhubung dengan saya mengalukan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk melaksanakan program pemulihan Rangsangan Ekonomi bagi memulihkan ekonomi Negeri Selangor termasuklah saya ingin menyentuh kerana masa tidak ada berkenaan industri bekalan air. Di mana peluang perniagaan Air Selangor telah dijayakan untuk jangka pendek jangka panjang bagi memastikan bahawa sebagai menjana ekonomi, Kerajaan Negeri Selangor akan dapat membelanjakan lebih kurang RM50 bilion dalam industri bekalan air Selangor dengan menambah baik empangan loji air, sistem kolam paip air, sistem paip takungan air dan melibatkan pelaburan sebanyak RM3.4 bilion untuk tempoh 3 tahun. Ini merupakan satu jumlah pelaburan yang begitu besar ya, yang telah disyorkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya menyokong usul ini tapi masalahnya yang saya ingin bangkitkan di sini ialah masalah gangguan air ini sentiasa berterusan. Tidak habis-habis ya, kita kalau lihat setiap bulan, setiap bulan ada masalah gangguan air. Saya boleh bagi contoh ya, bulan April gangguan bekalan air, bulan Februari, bulan Mei, bulan Julai dan sekarang pun kita akan ada masalah gangguan bekalan air yang tak putus-putus. Ia diibaratkan mimpi ngeri dan merupakan igauan kepada anak Selangor yang setiap kali ada gangguan bekalan air, terutamanya dalam masalah Covid yang berlaku pada hari ini, sudah tentulah ia akan menjadi bebanan menyusahkan kepada mereka. Sudahlah hilang pekerjaan, hilang pendapatan terpaksa membelanjakan pula untuk

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, *point* yang terakhir ya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Jadi saya berharap ...

TUAN SPEAKER : Lagi 5 minit.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Jadi saya berharap sangatlah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memastikan bahawa masalah gangguan air sampai ini 3 Menteri Besar ini. Daripada 3 Menteri Besar dan masalah yang sama, masalah bekalan air, gangguan masalah air ini masih tak selesai. Penggantian paip-paip ini tidak selesai. Jadi saya sangat berharap melalui Program Pemulihan ini kita dapat melihat sesuatu yang lebih berkesan. Lagi satu saya ingin memohon untuk kawasan saya Internet. Internet di kawasan saya untuk penduduk luar negara di luar bandar ini akibatnya sangat penting. Akibat daripada budaya baru sekarang ini penggunaan Internet dalam sistem pembelajaran. Ini termasuk pelajar-pelajar, budak-budak sekolah, pelajar-pelajar universiti yang terpaksa dalam masa PKP tempoh hari, terpaksa membuat pembelajaran melalui rumah daripada rumah. Dan juga sekarang ini menjadi satu budaya baru bekerja pun dari rumah. Tapi malangnya ia di kawasan luar bandar khususnya di kawasan saya. Saya ingat pun di kawasan Sekinchan juga sama kawasan luar bandar, masalah Internet yang lemah ini, masih kita tak selesai lagi. Tak kiralah tapi Kerajaan Negeri ini, saya bukan kata itu hendak kata di Kerajaan Pusat atau di Parlimen, tapi ini melalui Smartsel, kemudahan Internet kajian tinggi akan dicapai di Selangor 100% menjelang 2025, lebih pintar 2025. Ini ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, 1 Mac 2019, kawasan *hot spot wifi*, 4,000 kawasan. Saya hendak minta kawasan saya, kawasan luar bandar ini kita diberi perhatian bagi mengimbangi masalah Internet yang masih mengalami keadaan yang orang kata tidak seimbang ini. Jadi akhirnyalah saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam usaha-usaha untuk menangani masalah Covid ini dengan harapan, dengan bajet yang telah disediakan oleh Dato' Menteri Besar ini, kita dapat ya melihat kesan yang positif dalam masa yang terdekat. Saya, Sungai Burong menyokong.

TUAN SPEAKER: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong walaupun saya bagi 5 minit dia melangkah jadi selangkah dua langkah sampai 11 minit, tak apalah saya bagi peluang ya, kawan, kawan, tak apalah. Baik Ahli-ahli Yang Berhormat perbahasan untuk usul Pakej Rangsangan Selangor Prihatin dan Pelan Pemulihan Ekonomi Selangor telah tamat. Dan saya ucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat seramai 20 orang telah mengambil bahagian pada usul Pakej Rangsangan ini, perbahasan ini. Saya ucapkan tahniah kerana sangat prihatin dan sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan untuk memberi penggulungan dan respons.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker saya ingin menyentuh 2 isu yang disentuh oleh Yang Berhormat Sijangkang. Yang pertamanya Yang Berhormat Sijangkang ada membangkitkan mengenai perancangan Kerajaan Negeri dalam mewujudkan e-wallet Negeri Selangor. Kerajaan Negeri sedar pasaran e-wallet mempunyai potensi besar yang dijangka akan terus berkembang dengan peningkatan mengatasi pengguna dan integrasi perkhidmatan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sedang dalam usaha untuk mewujudkan sebuah platform pembelajaran digital yang menyatakan fungsi e-wallet

14 JULAI 2020 (SELASA)

sedia ada di pasaran merangkumi pembayaran peribadi dan awam serta kesemua perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri termasuk yang dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Justeru itu, e-wallet yang bakal diwujudkan ini akan merangkumi 3 fungsi utama pertama e-wallet, bayaran *parking* atas talian, runcit, e-servis, pembaharuan insurans kereta, pembaharuan cukai jalan, pembayaran saman, pembayaran cukai tanah. Dua, platform pembayaran untuk Jabatan-jabatan dan daerah Selangor atau *pay gate way* dan 3 platform bagi penyaluran bantuan program-program kebajikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebagai contoh program KISS, Jom Shopping, Peduli Sihat dan lain-lain.

Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kelebihan sebagai pengusaha platform e-wallet berbanding pengusaha sedia ada memandangkan terdapat pelbagai perkhidmatan melibatkan Kerajaan Negeri boleh dilaksanakan secara atas talian. Dengan usaha untuk menyertai potensi e-wallet, Kerajaan Negeri dapat memperkemaskan kaedah dan mekanisme pembayaran melalui platform yang bersepada bagi memudahkan urusan orang awam. Selain itu Kerajaan Negeri juga berupaya untuk mengumpul data pengguna dari segi corak perbelanjaan dan tingkah laku pengguna dan melaksanakan kajian analitis bagi tujuan pemantauan serta perancangan di masa hadapan terutamanya terhadap penerima-penerima program kebajikan sedia ada.

Kerajaan Negeri yakin melalui perancangan yang strategik e-wallet yang bakal diwujudkan ini boleh ditonjolkan sebagai platform yang lengkap dan unik di pasaran menandingi keupayaan pengusaha e-wallet sedia ada yang lain. Dan dalam pada itu, sudah tentu ia berkaitan dengan Internet kerana aktiviti dan sebagainya. Saya berharap Yang Berhormat Sungai Burong sedar bahawa di dalam kajian Pakatan Harapan telah pun diadakan telah dilancarkan National Fibre And Connectivity Plan 2019, 2023 dan sekarang tanggungjawab di atas Kerajaan Perikatan Nasional. Pastikan dia buat kerja betul-betul, jangan soal di sini, buat kerja betul. Jadi inilah isu kilang pembuatan kertas di Banting. Tuan Speaker, ada 2 syarikat, 1 ini merupakan kilang pembuatan kertas yang akan bertapak di Banting Industrial City. Jumlah pelaburan untuk projek tersebut dianggarkan sebanyak RM1.3 bilion dengan keluasan tanah sebanyak 81 ekar. Produk yang dihasilkan adalah *top board*, *craft liner*. Jumlah kapasiti pengeluaran tahunan adalah 1.4 juta tan. Projek ini mampu menjana sebanyak 700 pekerjaan baharu, kedai rakyat tempatan khususnya di Negeri Selangor. Keduanya syarikat yang merupakan kilang pembuatan kertas yang akan bertapak di Mahkota Industrial Park, dia bersebelahan sebenarnya. Jumlah pelaburan untuk projek ini dianggarkan sebanyak RM3.5 bilion dengan keluasan tanah setakat ini sebanyak 132 ekar. Produk yang dihasilkan adalah *platpark* serta *packaging paper*. Jumlah kapasiti pengeluaran tahunan adalah 1.5 juta tan. Bahan mentah yang digunakan akan diimport dari USA, Eropah, United Kingdom serta Jepun. Jenis bahan mentah yang akan diimport adalah *sorted waste paper* yang terdiri daripada *sorted old corrugated containers* dan *double sorted old corrugated containers*. Syarikat tersebut akan membeli bahan mentah di Malaysia sekiranya dapat memenuhi kualiti yang ditetapkan. Semua bahan mentah yang diimport harus bebas dari bahan-bahan

14 JULAI 2020 (SELASA)

berbahaya dan beracun. Dari perspektif alam sekitar, kesemua bahan buangan akan mematuhi *environmental quality schedule waste regulation 2005* seperti *lubricant oil, used batteries*, serta habuk dari *waste to energy*. Projek tersebut tidak akan melebihi *average 70 (dB)* untuk kebisingan serta teknologi seperti *noise silencer* akan dipasang dalam kilang tersebut untuk mengawal kebisingan. Sisa air daripada *walter treatment plant* akan digunakan semula untuk proses penjanaan wap. Dari segi kualiti udara, syarikat tersebut akan mematuhi Environmental Quality Clean Air Regulations 2014 yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Untuk *waste to energy plan*, syarikat tersebut akan menggunakan teknologi *nitrogen oxide* (NOX) untuk memastikan kualiti udara sekeliling dijamin.

Air Pollution Control System juga akan dipasang di dalam kilang tersebut. Pada peringkat ini salah satu syarikat ini sedang mendapat ulasan dan maklum balas daripada jabatan teknikal dan agensi-agensi kerajaan untuk memulakan kerja-kerja pembinaan. Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah meluluskan pengimportan *sorted waste paper* untuk *best eternity* salah satu syarikat yang di bawah Asia Scope 470.90.90.0000.

Dan semua Jabatan yang berkenaan yang meluluskannya adalah Jabatan di Kerajaan Persekutuan. Sudah tentu Kementerian Alam Sekitar di bawah Menteri yang lepas akan melihat dan memastikan bahawa semuanya syarat-syarat yang dikenakan oleh Jabatan Alam Sekitar itu dipatuhi. Dan kita di negeri hanya meluluskan soal tanah dan juga kelulusan untuk pembinaan kilang. Jadi pastikan saya juga mohon supaya Yang Berhormat Sijangkang memantau Menteri Alam Sekitar di Persekutuan untuk memastikan kerjanya buat baik-baik (Dewan menepuk meja). Pematuhannya di situ kalau tidak ada di peringkat itu, kilang itu tidak akan diluluskan, tidak akan dibawa ke Selangor. Jadi kalau dia diluluskan, kita luluskan, kita tidak ada kuasa menolak, Kerajaan Persekutuan meluluskan lesen atau pun lesen pembuatan *manufacturing license*, itu sahaja terima kasih. Ya, sila.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Yang Berhormat baru-baru ada menyebut tadi komponen WTE, *waste to energy* itu adalah untuk penggunaan operasi pada syarikat itu sahaja yang pagi tadi Yang Berhormat sebutkan bahawa komponen WTE itu. So, tidak ada penjualan dari sudut WTE itu sendiri dan saya mengharapkan supaya walaupun disebutkan kelulusan itu adalah daripada Kerajaan Persekutuan. Tetapi saya ingat entiti untuk pemantauan *monitoring* itu sebab dalam laporan itu menyebutkan *dioxin anticipated low* bermakna kita khuatir kalau seolah-olah ada tetapi rendah tapi kalau tidak di *monitor* dengan baik saya khuatir akan memberikan impak yang besar, walau tadi Yang Berhormat menyebutkan untuk saya memantau Menteri tapi ialah Menteri tak payah sebut PAS kan itu adalah tanggungjawab kepada mereka dan juga tanggungjawab kita bersama untuk memantau alam sekitar kita terima kasih.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Saya sebut Menteri PAS sebab Yang Berhormat juga PAS jadi senang nak pantau. Kawan sama kawan cakap dengar. Bila lawan cakap kawan tak dengar. Jadi itulah saya minta kerjasama dengan Sijangkang ya dan *waste to energy* sebenarnya adalah kitaran dalam sahaja, sebab ada buangan yang boleh bahan pembuangan yang dihantar ke tapak pelupusan ia bakar untuk dapatkan tenaga haba sahaja. Itu yang dibenarkan jadi memang kita kalau diagnosis semua diagnosis hari-hari kita pakai plastik jadi itu bergantung pada pengawalan dan pengawalan itu tugasnya adalah di bawah jabatan Alam Sekitar di luar Kerajaan Negeri Selangor. Sudah tentu kita juga pantau tetapi kita hanya boleh memantau dari segi melihat sama ada dia membuat kerja ke tidak tapi sebenarnya mutu sama ada mutu ataupun tahap pencapaian di peringkat Jabatan Alam Sekitar itu mematuhi standard antarabangsa Kementerian kena jaga kita tidak dapat menjaganya. Kira kalau memang kerajaan Negeri diberi kuasa itu kita terima tapi kalau diberi kuasa tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mohon penjelasan.

TUAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih. Tahniah kerana mendapat pelaburan besar untuk Negeri Selangor tapi boleh saya balik kepada jawapan terdahulu berkenaan dengan *e-wallet*, cuma nak penjelasan adakah Yang Berhormat maksudkan bahawa kita akan menujuhkan *e-wallet* sendiri jadi bersaing dengan *grab*, *boost*, *touch n go* dan jika tersebut mungkin kita boleh menilai semula, *e-wallet* sudah ada dalam pasaran sudah *establish*, ramai orang sudah menggunakannya. Mungkin perkhidmatan sedia ada boleh menerima bayaran daripada *grab*, *boost*, *touch n go* ia lebih mudah kepada rakyat dia tak payah *install* lagi *e-wallet* dalam telefon mereka dan kita boleh menjimatkan kos untuk membangunkan *e-wallet* yang baru jadi jimat kos dan juga senang untuk rakyat, saya mohon kerajaan mempertimbangkan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, Kerajaan Negeri memang mentafee apa yang berlaku di pasaran. Sebab itu kita dalam proses untuk menujuhkan *e-wallet* kita tidak menujuhkan satu syarikat yang baru dan kita tidak membelanja untuk buat *development* satu platform baru. Kita sedang mengkaji untuk melabur di dalam syarikat yang sedia ada ya. Yang pertamanya kita pastikan bahawa kita memperolehi mempunyai satu sumber hasil yang baru untuk Kerajaan Negeri kerana Bank Negara akan mengeluarkan lesen digital bank. Jadi sekiranya Kerajaan Negeri berpeluang untuk juga menyertai bidang ini sudah tentu ia akan menguntungkan Kerajaan Negeri kerana dalam dewan ini juga Ahli Yang Berhormat selalu menyebut bahawa kita tidak boleh bergantung pada premium tanah dan sebagainya, sebagai sumber hasil untuk Negeri Selangor. Kita melihat yang *e-wallet* salah satu sumber yang baik di mana dia juga akan bergabung dengan berbagai-bagai program kebajikan rakyat, kebajikan rakyat yang diberikan Kerajaan Negeri Selangor

14 JULAI 2020 (SELASA)

kerana kumpulan ini adalah kumpulan yang am bank dia tidak ada car bank, e-wallet adalah yang terbaik menyampaikan kebajikan kepada mereka dan pada masa yang sama juga dalam pasaran ada banyak sebenarnya ada 43 pemegang lesen e-wallet tapi kita akan membuat kajian dan satu IFP Request Proposal akan keluarkan dalam minggu, untuk melihat cadangan-cadangan dari syarikat yang sedia ada tawaran yang baik kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk membuat pelaburan dalam e-wallet ini. Itu akan dikaji dan di proses dengan teliti. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baik penjelasan penggulungan pada Yang Berhormat Bandar Baru Klang, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mengangkat 2 perkara yang disinggung oleh adinda Yang Berhormat Jeram walaupun dah minta maaf tapi penting bagi saya merakamkan perkara di dalam dewan yang mulia ini, supaya kita tahu apa yang isu yang sebenar di sebalik perkara yang dibangkitkan. Pertama tentang isu pencerobohan tanah. Saya ingin mengatakan di sini walaupun kronologinya sebenarnya saya tidak ada saya tak pernah tahu program ini atau perkara ini berlaku sehingga salah satu mesyuarat MTES yang berlaku pada 16 Oktober ya, yang dipengerusikan oleh Dato' Menteri Besar yang mengatakan ataupun yang membawa paper ataupun dokumen untuk berkaitan dengan bagaimana hendak menyelesaikan masalah pencerobohan tanah kerajaan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara di Pusat Komuniti Kampung Felda Bukit Cerakah. Maka saya bacakan keputusan MTES pada ketika itu iaitu, Yang Berhormat Puan Rodziah diminta bersedia sekiranya pihak JJF Two beliau bagi menyelesaikan isu berkaitan pencerobohan tanpa izin di atas tanah kerajaan ini dan membincangkan cadangan tanah secara lesen pendudukan sementara bagi tujuan penanaman kontan. Jadi atas arahan inilah saya bertindak sebenarnya selepas 16 Oktober dan setelah MMKN meluluskan perkara ini pada 23 Oktober maka saya pun mengambil maklum dan mengambil tanggungjawab ini dan akhirnya beberapa perkara telah berlaku di mana saya telah didatangi penganjur pada 27 Oktober dan saya mengambil tindakan turun padang pada 20 November 2019 pada 2.30 petang. Maka saya laporkan semula pada MMKN pada 4 Disember. Jadi selepas dilaporkan di MMKN maka keputusan MMKN pada itu adalah oleh yang demikian bagi menyelesaikan isu berhubung projek ini Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju dengan perkara-perkara berikut, di antaranya pertama pihak PTD Kuala Selangor diminta untuk mencadangkan tapak baru jika ada atau pihak PTD menyemak kesesuaian tapak sedia ada untuk dipertimbangkan LPS sehingga satu keputusan bersama dicapai antara pemilik projek dan Kerajaan Negeri dengan keluasan tapak sedia ada dikekalkan dan pengusaha tidak dibenarkan menambah keluasan projek tanah yang ada. Pemilik projek juga hendaklah mematuhi semua prosedur berkaitan permohonan tanah bagi projek ini dan PTD Kuala Selangor diminta untuk menyelesaikan penyediaan bekalan elektrik dan air di bangunan orang ramai dan bangunan belia untuk kemudahan setempat. Jadi saya harap Yang Berhormat Jeram kena akur ini adalah keputusan MMKN dan saya rasa memang kuranglah kasih sayang mungkin walaupun

14 JULAI 2020 (SELASA)

saya tengok *whatsapp* saya dengan Yang Berhormat Jeram banyak sebenarnya. Sehingga saya catatkan tarikh-tarikh perbincangan khususnya perbincangan berkaitan dengan Ketua Kampung tetapi saya mohonlah jangan buat tuduhan yang begitu.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Yang berhormat saya minta sedikit

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya tak bagi laluan.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Sedikit sahaja Yang Berhormat.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya tak bagi laluan, sebab dah minta maafkan.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Sebab apa, berkenaan dengan sebelum pergi ke Ketua Kampung berkenaan dengan pencerobohan tanah haram itu, ada dua bukan sahaja tanah cerobohan dekat Balai Raya juga yang mana milik Kerajaan Negeri Selangor. Kalau Yang Berhormat mengatakan tentang tarikh MTES sebelum tarikh MTES itu kalau perasan saya juga pernah menghantar surat berkenaan dengan laporan untuk tindakan kepada PTG, PTG di SUK dan juga kepada Tuan Pegawai Daerah, tetapi saya agak kecewa kerana surat saya sebagai Wakil Rakyat ketika itu dalam blog Pakatan Harapan tidak diendahkan, tidak memanggil saya untuk berbincang untuk menanyakan kenapa saya membantah sedemikian, itu sahaja terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Jeram, saya ulang tadi tak tahu pun tentang isu ini sehingga perkara ini dibawa dalam MTES sehingga MTES menamakan saya untuk menyelesaikan perkara ini. Jadi sebab itu banyak rentetan sebelum itu sebelum dilaporkan semula ke MMKN, saya buat mesyuarat dengan PTG, Pejabat Tanah ada wakil 6 orang datang pada selepas itu kita bincang akhirnya kita turun padang dan kita lihat sendiri sebenarnya. Jadi saya rasa isu kali perlulah, perlulah kita teliti ataupun berhemah sedikit di dalam meminta penjelasan dan saya harap perkara ini boleh diselesaikan selepas ini Inn Shaa Allah saya akan memanggil pihak Pejabat Tanah Kuala Selangor untuk memastikan perkara ini tidak berulang semula Inn Shaa Allah. Dan isu Ketua Kampung Jeram saya rasa ia nya telah selesai Ketua Kampung itu pun telah tamat, tetapi ingin saya jelaskan di sini sebenarnya saya memang akur memang dapat surat Yang Berhormat Jeram tetapi tidak pula dinyatakan yang 12 syarikat isu yang dibangkitkan itu tentang 12 syarikat. Jadi saya tak faham kenapa perkara ini dibangkitkan di sini kerana di dalam surat Yang Berhormat sendiri yang membawa dua surat yang saya terima alasan lain yang diberi kenapa perlu dilucutkan, apa pun saya nak nyatakan Timbalan Speaker di dalam dewan yang mulia ini, walaupun kita lantikan-lantikan Ketua Kampung ini sebenarnya berasaskan kepada lantikan politik tetapi di dalam tatacara garis panduan pelantikan dan pengguguran seseorang itu jelas dinyatakan di sini

14 JULAI 2020 (SELASA)

bahawa kalau ia nya ataupun perkhidmatan Ketua Kampung boleh ditamatkan atas asas tertentu tidak menjalankan tugas dan sebagainya tetapi ia tidak hanya boleh datang hanya dengan sekeping kertas begini ia perlu disiasat kena dibuat ataupun dilaporkan kepada jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Penilaian dan Tatatertib. Jadi jawatankuasa ini terdiri daripada siapa urus setianya UPEN dan 3 wakil-wakil parti yang telah pun ditentukan untuk duduk di situ. Jadi pada ketika itu setelah surat-surat yang panjang yang saya terima akhirnya pada 23 minta maaf pada, pada 23 Disember 2019 selepas mendapat surat daripada Yang Berhormat Jeram kali kedua ya, maknanya kita jawatankuasa berbincang sekali lagi pada 5 Januari 2020 iaitu keputusan daripada pihak, pihak wakil daripada pihak parti Yang Berhormat sendiri yang mencadangkan supaya tunggu sehingga pemilihan parti selesai. Jadi kita akur pada keputusan itu dan akhirnya saya tak tahu apa berlaku dalam pemilihan parti dan tapi akhirnya berlakunya pengkhianatan dan akhirnya semua berlaku lompatan beberapa ahli-ahli Bersatu dan akhir semua Ketua Kampung Bersatu ditamatkan sebanyak 65 orang, jadi itu penjelasan saya. Dan kepada Sungai Tawar sedikit menyinggung tentang perkataan *one off* penjaja tadi, memanglah kita tahu tadi 40 juta yang diperuntukkan itu tidak habis dibelanjakan kenapa? sebab bila kita buat siasatan kita dapati ramai juga yang sebenarnya mempunyai lesen tetapi lesen itu macam-macam kategori bermaknanya ada yang telah tak berniaga tapi dia bagi pada orang lain, tapi saya nak tegaskan dalam dewan mulia ini, inilah lainnya kita Pakatan Harapan, kita tak bagi pada kroni kita siasat betul-betul yang layak sahaja dapat. Kalau kita bagi kroni 40 juta ini dan habis dan tetapi kita pegang amanah rakyat mana-mana rakyat sebab itu akhirnya kita beri kepada mereka yang mempunyai lesen pada fasa pertama.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Boleh saya mencelah.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Bila fasa kedua baru kita bagi kita buka bila ada kelonggaran ataupun berlebihan kewangan itu, fasa kedua peruntukan *one off*

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Boleh saya mencelah

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : 500 ini, diberikan kepada mereka yang bernaung di bawah persatuan agensi-agensi kerajaan tetapi tidak berlesen di bawah PBT. Jadi sebab itu saya rasa fakta dapat itu sebenarnya telah dimurnikan kita tak nafikan 86 ribu pelesen-pelesen penjaja-penjaja yang dileSENkan ini sebenarnya tak semua dapat.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Boleh bagi ruang.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Dah sekarang boleh cakap.

14 JULAI 2020 (SELASA)

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Ok, terima kasih. Ini perbahasan saya semalam, sebab itu saya bertanya saya diberitahu daripada 30 40 juta ini baru 10 juta yang dibelanjakan. Hari ini Yang Berhormat Batu Tiga dan memberi penjelasan tetapi saya rasa tak perlulah menyebut kroni sebab sebut kroni ini sangat luas. Nanti kalau saya cerita pula dari segi yang kita dapat tentang kroni, jadi ayat kroni tu tak sesuai diguna pakai kepada kamilah.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya hanya mengambil perkataan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Lebih-lebih lagi saya, berkroni lagi silap-silap Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya mengambil makluman daripada baru sebentar tadi,

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Tapi ayat kroni itu saya minta tarik balik.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Yang Berhormat sendiri yang menggunakan perkataan kroni, bukan saya.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Saya tak guna perkataan kroni yang tadi Hulu Kelang, Hulu Kelang yang boleh tengok balik tayangan. Hulu Kelang yang sebut kroni saya tak sebut.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Hulu Kelang tengok sambut tentang kroni dan

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Boleh tengok balik.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Dan selepas itu

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Batu Tiga pun tak suka orang tuduh Batu Tiga. Jadi saya ingat Batu Tiga pun janganlah tuduh kami. Saya minta tarik balik perkataan kroni itu.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Kenapa sensitif sangat bila saya sebut perkataan kroni. Tak ada kena mengena.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Saya tidak sensitif, saya tidak sensitif. Macam saya kata saya pembakang.

TUAN SPEAKER : Ahli Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat Sungai Tawar. Sila duduk. Isu kroni kita berhentikan sementaralah ya. Baik. Ahli-ahli Yang

14 JULAI 2020 (SELASA)

Berhormat sekalian masa telah menunjukkan 4.30 petang. Dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga hari esok 15 Julai 2020 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.30 PETANG)